

PERANAN DAN SUMBANGAN AGENSI DAN JABATAN KERAJAAN DI DALAM
PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR.
PENUMPuan DIBUAT KE ATAS RISDA DAN JABATAN HAIWAN.

(Satu Kajian Kes di Kampong Ajai, Raub, Pahang)

OLEH

NO. MATRIK 34850

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1981/82

PENGHARGAAN

BISMILLA-HIR-RAHMAN-NIR-RAHIM,

Syukur kepada ALLAH Subha-nahu-wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat disiapkan penulisan latihan ini.

Penulis terhutang budi kepada beberapa pihak yang telah memberi sumbangan baik secara lansung atau tidak lansung sehingga selesainya penulisan latihan ini.

Penulis merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof.Madya Dr. Zainal Kling selaku penyelia Latihan Ilmiah ini, di atas pandangan, cadangan, panduan, pembetulan serta tunjuk ajar beliau sepanjang penyediaan dan penulisan Latihan Ilmiah ini.

Penulis juga tidak melupai jasabaik :-

1. Kakak penulis sendiri, Normah bte. Abd. Wahab, yang telah membayai penulisan kajian ini.
2. Kakitangan Agensi-Agenzi serta Jabatan-Jabatan Kerajaan di Daerah Raub.
3. Ketua Kampong Ajai serta semua responden di Kampong tersebut.
4. Rakan-rakan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

Semoga ALLAH S.W.T. akan membalas jasabaik kalian semua.

SINOPSIS

Ini ialah satu kajian sosio-ekonomi di Kampong Ajai, di negeri Pahang. Tumpuan kajian ialah ke atas peranan dan sumbangan oleh Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan dalam usahanya untuk memajukan masyarakat luar bandar dengan penumpuan khas kepada pihak Berkuasa RISDA dan Jabatan Haiwan. Penulisan ini sebenarnya mengandungi tujuh bab.

BAB pertama dalam penulisan ini menerangkan tujuan dan kepentingan kajian, method kajian, bidang serta masaalah kajian. Disebabkan kajian ini termasuk bidang pembangunan, BAB kedua dalam penulisan ini secara ringkasnya membincangkan konsep pembangunan, pembangunan mayarakat dan pembangunan masyarakat di Malaysia.

BAB ketiga pula membentangkan latar belakang kawasan kajian dan sosio-ekonomi responden. BAB keempat menumpukan perbincangan mengenai pihak Berkuasa RISDA dan Jabatan Haiwan berhubung dengan perkara-perkara penubuhannya, struktur dan organisasi serta strategi dan aktibiti pembangunan yang disediakan.

Program-program pembangunan yang disediakan oleh pihak Berkuasa RISDA dan Jabatan Haiwan di Kampong ini serta penyertaan dikalangan responden akan dibincangkan dalam BAB yang kelima. Penumpuan disini akan dibuat berdasarkan kepada aspek penyertaan, pencapaian, keberkesanannya dan implikasi yang timbul darinya. Di BAB keenam pula akan dibincangkan program-program pembangunan yang disediakan oleh lain-lain Agenzi dan Jabatan Kerajaan dan termasuk perbincangan ringkas mengenai infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sosial yang disediakan kepada penduduk-penduduk Kampong ini. BAB ketujuh pula merupakan bab penutup.

KANDUNGAN

	Halaman
PETA-PETA	i
SINOPSIS	ii
PENGHARGAAN	iii
DAFTAR KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL, RAJAH DAN PETA	vi
BAB I PENDAHULUAN	I - I3
I.1. Pengenalan	I
I.2. Tujuan dan Kepentingan Kajian	3
I.3. Method Kajian	3
I.4. Bidang Kajian	6
I.5. Masaalah Kajian	9
BAB II RANGKA KONSEP PEMBANGUNAN	I4 - I5
2.1. Pengenalan	I4
2.2. Pembangunan - Satu Tinjauan Umum	I4
2.3. Pendekatan-Pendekatan Dalam Pembangunan	I8
2.4. Pembangunan Masyarakat	20
2.5. Pembangunan Masyarakat di Malaysia	26
BAB III LATAR BELAKANG TEMPAT DAN SOSIO-EKONOMI	32 - 57
3.1. Pengenalan	32
3.2. Kawasan Kajian	32
3.3. Sebelum Tahun 1950'an	36
3.3.1. Jenis Pekerjaan	37
3.3.2. Paras Pendapatan	38
3.3.3. Taraf Pendidikan	38
3.3.4. Pemilikan	39
3.3.5. Saiz Keluarga	40
3.4. Tahun 1980 - Sekarang	42
3.4.1. Jenis Pekerjaan	42
3.4.2. Paras Pendapatan	43
3.4.3. Taraf Pendidikan	44
3.4.4. Pemilikan	46
3.4.4.1. Tanah	46

3.4.4.2. Rumah	49
3.4.4.3. Alat-Alat Rumah	50
3.4.4.4. Kenderaan	51
3.4.4.5. Alat-Alat Pertanian	51
3.4.4.6. Binatang Ternakan	52
3.4.5. Saiz Keluarga	52
3.5. Penglibatan Dalam Politik	53
3.6. Peranan Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan	55
BAB IV AGENSI DAN JABATAN KERAJAAN.....	58 - 80
4.1. Pengenalan	58
4.2. RISDA	58
4.2.1. Pemubuhan RISDA	58
4.2.2. Struktur dan Organisasi RISDA	61
4.2.3. Strategi dan Aktibiti Pembangunan RISDA	63
4.2.3.1. Rancangan Tanam Semula/Tanam Baru	64
4.2.3.2. Rancangan Subsidi Input Pertanian	66
4.2.3.3. Rancangan Kredit	67
4.2.3.4. Program Pemasaran RISDA	68
4.2.3.5. Program Bekalan dan Pengangkutan	69
4.2.3.6. Rancangan Latihan dan Pembangunan Masyarakat ...	69
4.3. Jabatan Haiwan	69
4.3.1. Pemubuhan Jabatan Haiwan	70
4.3.2. Struktur dan Organisasi Jabatan Haiwan	72
4.3.3. Strategi dan Aktibiti Pembangunan Jabatan Haiwan	74
4.3.3.1. Rancangan Pawah Kerbau/Lembu	75
4.3.3.2. Pusat Ternakan Kerbau	76
4.3.3.3. Rancangan Ternakan Ayam	76
4.3.3.4. Rancangan Ternakan Babi	77
4.3.3.5. Memajukan Kawasan Ternakan ..	77
4.3.3.6. Perkhidmatan Pengembangan ...	78
BAB V PROJEK-PROJEK DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DI-SALURKAN OLEH RISDA DAN JAB.HAIWAN	81 - 106
5.1. Pengenalan	81
5.2. RISDA	81

5.2.2. Kemudahan Bantuan/Subsidi	86
5.2.3. PPPK	88
5.2.4. Kemudahan Kredit	90
5.2.5. Kemudahan Pemasaran	92
5.2.6. Kemudahan Latihan	93
5.2.7. Biasiswa RISDA	93
5.2.8. Lawatan Sambil Belajar	94
5.3. Jabatan Haiwan	95
5.3.1. Rancangan Lembu Pawah	95
5.3.2. Padang Ragut	98
5.3.3. Kawalan Penyakit	99
5.3.4. Perkhidmatan Permanian Berhadas	100
5.3.5. Latihan Bagi Penternak	101
5.3.6. Lawatan Sambil Belajar	101
5.4. Kesimpulan	102
BAB VI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI OLEH LAIN-LAIN AGENSI DAN JABATAN KERAJAAN 107 - 126	
6.1. Pengenalan	107
6.2. Jabatan/Kementerian Kerajaan	107
6.3. Agensi-Agenzi Kerajaan	109
6.4. Infrastruktur-Infrastruktur dan Kemudahan-Kemudahan dari Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan	III
6.5. Penyertaan Responden di dalam Program-Program yang disediakan oleh Pihak Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan	II4
6.5.1. Jabatan Pertanian	II4
6.5.2. Kementerian Kesihatan	II8
6.5.3. Jabatan Pelajaran	I20
6.5.4. Lembaga Letrik Negara	I22
6.5.5. Pejabat Daerah	I22
6.5.6. Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	I23
6.5.7. Jabatan Kebajikan Masyarakat	I23
6.5.8. Jabatan Ugama Islam	I24
6.5.9. Lembaga Urusan dan Tabung Haji	I24
6.6. Kesimpulan	I25
BAB VII PENILAIAN DAN PENUTUP	I27 - I38
LAMPIRAN-LAMPIRAN	
BIBLIOGRAFI	

SENARAI JADUAL, RAJAH DAN PETA

	Halaman
JADUAL I Saiz Keluarga.	41
2 Jenis Pekerjaan Utama Responden.	42
3 Pendapatan Bulanan Responden.	44
4 Taraf Pendidikan Responden.	45
5 Taraf Pendidikan Anak-Anak Responden.	46
6 Pemilikan Kebun Getah Mengikut Saiz.	47
7 Pemilikan Tanah Sawah.	48
8 Jenis Rumah Didiami.	49
9 Pemilikan Alat-Alat Rumah.	50
I0 Saiz Keluarga Responden.	53
II Penglibatan Responden di Dalam Politik.	55
I2 Projek Tanam Semula/Tanam Baru.	82
I3 Kemudahan Bantuan/Subsidi.	86
I4 Kemudahan Kredit yang diterima oleh Responden.	90
I5 Penyertaan Responden di dalam Rancangan Lembu Pawah.	96
I6 Pemilikan Ternakan Lembu Oleh Responden.	96
I7 Penyertaan Responden/Keluarga di dalam Program-Program oleh lain-lain Agensi dan Jabatan/Kementerian Kerajaan.	II4a
RAJAH I Organisasi RISDA.	61a
2 Organisasi Pejabat Haiwan Daerah.	73a
PETA I Kedudukan Kawasan Kajian.	i

BAB I

PENDAHULUAN

Sejak jauh, luar bandar merupakan kawasan yang mengalami perkembangan pesat.

Kebanyakan penduduk di Malaysia serta dalam pengaruhnya terhadap pembangunan kawasan luar bandar.

Kebanyakan penduduk di kawasan luar bandar.

I.I. Pengenalan.

Perkembangan kawasan luar bandar ini bermula sejak Menteri Luar Bandar

ALLAHYARHAM Tun Haji Abdul Razak, bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke-

dua pernah berkata bahawa ;

"Kita di Tanah Melayu sekarang ada mempunyai rancangan-rancangan yang bolehlah diibaratkan sebagai parang yang bermata dua untuk menembus jalan menuju ke hala kemajuan; kemajuan dalam bandar-bandar dan kemajuan di kawasan-kawasan luar bandar. Sebelah mata parang itu ialah rancangan pembangunan luar bandar dan sebelah lagi ialah rancangan perusahaan-perusahaan perintis dan kemajuan perusahaan".¹

Bagi mencapai kedua-dua matlamat pembangunan tersebut maka pihak Kerajaan melalui Kementerian, Jabatan serta Agensi-Agensinya cuba melaksanakannya. Matlamat utama rancangan-rancangan ini lebih merupakan rancangan pembangunan sosio-ekonomi. Bagi melaksanakannya, pihak Kerajaan dari tahun kesetahun memperuntukkan sejumlah besar daripada perbelanjaan negara untuk pembangunan. Misalnya bagi tahun 1976, sejumlah \$2,334 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan negara. Ini telah meningkat kepada \$3,138 juta pada 1977, \$3,600 juta pada 1978², \$4,151 juta pada 1979 dan \$5,000 juta pada tahun 1980³.

Rancangan pembangunan sosial dan ekonomi bagi kawasan luar bandar⁴ adalah merupakan matlamat utama pihak Kerajaan. Ini adalah kerana kawasan luar bandar ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kemiskinan.⁵ Ini kerana penduduk-penduduk di-

Lagi pun, luar bandar merupakan kawasan yang menampung 65 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia Barat.⁷ Rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang disalurkan ke kawasan luar bandar ini cuba mengimbangi keadaan masyarakat luar bandar dengan keadaan di bandar.

Penubuhan Kementerian Pembangunan Luar Bandar⁸ adalah merupakan satu langkah yang paling berkesan di dalam mencapai matlamat-matlamat pembangunan Kerajaan ini. Penubuhan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini adalah bertujuan untuk menyatukan tenaga Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan yang berkaitan dengan kemajuan luar bandar ini supaya Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi ini menjadi satu dan lebih sempurna. Bagi menentukan bahawa matlamat memajukan kawasan-kawasan luar bandar ini berjalan dengan baiknya dan sempurna maka Jawatankuasa-Jawatankuasa di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah/Jajahan diadakan.⁹

Sepanjang pengetahuan pengkaji, kajian mengenai peranan serta sumbangan pihak Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan terhadap penduduk-penduduk di luar bandar ini belum lagi dilakukan oleh mana-mana pihak. Kajian-kajian yang dibuat sejak itu hanya menumpukan kepada peranan dan sumbangan pihak Agensi Kerajaan seperti RISDA¹⁰, FELDA,¹¹ FAMA, MADA, Bank Pertanian Malaysia dan seumpamanya. Kajian terhadap Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan pula biasanya dilakukan sendiri oleh Jabatan atau Kementerian tersebut (seperti yang dilakukan oleh pihak KEMAS) atau dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Disebabkan Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan ini sama-sama memainkan peranan di dalam rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat di luar bandar maka pengkaji rasa adalah baik kiranya peranan dan sumbangan kedua-dua agen ini dilihat dengan lebih kritis di dalam satu kajian.

I.2. Tujuan dan Kepentingan Kajian.

Antara lain kajian ini akan meninjau :-

- i. Penglibatan Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan di dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar melalui program-program yang disediakan bagi penduduk-penduduk luar bandar.
- ii. Pandangan atau sikap penduduk-penduduk luar bandar terhadap program-program yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan itu.
- iii. Kesan pembangunan sosio-ekonomi oleh Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan disamping menilai penerimaan masyarakat terhadap perubahan-perubahan sosio-ekonomi yang dialami oleh mereka; dan
- iv. masaalah-masaalah yang timbul, samaada dari pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan atau dari pihak penduduk luar bandar itu sendiri, di dalam perjalanan program-program tersebut di kawasan kajian.Jika perlu, beberapa saranan yang dianggap berguna bagi mengatasi masaalah tersebut akan disertakan.

I.3. Method Kajian.

Method utama bagi mendapatkan data-data dalam kajian ini ialah dengan menggunakan method soalselidik atau jadual soalan.Pengkaji telah menyediakan soalan-soalan yang sesuai dengan tujuan kajian ini berdasarkan penulisan kajian-kajian yang lepas di dalam kajian yang hampir serupa dengan kajian ini.Di samping itu, pengkaji juga membuat soalan-soalan berdasarkan maklumat-maklumat yang didapati

fikirkan sesuai untuk mendapatkan maklumat terhadap masaalah-masaalah yang ingin dikaji. Bagi memudahkan responden memahami soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka, pengkaji telah menyediakan soalan-soalan yang mudah dan terang maksudnya dan disampaikan kepada responden melalui ayat-ayat atau perkataan-perkataan yang lebih mudah untuk memudahkan pengkaji mendapat jawapan yang sebenarnya dari responden. Mana-mana soalan yang agak mengelirukan responden, pengkaji mengatasinya dengan mengubah sedikit sebanyak soalan semasa bertemu muka dengan responden supaya ianya lebih difahami oleh mereka tanpa lari dari maksud soalan yang sebenarnya.

Soalselidik ini mempunyai dua bentuk; pertama ialah yang bersifat soalan terbuka, dan satu lagi ialah soalan tertutup. Soalselidik yang bersifat terbuka ialah soalan yang tidak mempunyai jawapan khusus atau tiada jawapan yang disediakan. Ini bermakna bahawa responden boleh memberi apa-apa sahaja jawapan yang ianya rasa menepati atau bersetujuan dengan soalan yang dikemukakan. Di dalam soalan yang berbentuk tertutup pula, responden perlu menjawab soalan-soalan yang mana jawapan-jawapannya sudah disediakan. Jadi, responden tidak boleh memberi pendapatnya sendiri tetapi hanya memilih jawapan-jawapan yang telah disediakan itu.

Bagi menjalankan kajian ini, satu sample seramai 50 orang responden telah dipilih secara rambang untuk disoalselidik. Ini adalah disebabkan pembatasan masa bagi pengkaji untuk menjalankan temuduga ke atas semua penduduk Kampong ini.

Method penyertaan dan pemerhatian adalah berguna bagi pengkaji untuk mengetahui keadaan kehidupan mereka sehari-hari secara keseluruhannya. Ini terutamanya meliputi aktibiti mereka di dalam masyarakat se tempat seperti kegiatan-kegiatan sosial, ugama, kenduri-kendara, gotong royong dan sebagainya. Disebabkan pengkaji

pengkaji telah dapat mengenali responden-responden dengan lebih dekat dan mendalam. Kerjasama dari mereka juga adalah baik terhadap pengkaji. Melalui method penyertaan dan pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat dan memahami pekerjaan-pekerjaan mereka, samaada ianya berbentuk pekerjaan utama, sambilan, sampingan ataupun kerja musiman. Ini dapat membantu pengkaji lebih mendekati responden dalam segala bidang samaada bidang sosial, ekonomi, ugama maupun politik. Melalui method ini juga, pengkaji dapat membuat "cross check" terhadap setengah-setengah keterangan yang diberikan oleh responden samaada dalam pemilikan mereka (terutamanya pemilikan tanah) atau lain-lain keterangan mengenai penyertaan mereka di dalam program-program yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan. Oleh itu pengkaji rasa melalui "cross check" seperti ini dapat mengurangkan kenyataan-kenyataan yang kurang tepat dari responden.

Di samping itu juga, tidak kurang masa yang telah pengkaji gunakan untuk temubual-temubual di kedai-kedai kopi, di masjid atau madrasah dan di kebun-kebun atau di mana-mana sahaja yang difikirkan sesuai. Pengkaji akan cuba meminta pendapat atau pandangan dari mereka berkenaan dengan program-program yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan, dan mendengar apa-apa sungutan atau masalah yang ujud berhubung dengan penyertaan mereka di dalam program-program tersebut. Oleh itu melalui kaedah ini, maklumat-maklumat seperti pandangan dan sikap responden terhadap satu-satu perkara itu lagi mudah didapati daripada menggunakan kaedah soalselidik kerana melalui kaedah soalselidik, responden merasa terkongkong untuk mengeluarkan pendapat mereka berbanding dengan kaedah temubual yang membolehkan mereka mengeluarkan pendapat dan pandangan mereka dengan lebih bebas lagi.

ini dapat mengelakkan atau mengurangkan kesilapan-kesilapan dalam kajian. Melalui metode temubual ini juga, pengkaji dapat lebih banyak penjelasan berhubung dengan keadaan hidup mereka di tahun-tahun 1950-an dimana ianya merupakan sebahagian daripada bidang kajian penulisan ini.

Selain daripada menemuduga responden dan memerhatikan kegiatan-kegiatan mereka, pengkaji juga menemuduga dan menemuramah beberapa orang pemimpin dalam kawasan kajian atau yang ada kena mengena dengan kawasan kajian ini yang diantaranya ialah ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong (JKKK),¹² ketua-ketua Agensi dan Jabatan Kerajaan serta kakitangan mereka di Daerah Raub, Penghulu mukim serta beberapa orang ketua kampong di sekitar kawasan kajian.

Method terakhir yang digunakan oleh pengkaji ialah melalui rujukan perpus-takaan atau dari dokumen bertulis (literature review). Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai topik kajian, terutama sekali maklumat berkenaan dengan pembangunan sosio-ekonomi luar bandar di samping menambahkan lagi pengetahuan pengkaji mengenai bidang kajian. Pengkaji juga telah banyak memperolehi risalah-risalah, makalah-makalah, buku-buku lapuran kemajuan, nota-nota taklimat dan seumpamanya yang telah dikeluarkan oleh pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan yang berkenaan. Seterusnya, bahan-bahan juga diperolehi dari majalah-majalah, akhbar-akhbar, dokumen-dokumen kerajaan dan juga kajian ilimiah yang telah ditulis oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu dari Universiti Malaya.

I.4. Bidang Kajian.

Bagi mengkaji dan menganalisa peranan dan sumbangan 23 buah Kementerian, berpuluh-puluh buah Jabatan serta 66 buah Agensi Kerajaan (untuk pemahaman lihat

dan penduduk kawasan kajian khususnya adalah di luar kemampuan pengkaji samaada dari segi masa, tenaga, perbelanjaan serta pengetahuan. Oleh itu pengkaji hanya akan cuba menumpukan kajian ke atas RISDA dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan¹³ sahaja bagi mewakili lain-lain Agensi dan Jabatan Kerajaan. Pengkaji memilih kedua-dua Agen-si dan Jabatan Kerajaan ini kerana kedua-duanya merupakan agen pembangunan yang menyediakan berbagai-bagai program bagi membangun dan memajukan sosio-ekonomi ma-syarakat luar bandar. Misalnya, pihak RISDA telah menyediakan program-program rancangan tanam semula/baru, mini estet, tanam berkelompok, bantuan atau subsidi, kredit, biasiswa, latehan, lawatan dan sebagainya. Begitu juga dengan Jabatan Haiwan yang mengadakan program lembu pawah, perkhidmatan kawalan penyakit, bantuan barang-ba-rang pengeluaran, latehan dan lawatan sambil belajar. Lagi pula, kedua-dua agen ini menyediakan program kepada penduduk-penduduk luar bandar bagi membasmi kemiskinan di kalangan mereka dan membangunkan taraf sosio-ekonomi mereka. Dan program-program yang disediakan oleh kedua-dua agen ini disertai oleh penduduk-penduduk kawasan kajian sejak ianya diperkenalkan di kawasan ini. Oleh itu adalah amat wajar pemu-puan kajian ini dibuat ke atas kedua-dua agen ini.

Tetapi ini bukanlah bermakna bahawa hanya pihak RISDA dan Jabatan Haiwan sa-haja yang menjalankan atau menyediakan program-program kepada kepada masyarakat kawasan kajian ini, tetapi lain-lain Agensi dan Jabatan Kerajaan seperti Lembaga Letrik Negara (L.L.N), Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Lembaga Pertubuhan Peladang (L.P.P), Kementerian Pelajaran, Jabatan Parit dan Talair (J.P.T), Jabatan Keba-jikan Masyarakat serta lain-lain Agensi dan Jabatan Kerajaan, samaada secara lan-sung ataupun tidak, sama-sama memberi sumbangan ke arah membangunkan taraf sosio-

Penduduk-penduduk kawasan kajian ini hampir kesemuanya terlibat di dalam pekerjaan-pekerjaan kampong sebagai pekerjaan utama mereka seperti kerja menoreh, bersawah padi, berladang, mengambil upah kerja kampong, bertukang dan seumpamanya yang berkait rapat dengan kerja-kerja kampong yang lain. Sungguhpun terdapat di kalangan penduduk-penduduk kawasan kajian ini yang mempunyai pekerjaan-pekerjaan yang lain seperti buruh kontrek, buruh ladang, pekerja kilang, pemandu kakitangan kerajaan dan bermiaga, tetapi mereka ini masih lagi terlibat dengan program-program yang disediakan oleh pihak agen kerana mereka ini juga mempunyai kelayakan (seperti mempunyai tanah atau kebun, tinggal di kampong umpamanya) untuk menyertai program-program tersebut. Misalnya, seseorang yang ingin menyertai rancangan tanam semula/baru, ianya mestilah mempunyai kebun getah dan bagi menyertai rancangan lembu pawah pula, mereka ini mestilah tinggal di kawasan yang tetap. Tidak ada syarat yang menyatakan bahawa hanya orang-orang yang bekerja kampong sahaja yang akan diterima menyertai sebarang projek yang diadakan. Oleh itu samaada seseorang itu bekerja kampong atau tidak, ianya sama sahaja dari segi penyertaan di dalam program-program yang disediakan.

Semasa pengkaji membuat pemilihan responden, pengkaji telah menggunakan kaedah sample rambang. Kaedah ini pengkaji rasa sesuai dan boleh digunakan di dalam kajian ini kerana keseluruhan penduduk kawasan kajian ini menampakkan pola-pola persamaan di dalam hampir semua aspek seperti kekeluargaan, pekerjaan, pendapatan, perhubungan sosial, aktibiti sehari-hari dan sebagainya. Dan seperti yang dinyatakan di atas, mereka ini juga sama-sama mempunyai hak di dalam menyertai program-program yang disediakan oleh pihak agen. Dengan itu pengkaji akan dapat melihat pembangunan sosio-ekonomi yang dialami oleh mereka melalui penyertaan di dalam program-

I.5. Masaalah Kajian.

Di dalam pengumpulan data-data, masaalah terbesar yang dihadapi oleh pengkaji ialah adanya sebilangan responden yang tidak bercakap benar terutamanya bila dikemukakan soalan-soalan tentang harta dan pemilikan mereka, terutama pemilikan tanah. Lazimnya, mereka yang memiliki tanah yang agak luas tidak memberitahu kesemuanya tanah yang dimilikinya. Hal seperti ini sudah agak menjadi kebiasaan (kerana sudah menjadi amalan orang-orang Melayu tidak suka menunjuk-nunjukkan kekayaan atau mereka kadang-kadang takut untuk memberitahu harta mereka kepada orang luar) di kalangan penduduk-penduduk luar bandar dan oleh itu seringkali pengkaji menghadapi kesukaran untuk memperolehi data-data yang tepat. Ini juga sudah pasti ada muslihat tertentu bagi mereka merahsiakan butir-butir sebenar tentang harta yang dimiliki oleh mereka. Bagi mengatasi masaalah ini, pengkaji seringkali membuat "cross check" melalui temubual-temubual yang diadakan. Atau pengkaji akan membuat "cross check" melalui ketua kampong kerana ketua kampong juga mempunyai maklumat-maklumat tentang tanah bagi penduduk-penduduk Kampong ini terutama sekali berhubung dengan tanah getah dan sawah padi. Sumber terakhir yang pengkaji gunakan bagi membuat "cross check" ini ialah pejabat HISDA dimana pengkaji akan membuat "cross check" berhubung dengan kebun-kebun yang telah dan akan ditanam semula. Pengkaji tidak dapat membuat "cross check" di Pejabat Tanah bagi mengatasi masaalah ini kerana pengkaji tidak mempunyai masa yang cukup bagi melakukannya.

Di samping itu, responden-responden juga tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan (kadangkala mereka tidak tahu untuk memberi jawapan) bagi soalan yang berhubung dengan jumlah pendapatan bulanan mereka. Meskipun sebenarnya

walaupun pengkaji tahu bahawa responden tersebut memperolehi jumlah pendapatan yang lebih tinggi daripada jumlah tersebut samaada kerana harta mereka yang banyak (terutamanya tanah kebun getah) atau kerana terdapatnya lain-lain sumber pendapatan seperti dari ternakan, tanam-tanaman, mengambil upah, sumbangan dari anak-anak dan seumpamanya. Kadangkala pula, responden-responden tidak dapat memberi satu jawapan yang agak konkret di atas jumlah pendapatan bulanan mereka kerana kebanyakan responden tidak menerima pendapatan pada tiap-tiap akhir bulan. Ini kerana mereka mereka kebanyakannya bekerja sebagai penoreh dan lain-lain kerja kampong yang tidak mendapat pendapatan bulanan. Lagi pun, pendapatan responden diantara satu bulan dengan satu bulan yang lain adalah tidak tetap atau sama. Pendapatan mereka yang tidak tetap sepanjang tahun ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor musim (hujan atau panas), harga di pasaran, penawaran kerja, dan lain-lain faktor peribadi seperti malas, rajin, bosan dan seumpamanya. Oleh itu bagi mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa mendesak berkali-kali kepada responden bagi menjawab soalan ini. Dan selalunya mereka akan memberi jawapan yang lebih kepada agak-agakan sahaja dan pengkaji terpaksa menerima sebagai satu jawapan yang boleh diterima.

Selain daripada itu, terdapat juga maklumat-maklumat yang diperolehi dari soalselidik yang hanya berdasarkan ingatan responden semata-mata kerana mereka tidak menyimpan rekod yang tertentu seperti penglibatan mereka dalam politik (bila melibatkan diri), penyertaan dalam projek-projek (tahun), pemilikan, sejarah pekerjaan dan seumpamanya. Ini lebih-lebih lagi dalam soalan-soalan yang berhubung dengan perkara yang berlaku pada tahun 1950 an. Oleh itu perkara-perkara yang berhubung dengan pemilikan, pendapatan bulanan dan jenis pekerjaan tidak dapat peng-

pengkaji katakan di atas tadi, ianya hanya berdasarkan kepada ingatan responden semata-mata. Dalam hal ini pengkaji terpaksa membuat "cross check" kepada ketua kampong jika perkara-perkara tersebut ada dalam simpanan ketua kampong seperti daftar mengundi, kemasukan dalam parti UMNO dan sebagainya. Jika tidak, pengkaji terpaksa menerima jawapan yang diberikan oleh mereka dan jika pengkaji kurang berpuashati dengan jawapan yang diberikan, maka pengkaji akan cuba membuat "cross check" melalui temubual-temubual yang diadakan bersama mereka.

Masa bagi pengkaji menjalankan kajian ini adalah agak terhad, iaitu hanya kira-kira tujuh minggu sahaja. Sungguhpun masyarakat yang dikaji tidak asing lagi dengan pengkaji tetapi tidak semestinya pengkaji mengetahui segala-galanya tentang responden terutamanya mengenai sikap, nilai, pandangan dan seumpamanya. Oleh itu jika masa kajian ini dapat dilanjutkan lebih lama lagi, maka sudah tentu pengkaji sedikit sebanyak akan dapat memahami sikap, nilai dan pandangan mereka.

Disebabkan kajian ini merupakan sebuah "community study" maka oleh itu satu generalisasi tidak dapat dibuat untuk menunjukkan hasil kajian ini benar-benar dapat menunjukkan peranan Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan di setiap kawasan luar bandar dan sumbangannya di dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar yang menyertai program-program yang disediakan oleh pihak agen ini.

Kajian ini juga merupakan sebuah kajian awal dimana terdapat sedikit sebanyak kelemahan-kelemahan samaada secara langsung atau tidak yang memerlukan kajian-kajian yang lebih mendalam lagi pada masa-masa yang akan datang.

Nota Kaki :

- I. Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein I960 (diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri, I975). m.s. I7I,
2. Laporan Ekonomi I978 - I979 (Kementerian Kewangan Malaysia, Oct. I978). m.s. 78.
3. Laporan Ekonomi I980 - I98I (Kementerian Kewangan Malaysia, Oct. I980). m.s. 7.
4. Luar bandar di Malaysia mengikut banci I970 merupakan kawasan-kawasan yang penduduk-penduduknya tidak melebihi 10,000 orang. Sila lihat Laporan Am, Banci Penduduk Malaysia I970, Jilid I, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, I977. m.s. 39.
5. Garis kemiskinan yang ditentukan oleh Kerajaan Malaysia pada masa ini ialah \$250.00 bagi sesuatu keluarga yang mempunyai 6 orang ahli.
6. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga I976 - I980 (Penerbitan Kerajaan, Kuala Lumpur, Mac. I979). m.s. 29.
7. Laporan Ekonomi I980 - I98I, Op. cit, m.s. I8I.
8. Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan pada 17hb.November, I959. Seini, RIDA - Rural Industrial Development Authority (sekarang ini MARA) - telah berjalan sebagai sebuah Pejabat Kemajuan Luar Bandar dengan mempunyai banyak kerja-kerja dan tanggungjawab yang kesemuanya berkait dengan orang-orang kampong. RIDA ditubuhkan pada bulan Ogos, I950 dengan tujuan utama pembumihannya ialah untuk memajukan perusahaan dan pasaran kampong.
9. Jawatankuasa di peringkat Kebangsaan dinamakan Majlis Pembangunan Luar Bandar Negara yang diketuai oleh Y.A.B. Perdana Menteri; Jawatankuasa di peringkat Negeri dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri itu dan Jawatankuasa di peringkat Daerah atau Jajahan dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah/Jajahan yang diketuai oleh Pegawai Daerah atau Jajahan.
- IO. RISDA adalah singkatan dari Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah. Di dalam penulisan kajian ini selanjutnya, hanya singkatan RISDA sahaja yang akan digunakan. Dikalangan responden-responden yang telah agak berumur (lebih daripada 50 tahun), mereka masih lagi mengenali RISDA ini sebagai "replanting" dan kadangkala terpaksa menggunakan perkataan "replanting" ini bagi pemahaman mereka dengan sama maksudnya dengan RISDA.
- II. FELDA - adalah singkatan dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan iaitu penyelenggara rancangan-rancangan pembangunan tanah yang luasnya melebihi 2,000 ekar.

- I2. Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampong atau singkatnya JKKK dipengerusikan oleh Ketua Kampong. JKKK ini bertanggungjawab di dalam menentukan keselamatan dan kemajuan sesebuah kampong itu. Ianya berhubung terus dengan Pegawai Daerah di dalam tugas dan tanggungjawabnya. Selepas ini, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong ini hanya akan ditulis dengan singkatan JKKK sahaja.
- I3. Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau dikenali juga sebagai Jabatan Haiwan. Didalam penulisan selanjutnya, pengkaji hanya akan menggunakan Jabatan Haiwan sahaja. Dikalangan responden-responden yang telah berumur (lebih 50 tahun) mereka lebih mengenali Jabatan Haiwan ini sebagai "veterinary". Jabatan Haiwan ini di letakkan di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negari.

2.7. Lembaga - Lembaga Kajian

Kajian pedagogik adalah suatu kajian yang berkaitan dengan kajian ilmu dan teknologi serta teknologi yang boleh merinci "pedagogik" dalam sejatah pengalaman dan pemahaman. Akaun dalam kajian kajian pedagogik merujuk kepada kajian pedagogik dalam segala bidang serta kecuali klasikal, arca dan teknologi.

BAB II

RANGKA KONSEP PEMBANGUNAN

2.1. Pengenalan.

Semua bangsa atau negara di dalam dunia ini mahu mencapai pembangunan sosial, ekonomi dan politiknya. Ianya boleh dicapai melalui saluran-saluran kestabilan politik, kesejahteraan pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial. Oleh itu program-program ke arah pencapaian hasrat tersebut telah dan sedang giat dirancangkan di negara-negara sedang dan belum membangun. Negara-negara ini dahulunya merupakan bekas tanah jajahan dimana pentadbiran penjajah hanya mementingkan keuntungan mereka sahaja. Selepas mencapai kemerdekaan, segala usaha dibuat bagi menyusun semula dan memperbaiki kehidupan masyarakat mengikut nilai-nilai yang tertentu oleh pemerintah-pemerintah tempatan. Hasrat yang ingin dicapai ialah pembangunan masyarakat yang seterusnya diharapkan membawa kepada pembangunan negara seluruhnya dalam segala bidang serta mencapai kemakmuran bersama.

2.2. Pembangunan - Satu Tinjauan Umum.

Konsep pembangunan adalah satu konsep yang bersifat normatif. Hingga kini tidak ada sebarang satu definisi yang boleh mewakili "pembangunan" dalam erti kata yang sebenarnya. Atau dalam kata lain, satu definisi mutlak mengenai pembangunan adalah sukar dicapai. Ini adalah kerana setiap pengkaji mengikut nilai, keperluan, orientasi dan fahaman tertentu di dalam membuat definisi-definisi ini. Misalnya seorang yang berfahaman marxist atau sosialis berbeza pandangannya dengan seorang

ngunan dari sudut ekonomi akan berbeza pandangannya dengan seorang yang melihatnya dari sudut sosial dan politik. Atau seorang yang kuat pegangan ugamanya berbeza tanggapannya dengan orang-orang yang berfahaman secular atau athies mengenai pembangunan. Pertentangan-pertentangan atau peselisihan pendapat para sarjana di dalam membahaskan hal ini sering berlaku yang tentunya mempunyai perkaitan rapat dengan corak pendidikan yang diterimanya, fahaman politik dan sistem kepercayaannya.

Oleh itu, pembangunan secara kasarnya bolehlah didifinisikan sebagai satu proses yang membawa perubahan kepada "serangkaian nilai" dalam satu-satu masyarakat atau negara. "Serangkaian nilai" ini boleh jadi dari segi sosial, ekonomi atau politik. Oleh itu dalam lain perkataan, pembangunan itu akan membawa taraf sosial, ekonomi dan politik satu-satu masyarakat atau negara itu ke taraf yang lebih baik daripada yang telah sedia ada.

Di kalangan ahli-ahli ekonomi, pembangunan diambil sebagai sama dengan pertumbuhan ekonomi, industrialisasi, modenisasi dan juga urbanisasi. Mereka juga telah merangkan kaedah-kaedah yang sesuai untuk mengukur pembangunan. Kriteria yang paling biasa digunakan ialah dengan melihat Kadar Pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) sesebuah negara dan pendapatan per kapita penduduk-penduduknya. Ahli-ahli ekonomi ini mensifatkan sesebuah negara itu sebagai mewujud jika laju pendapatan per kapita penduduknya adalah melebihi US\$1,000 iaitu $\frac{1}{2}$ daripada pendapatan per kapita rakyat USA. Mereka mengambil USA sebagai asas pengukuran adalah disebabkan mereka menganggap USA adalah sebuah negara yang paling maju atau membangun sekali di dunia.

pembangunan meliputi juga usaha-usaha pembangunan sosial, politik dan kebudayaan. Ahli-ahli ekonomi pembangunan ini dikecam kerana terlalu mengabaikan persoalan menciptakan pembahagian pendapatan yang merata di antara berbagai-bagai golongan masyarakat dan daerah, mengabaikan usaha untuk mencipta perkembangan sistem politik dan demokrasi dan memandang ringan akibat-akibat buruk dari pengamalan sistem sosial yang tradisional.¹ Sedangkan menurut Yeo Beng Pah, tanpa pembangunan ekonomi tidak ada pembangunan sosial. Tanpa pembangunan sosial, pembangunan ekonomi tidak boleh jadi. Kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain.²

Oleh itu ahli-ahli sains sosial seperti ahli sains politik, ahli antropologi dan ahli psikologi sosial berpendapat bahawa pembangunan patut dilihat dari sudut pertumbuhan ekonomi dan juga perubahan sosial. Dalam kata lain, mereka mengatakan bahawa kriteria-kriteria lain patut juga dipertimbangkan dan diambil-kira dalam memahami proses pembangunan. Kriteria-kriteria ini termasuklah kesihatan, perumahan, pemakanan, penyebaran pendapatan, kebebasan dan lain-lain aspek sosial dan budaya,

Ahli sociologi seperti Talcott Parsons dalam bukunya yang ditulis bersama dengan Edward Shils, iaitu "Towards a General Theory of Action" (1951) mengukur pembangunan dan modenisasi dengan mengukur struktur dan corak pembangunan yang ujud dalam sesebuah negara itu. David Mc Clelland seorang ahli psikologi sosial dalam bukunya "The Achieving Society" (1961) dan Lucien Pye dalam "Politics, Personality and Nation Building : Burma's Search for Identity" (1963), menggunakan ciri-ciri sikap dan perlakuan sebagai pengukuran kepada modenisasi dan pembangunan.

Ahli-ahli sains politik pula melihat taraf demokrasi yang terdapat di dalam sesebuah negara yang didasarkan daripada model negara-negara barat sebagai

pertumbuhan ekonomi sahaja tidak dapat menerangkan tentang pembangunan dan modernisasi. ia mestilah dituruti bersama dengan perubahan-perubahan dari segi sikap, perlakuan dan penyusunan institusi-institusi yang dicerminkan oleh negara-negara besar yang dianggap berdemokrasi dan membangun itu.

Juga, salah satu syarat kepada pembangunan ialah masyarakat sesebuah negara itu haruslah senang menerima perubahan beserta dengan sistem ekonomi dan sosial yang sentiasa terbuka kepada perubahan, terutama sekali dalam bidang-bidang ekonomi dan teknologi.

D.Seers dalam artikelnya "The Meaning of Development"³ mengatakan bahawa sebelum sesebuah negara itu disebut sebagai telah melalui proses pembaangan, tiga masalah utama iaitu kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamaan sosial mestilah dihapuskan terlebih dahulu. Disamping itu masalah-masalah lain seperti taraf pelajaran, kebebasan bertutur, kewarganegaraan bangsa yang benar-benar bebas dari segi ekonomi dan politik haruslah diambil kira.

G.M.Meier pula melihat pembangunan nasional sebagai merangkumi kesemua bidang; sosial, ekonomi dan politik dalam usaha membentuk identiti nasional.⁴ Pandalan seperti ini juga telah dikatakan oleh Griffin dan Enos dimana menurut mereka pembangunan memerlukan perancangan semua bidang iaitu ekonomi, sosial dan politik kerana ketiga-tiga aspek ini adalah berkaitan dan saling pengaruh mempengaruhi diantara satu sama lain.⁵

Walau apa cara penafsiran konsep pembangunan yang diberikan namun ianya seringkali mengaitkan isu yang meliputi kemiskinan, ketidaksamaan sosial dan pengangguran. Kemiskinan berkait rapat dengan keupayaan memperolehi keperluan-keper-

penting dalam pembangunan ialah perlunya peningkatan taraf hidup seperti pendapat yang memuaskan, pertambahan peluang pekerjaan dan pelajaran yang memberi kemahiran dan kematangan serta taraf kesihatan yang memuaskan. Di samping itu juga, perhatian terhadap pertumbuhan nilai kebudayaan dan nilai ugama juga harus dititikberatkan bersama bagi menentukan bahawa nilai maruah peribadi dan negara berada di dalam keadaan yang baik.

Kita sekarang berada dalam era pembangunan yang lebih humanisme yang bertujuan menggerakkan sumber-sumber negara; baik sumber-sumber manusia, fizikal dan material untuk mencapai matlamat pembangunan yang memenuhi sekurang-kurangnya "basic needs" atau kemiskinan dikurangkan.

2.3. Pendekatan-Pendekatan Dalam Pembangunan.

Adalah menjadi kelumrahan negara-negara di dunia kini mempunyai rancangan pembangunan masing-masing; baik negara maju, negara-negara sedang membangun atau negara-negara mundur. Kecenderongan ini seolah-olah telah menjadi satu tradisi dan tidak keterlaluan kalau dikatakan ianya telah menjadi satu kemistian.⁶ Rancangan-rancangan pembangunan tersebut selalunya mengandungi objektif, matlamat dan garis kasar perlaksanaan bagi menyelesaikan berbagai masalah. Di dalam masalah ini, tidak dapat dinafikan bahawa ideologi sesebuah negara itu sudah pasti akan menjadi falsafah rancangan pembangunannya. Adakalanya falsafah atau ideologi ini dinyatakan dengan jelas atau kadang-kadang tersirat dan tersusun dalam strategi-strateginya atau matlamat-matlamat rancangan pembangunan tersebut.⁷

Memurut A.E.Havens, pendekatan-pendekatan penting teoritis tentang pembangunan dalam antropologi dan sosiologi boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang

fat dari yang bercorak radikal ke konservatif. Istilah-istilah yang selalu digunakan untuk merujuk kepada dua bahagian luas tersebut ialah "conflict" dan "equilibrium". Atau dalam kata lain, teori pembangunan terbahagi kepada model-model yang bercorak conflict dan equilibrium.⁸

Di bawah model equilibrium atau konservatif ini terdapat 3 jenis pendekatan utama iaitu Perlakuan (Behavioural), Psikodinamik (Psychodynamic) dan Diffusi (Diffusionist). Manakala di bawah model conflict atau radikal pula boleh dibahagikan kepada dua pendekatan yang utama iaitu golongan "Marxist" dan golongan "Non-Marxist".¹⁰

Golongan konservatif atau equilibrium ini beranggapan bahawa isu-isu pembangunan adalah merupakan penyelesaian masaalah teknik yang muncul dalam meninggikan kadar pertumbuhan sesebuah negara. Ia juga mengandaikan bahawa hubungan-hubungan sosial yang ujud pada hakikatnya adalah harmoni. Atau dalam lain perkataan, struktur assas; ekonomi dan sosial yang ujud dalam sesebuah negara atau masyarakat itu adalah adil. Ketidakseimbangan adalah sebahagian dari kehidupan manusia. Tugas negara adalah untuk mengurangkan, bukan menghapuskan ketidakseimbangan itu. Jadi, pendekatan ini menekankan tentang perubahan di peringkat individu dan psikologi individu, iaitu perlakuan dan peribadi seseorang anggota masyarakat. Nilai hidup, sikap sahsiah yang mundur perlu diberi pengajaran dan diterapkan nilai-nilai dan sikap moden. Oleh itu, golongan yang menganut atau dipengaruhi oleh model atau pendekatan ini cenderung mengemukakan model-model pembangunan yang bercorak atau yang mementingkan soal-soal bagaimana hendak mengubah perlakuan individu dan beberapa bahagian dalam sistem bukan mengubah secara total sesuatu sistem.

saikan masaalah teknik dan meninggikan kadar pertumbuhan sesebuah negara bahkan ianya meliputi dan menjangkau bidang yang lebih luas dan total. Ini kerana golongan ini beranggapan bahawa hubungan-hubungan sosial yang ujud adalah bercorak eksploitasi dan ketidakseimbangan menggalakkan konflik yang tak diperlukan berlaku. Peranan negara sebenarnya adalah menjadi alat penekan dalam masyarakat yang yang ujudnya pergelutan klas. Oleh itu mereka yang cenderung menggunakan model ini lebih mementingkan persoalan sejarah bagaimana sesebuah masyarakat itu ujud seperti keadaan masa kini, hubungan struktur, bagaimana ujudnya penindasan dan cara menghapuskan ketidakseimbangan khusus melalui perombakan atau perubahan secara total sesebuah sistem tersebut.

2.4. Pembangunan Masyarakat.

Difinisi Pembangunan Masyarakat seperti yang dikemukakan di Persidangan Pembangunan Masyarakat di Taiping, Perak dalam tahun 1953 berbunyi :

"Pembangunan Masyarakat adalah satu pergerakan yang diatur untuk menggalakkan pencapaian hidup yang lebih baik bagi keseluruhan masyarakat dengan penyertaan aktif serta dengan daya usaha masyarakat itu sendiri".¹⁰

Mengikut difinisi yang dipersetujui di Bangsa-Bangsa Bersatu pula, Pembangunan Masyarakat ialah :

".....satu proses dimana segala usaha rakyat disatupadukan dengan usaha kerajaan untuk membaiki keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan (serta politik) seluruh masyarakat, supaya usaha-usaha masyarakat itu dapat dipadukan pula dengan jiwa negara dan dengan ini masyarakat dapat memberi sumbangan yang penuh terhadap kemajuan negara".¹¹

Masyarakat ialah penyertaan anggota-anggota masyarakat dalam projek-projek pembangunan yang dilancarkan dengan inisiatif yang timbul di kalangan mereka sendiri, gabungan usaha-usaha rakyat dan penganjur, dan peruntukan perkhidmatan teknikal dan lain-lain oleh penganjur yang dapat menolong menimbulkan inisiatif masyarakat.

Kegiatan Pembangunan Masyarakat mengandungi di dalamnya prinsip-prinsip demokrasi yang memberi peluang kepada rakyat menyertai dan bekerjasama dengan pihak penganjur dalam usaha-usaha untuk memperolehi kemajuan-kemajuan material dan sosial dalam kehidupan masyarakat. Penyertaan dan kerjasama ini dapat melahirkan daya cipta rakyat dalam masyarakat yang baru seperti mengeluarkan idea-idea yang kreatif, cara-cara penyusunan dan membimbing organisasi-organisasi sosial dengan lebih berkesan dan sebagainya. Penyertaan rakyat juga dapat mengujudkan masyarakat-masyarakat yang "self-confident" iaitu percaya kepada kebolehan sendiri dan melahirkan pula perasaan untuk bekerjasama dalam masyarakat yang lebih luas.

Bentuk-bentuk penyertaan rakyat yang diperlukan dalam program-program Pembangunan Masyarakat ialah sesuatu yang bercorak aktif, bebas, sukarela dan kerjasama. Bentuk-bentuk penyertaan ini adalah lebih produktif dari sesuatu yang berbentuk paksaan dan desakan. Penyertaan yang bercorak aktif, bebas dan sukarela ini dapat mengelakkan sikap ingin bergantung kepada orang lain. Sebaliknya penyertaan yang bercorak kerjasama pula adalah perlu dalam proses Pembangunan Masyarakat dengan tujuan mengelakkan konflik di kalangan masyarakat. Kehendak-kehendak atau keperluan masyarakat hanya akan tercapai melalui gabungan usaha semua anggota dan dengan cara menyatukan keupayaan tempatan ke arah pencapaian tujuan.

Inisiatif masyarakat adalah satu perkara yang mesti dititikberatkan dalam pelancaran program-program pembangunan. Setengah agen yang melancarkan program-program Pembangunan Masyarakat tidak menghiraukan atau mementingkan inisiatif masyarakat. Mereka terus merancang program-program yang lengkap dan khusus untuk tujuan ini. Mereka pentingkan kerja yang hendak dijalankan tanpa memperhetongkan kerja itu sendiri. Mereka menumpukan kepada proses Pembangunan Masyarakat lebih dari hasil yang diperolehi.¹²

Dalam pelancaran program-program pembangunan pada peringkat awalnya dalam mana-mana masyarakat pun, inisiatif masyarakat tidak terdapat dengan sepenuhnya. Pihak pengajur terpaksa berusaha memberi bantuan-bantuan dan perkhidmatan lain untuk menggalakkan ujudnya inisiatif masyarakat, kerana pelancaran program-program pembangunan akan lebih berkesan jikalau anggota-anggota masyarakat itu sendiri betul-betul faham akan tujuannya dan tidak mengabaikan langkah-langkah yang dijalankan itu. Tanpa persediaan-persediaan yang bercorak psikologi, seperti mendapat latihan-latihan dan penerangan-penerangan tertentu, pihak rakyat akan terus melihat sesuatu itu dengan perasaan ragu-ragu dan penuh rasa curiga.

Bantuan-bantuan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh pihak pengajur tidak akan mendapat penghargaan dari rakyat jikalau rakyat sendiri tidak faham akan tujuannya. Bantuan-bantuan ini sebaliknya akan melahirkan sikap ingin bergantung kepada orang lain dan mengurangkan semangat bekerjasama. Inisiatif masyarakat dapat mengurangkan sikap terlalu bergantung ini dan menggalakkan kegiatan-kegiatan yang bercorak berusaha sendiri.

Sekiranya rakyat tidak sedar bahawa langkah-langkah yang diambil itu betul-betul perlu bagi mereka, mereka akan fikirkan yang tujuan pengajur, iaitu

mendapat sokongan suara atau undi dalam pilihanraya.Oleh itu didapati inisiatif masyarakat adalah merupakan satu tenaga penggerak yang kuat untuk mengujudkan satu masyarakat yang bersatu, berdikari, bertanggungjawab dan "responsive" kepada cabaran-cabaran dan perubahan-perubahan yang diperkenalkan melalui program-program Pembangunan Masyarakat.Usaha-usaha rakyat yang lahir dari inisiatif mereka sendiri yang digabungkan dengan usaha-usaha Kerajaan dapat menghasilkan kejayaan-kejayaan yang lebih berkesan terhadap kesejahteraan hidup masyarakat yang berkenaan.Kelicinan pelancaran program-program pembangunan juga bergantung kepada darjah koordinasi usaha-usaha rakyat dan Kerajaan ini ke arah pencapaian objektif-objektif tertentu.

Di samping inisiatif dan kerjasama masyarakat yang mesti diperhatikan dalam perlancaran program-program pembangunan, satu perkara yang tidak kurang pentingnya ialah rancangan-rancangan pembangunan yang dilancarkan itu mestilah berdasarkan kepada keperluan-keperluan tertentu dan berbeza dengan keperluan-keperluan masyarakat lain.Satu-satu masyarakat juga mempunyai keperluan-keperluan yang berbeza pada waktu-waktu yang berbeza.Tujuan-tujuan agen atau pengajur dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memenuhi keperluan-keperluan ini mestilah berkaitan antara satu sama lain.Pihak agen tidak semestinya mengikut segala syarat atau prinsip yang telah ditentukan untuk mencapai keperluan ini, tapi yang dipentingkan ialah kejayaan langkah-langkah yang dijalankan.

Dalam satu-satu masyarakat memang terdapat pertentangan-pertentangan tertentu misalnya dari segi kepentingan, nilai dan sebagainya di kalangan anggota-anggota masyarakat.Kumpulan-kumpulan yang ujud akibat dari perbezaan kepentingan atau nilai ini mempunyai keperluan-keperluan yang berbeza nula.Pihak pengajur

yang sama atau "common needs" rakyat. Rancangan-rancangan pembangunan yang hanya dapat memberi faedah kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja akan membawa akibat yang tidak sihat kepada masyarakat tersebut. Tindakan seperti ini bukan menuju ke arah penyatuan masyarakat, tetapi menambah perasaan permusuhan dan pertentangan di kalangan anggota masyarakat itu sendiri.

Sebenarnya Pembangunan Masyarakat merupakan satu keseluruhan yang "integrated"¹³, dan bertujuan untuk memenuhi keperluan rakyat yang berbagai-bagai. Semua keperluan ini tidak dapat dipenuhi dalam jangkamasa yang pendek. Pihak agen mestilah melancarkan rancangan-rancangan pembangunan selaras dengan keperluan-keperluan rakyat yang utama terlebih dahulu. Usaha-usaha untuk menambah pendapatan, meninggikan taraf hidup, memajukan pelajaran dan tingkat kesihatan rakyat adalah lebih penting daripada usaha-usaha pembangunan dalam bidang sosial yang lain seperti menubuhkan persatuan-persatuan dan organisasi-organisasi sosial yang merupakan program-program sampingan sahaja. Kemajuan dalam bidang ekonomi dan pelajaran rakyat adalah menjadi asas kemajuan dalam bidang kehidupan yang lain.

Rancangan-rancangan Pembangunan Masyarakat yang tidak berdasarkan keperluan rakyat, sebaliknya tidak akan membawa hasil yang memuaskan. Rakyat atau anggota anggota masyarakat tidak dapat memberi sokongan dan kerjasama yang efektif dalam program-program yang dilancarkan jika mereka fikirkan satu-satu rancangan itu hanya dibawa masuk oleh pengajur dan tidak selaras dengan sesuatu yang mereka betul-betul perlukan.

Objektif utama Pembangunan Masyarakat sebagai satu fenomena yang bercorak "multi-purpose" ialah untuk membawa kemajuan-kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan anggota satu-satu masyarakat dan juga untuk mengujudkan kumpulan-kumpulan

Dengan tercapainya objektif-objektif dalam gerakan-gerakan Pembangunan Masyarakat ini, satu transformasi sosial dalam masyarakat-masyarakat tertentu dapat diujudkan. Usaha-usaha untuk memenuhi keperluan-keperluan rakyat yang berbagai-bagai mestilah bercorak menyeluruh. Dalam bidang ekonomi misalnya, usaha-usaha seharusnya dipergiatkan untuk meninggikan pendapatan dan taraf hidup rakyat melalui pelancaran projek-projek ekonomi dalam masyarakat yang seboleh-bolehnya berdasarkan kepada prinsip-prinsip berdikari. Kemajuan-kemajuan dalam bidang sosial seperti pelajaran, kesihatan dan kebajikan masyarakat yang lain adalah perlu diusahakan serentak dengan kemajuan-kemajuan kebendaan ini. Sebenarnya Pembangunan Masyarakat memerlukan satu gabungan proses yang menekankan kepada perubahan anggota-anggota masyarakat dari segi sosial dan psikologi; kaedah iaitu cara-cara mencapai matlamat tertentu; program yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan dan gerakan yang memupuk kepada idea Pembangunan Masyarakat itu sendiri.¹⁴

Bagi menentukan bahawa satu-satu kawasan itu mencapai pembangunan atau tidak, maka kemasukan program-program pembangunan oleh pihak agen sahaja tidak boleh dijadikan ukuran. Apa yang penting ialah penyertaan masyarakat di dalam satu-satu program itu serta pencapaian yang positif melalui penyertaan tersebut. Jika kedua-dua hal ini memuaskan maka matlamat pihak pengajur mahu membangunkan masyarakat tersebut boleh dikatakan tercapai.

Sebagai rumusan, Pembangunan Masyarakat ialah satu gerakan universal yang dilancarkan oleh semua negara di dunia terutama sekali negara-negara membangun. Negara-negara ini memupuk perhatian kepada pelancaran program-program pembangunan kepada satu-satu masyarakat dalam bidang yang lebih luas dan

tertentu untuk memberi peransang dan semangat supaya rakyat dapat memperbaiki keadaan hidup mereka yang dikenali dengan "Program-Program Pembangunan Masyarakat".¹⁵

2.5. Pembangunan Masyarakat di Malaysia.

Biasanya apabila kita sebutkan sahaja Pembangunan Masyarakat maka perhatian kita selalunya tertumpu kepada masyarakat luar bandar. Ini memanglah benar terutama sekali di negara-negara yang sedang membangun atau dunia ketiga seperti Malaysia, dimana sebahagian besar rakyatnya tinggal di luar bandar dan bergantung kepada usaha-usaha pertanian sebagai sumber mata pencarian. Sungguhpun demikian orang-orang di bandar pun berkehendakkan pembangunan seperti ini tetapi keperluannya adalah berlainan.

Pembangunan Masyarakat bukanlah perkara baru bagi Malaysia kerana ia telah diamalkan oleh ketua-ketua masyarakat sejak berzaman apabila mereka cuba memajukan masyarakat yang mereka pimpin. Ini misalnya seperti semangat kerjasama, bergotong-royong dan memperbaiki taraf hidup diri sendiri itu memang telah sedia terjalin. Apa yang baru ialah caranya, iaitu cara-cara untuk menyebarkan amalan ini keseluruhan negara mengikut kehendak dan keperluan dunia moden dengan menggunakan teknik-teknik yang tertentu.

Amalan Pembangunan Masyarakat adalah didapati berlainan diantara sesebuah negara dengan negara yang lain kerana ini adalah bergantung kepada keadaan sesebuah negara itu dan sistem (pentadbiran, ekonomi, sosial dan politik) yang digunakan serta keupayaan negara itu sendiri untuk memajukan Pembangunan Masyarakat. Walauapun berlainan cara yang digunakan tetapi prinsip-prinsipnya adalah sama.

Malaysia apabila kita mengadakan satu persidangan Pembangunan Masyarakat di Taiping pada bulan Disember, 1953 dan diikuti pula dengan persidangan kedua di Kuala Lumpur pada bulan September, 1958. Malangnya kedua-dua persidangan itu tidak dapat membawa kesan yang tegas kepada usaha-usaha Pembangunan Masyarakat oleh sebab pada masa itu kita telah menumpukan perhatian kita untuk menghapuskan keganasan komunis dan menamatkan darurat yang telah berlanjutan selama lebih kurang 12 tahun. Hanya di beberapa buah negari sahaja kegiatan Pembangunan Masyarakat ini berjalan sehingga tahun 1960.

Setelah tamatnya darurat pada tahun 1960, Pembangunan Masyarakat telah dijadikan sebahagian daripada pembangunan negara dalam Rancangan Lima Tahun Ketua Menteri Malaya (1961 - 1965). Pembangunan Masyarakat diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.¹⁶ Pelancaran Rancangan Pelajaran Dewasa dan pembumian Jawatankuasa Kemajuan Kampong¹⁷ pada tahun 1961 itu adalah menggambarkan usaha-usaha awal bagi Pembangunan Masyarakat. Setelah itu usaha-usaha ini telah diperkuatkan lagi dengan pelancaran kempen Gerakan MAJU (1966), JAYADIRI (1968) dan Gerakan Pembaharuan (1972) yang merupakan Pembangunan Masyarakat.

Rancangan-rancangan pembangunan di Malaysia adalah berdasarkan kepada program-program pembangunan yang terkandung di dalam Buku Merah Negara¹⁸ yang disediakan khas untuk tujuan ini. Pelancaran rancangan-rancangan pembangunan ini adalah mengikut peringkat-peringkat tertentu yang ditetapkan dalam Rancangan Lima Tahun. Apabila pelancaran Buku Merah Negara dibuat untuk tujuan pembangunan luar bandar secara besar-besaran pada tahun 1961, Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian dari keseluruhan rancangan itu. Pembangunan Masyarakat yang dimaksudkan ialah berupa pelancaran Pelajaran Dewasa ke arah pembangunan masyarakat di

buat perancangan sendiri dan menyokong Kerajaan dalam memajukan apa jua bentuk rancangan pembangunan negara. Ini kerana pembangunan negara tidak akan tercapai sepenuhnya tanpa sokongan penuh dari rakyat.

Perhubungan diantara rakyat dan Kerajaan adalah sangat mustahak dalam mencapai usaha-usaha pembangunan ini. Rakyat menyuarakan masaalah-masaalah dan kehendak-kehendaknya manakala pihak Kerajaan pula menyediakan kehendak-kehendak dan keperluan rakyat itu.

Pelancaran rancangan-rancangan pembangunan dengan meluas di kawasan-kawasan luar bandar adalah untuk meninggikan pendapatan serta taraf hidup rakyat. Seperti yang diketahui, penduduk-penduduk luar bandar adalah bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan utama mereka. Kemajuan dalam bidang ini sebenarnya dapat dijadikan asas bagi mencapai kejayaan dalam bidang kehidupan yang lain.

Pembangunan Masyarakat yang dilaksanakan di bandar-bandar pula adalah berlainan caranya dan diberi nama yang lain, iaitu lebih dikuatkan bagi mengadakan Pertubuhan Masyarakat atau kadangkala disebut sebagai Perhubungan Masyarakat. Di kawasan bandar sebagaimana yang kita ketahui, darjat kebendaannya adalah tinggi tetapi perasaan bermasyarakat itu kadang-kadang tidak ada. Maka Pembangunan Masyarakat di sini cuba menyusun semula keadaan supaya dapat mengadakan perasaan bermasyarakat, perpaduan dan kerjasama diantara penduduk-penduduk melalui pertubuhan-pertubuhan dan kegiatan-kegiatan tertentu.

Pada awal tahun 1961 Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar telah ditugaskan menjalankan kerja-kerja Pembangunan Masyarakat ini. Tetapi disebabkan ujudnya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan (DEB) dan dasar-dasar nasional yang telah diumumkan dimana Pembangunan Masyarakat

Kerajaan yang lain juga menjalankan usaha-usaha yang merupakan rancangan Pembangunan Masyarakat maka sebuah Jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk menyerlaraskan usaha-usaha ini. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Penyelarasian Pembangunan Masyarakat (JPPM) yang diletakkan di bawah kelolaan Bahagian Penyelarasian, Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri.

4. Miller, G.R., Contingent Issues in Economic Development (London, 1970), n.p. 6.
5. Griffin, R.E. dan Scott, J.W., Blending Sociology and Economics (London, 1970), n.p. 6.
6. Gould, W., The Rural Community and Economic Development (Athens, New York, 1973), n.p. 21.
7. Ibid, n.p. 21.
8. Lewis, A.R., Methodology and the Study of Cooperatives, in Social Anthropology (1967-70), n.p. 20.
9. Ibid, n.p. 20.
10. Chua, L., Community and Rural Development in Malaysia (Kuala Lumpur, 1970), p. 14.
11. The United Nations, Community development and related services (New York, 1964), p. 18; Sengar, I., Community Development in Malaya, co-operative Publishing Limited, 1969, n.p. 77.
12. Barnes, T.R., Communities and Their Development (Oxford University Press, 1977), n.p. 2.
13. De Souza, P., The Organization of a Community Development Programme (Oxford University Press, 1967), n.p. 2.
14. Snider, F.J., The Community Development Process (New York, 1964), n.p. 52.
15. Neiman, E.S., "Community Development Program" dalam Neiman, et al., (ed.), Rural Sociology (McGraw-Hill Book Co., Inc., New York, recently, 1968), p. 21, n.p. 50.
16. PAP, Our People Will Win (Selangor, Kuala Lumpur, 1970), p. 10.

Nota Kaki :

- I. Sadono Sukirno, Ekonomi Pembangunan (Berta Gorat, Medan, 1978), m.s. I3.
2. Yeo Beng Rah (ed.), Proceeding of Seminar on Malaysian Socio-Economic Question (University Malaya, Kuala Lumpur, 1967). m.s. 3I.
3. Seers, D., "The Meaning of Development" dalam Uphoff, N.T. dan Ilchman, W.F. (ed.), The Political Economy of Development (University of California Press, 1973). m.s. I24.
4. Meier, G.M., Leading Issues in Economic Development (OUP, 1970). m.s. 5.
5. Griffin, K.B. dan Enos, J.L., Planning Development (A Wesley Publishing Co. London, 1970). m.s. 6.
6. Goulet, D., The Cruel Choice : A New Concept in Theory of Development (Atheneum, New York, 1973). m.s. 6I.
7. Ibid, m.s. 65.
8. Havens, A.E., Methodological Issues in the Study of Development, dalam Sociologie Ruralis (Vol. I2, 1972). m.s. 253.
9. Ibid, m.s. 225.
10. Chee, S., Goverment Policy and Rural Development in Malaysia (DBP, Kuala Lumpur, 1960). m.s. I4.
- II. The United Nations, Community Development and Related Services (New York, 1960), c.f. Thangaraj, Thangadurai, Community Development (University of Malaya, Co-operative Bookshop Limited, 1969). m.s. 77.
12. Battern, T.R., Communities and Their Development (Oxford University Press, 1957). m.s. 2.
13. Du Sautoy, P., The Organization of a Community Development Programme (Oxford University Press, 1962). m.s. 2.
14. Sanders, I.T., The Community (The Ronald Press Company, New York, 1958) m.s. 52I.
15. Nelson, H.B., "Community Development Programs" dalam Bertrand, A.L., (ed.) Rural Sociology (McGraw-Hill Book Co., Inc., New York, Toronto, London, 1958) m.s. 90.
16. Pada masa Tun Abdul Rahman Putra sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Negara dan Juang Pendekar, yang Tun Haji Abdul Razak (P.M.: 1970-1972)

Kementerian ini dihapuskan dan ditinggalkan hanya sebagai Kementerian Pertanian sahaja; dan pada masa ini (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad - P.M. keempat) Kementerian ini diujudkan kembali dengan nama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

- I9. Pada masa ini dikenali dengan nama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong atau JKKK.

JKKK. *Kemajuan.*

Dari maklumat bahan penulis bagi itu berdasarkan maklumat sejarah mengenai sejarah pengaruh itu terhadap perkembangan teknologi dan teknologi kejuruteraan, apabila muncul pengaruh itu pada masa itu, ia bukanlah sekiranya kerana ia tidak ada faktor-faktor atau sebab-sabab yang perlu dipercayai, tetapi ia juga merupakan akibat dari faktor-faktor tertentu yang bersifat sosial-sosial yang berlaku dalam masyarakat, individu dan keluarga, sejolah perang dunia kedua berlaku, bukanlah kerana faktor-faktor teknologi dan teknologi yang berlaku pada masa itu.

Pengaruh-juga pada sekitar hasil sosial-sosial yang berlaku pada masa itu ditunjukkan oleh tajim yang boleh dibentuk berhadap masyarakat tersebut adalah bukti bahawa teknologi, teknik-teknik pengaruh perlu mengalih fungsi teknologi (penerjemah), penyelesaikan haluan, tanah, padi-lahan, padi-kelapa, air telanjang, hasil-hasil tanah dan komuniti dan tajim yang akan melahirkan perubahan, serta sejalan kepada perubahan disebut dalam dasar dan tujuan nasional bagi sejatah masyarakat yang ejad.

JKKK. *Keselamatan.*

Dari maklumat bahan penulis bagi itu berdasarkan maklumat sejarah mengenai

pengaruh JKKK ini pada teknologi, teknologi teknologi pertanian hasil iaitu di Kampung Ajer Kampong ini pada teknologi teknologi teknologi pertanian hasil iaitu di

BAB III

LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN DAN SOSIO-EKONOMI RESPONDEN.

3.1. Pengenalan.

Bagi menentukan bahawa sesuatu kajian itu benar-benar dapat mencapai matlamatnya maka seseorang pengkaji itu mestilah terlebih dahulu memahami latar belakang tempat kajiannya. Apabila seseorang pengkaji itu telah dapat memahami latar belakang tempat kajiannya maka ia akan lebih berjaya di dalam kajiannya kerana ia telah mengetahui faktor-faktor atau angkubah-angkubah yang perlu bagi kajiannya. Faktor-faktor atau angkubah-angkubah ini misalnya seperti bangsa dan ugama penduduk-penduduk kawasan tersebut, kedudukan kawasan kajian, sejarah penempatan, kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat dan seumpamanya.

Pengkaji-pengkaji juga perlu melihat taraf sosio-ekonomi masyarakat yanghendak dikaji sekiranya kajian yang hendak dibuat terhadap masyarakat tersebut adalah berhubung dengan angkubah sosio-ekonomi. Pengkaji perlu mengkaji kegiatan ekonomi (pekerjaan), pendapatan bulanan, taraf pendidikan, pemilikan, saiz keluarga, taraf kesihatan dan seumpamanya. Bagi kajian yang mahu melihat perubahan, maka kajian tersebut perlulah dibuat dalam dua atau lebih masanya bagi melihat perubahan yang ujud.

3.2. Kawasan Kajian.

Pengkaji telah membuat kajian ini di sebuah kawasan luar bandar iaitu di Kampong Ajai. Kampong ini pada hakikatnya adalah sebuah komuniti pekebun kecil getah walaupun penduduk-penduduknya bukanlah seratus peratus bekerja sebagai penoreh getah.

Pekan kecil yang paling hampir sekali dengan Kampong ini ialah pekan Dong yang terletak kira-kira tiga batu dari Kampong ini.Tiga buah bandar yang terdekat ialah bandar Raub (12 batu), bandar Benta (II batu) dan bandar Kuala Lipis (27 batu).Kampong ini juga terletak kira-kira 85 batu dengan bandaraya Kuala Lumpur.Perhubungan di antara Kampong ini dengan bandar-bandar tersebut adalah dihubungkan oleh sebuah jalanraya yang melintasi Kampong ini.Jalanraya ini boleh dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat.

Dari segi latar belakang sejarah pula, mengikut cerita orang-orang tua kampong ini, Kampong Ajai ini telahpun dibuka sejak awal tahun 1900 lagi.Tidak ada satu tarikh yang tepat dalam menentukan tarikh sebenarnya Kampong ini dibuka atau didiami.Pada mula-mula Kampong ini dibuka, cuma terdapat 6 buah rumah (keluarga) sahaja dan anggota-anggota rumah ini pula mempunyai perhubungan persaudaraan diantara satu sama lain.Peneroka asal Kampong ini adalah merupakan penduduk dari sebuah Kampong yang terletak kira-kira 5 batu dari Kampong ini.Perpindahan mereka ke Kampong yang baru dibuka ini ialah kerana kekurangan tanah untuk kegiatan ekonomi mereka di Kampong asal mereka.Sekarang jumlah rumah dan penduduknya telah bertambah dan melebihi jumlah asalnya, terutama melalui penghijrahan penduduk-penduduk darikawasan sekitarnya.Jumlah sebenar penduduk Kampong Ajai sekarang menurut lapuran ketua kampong yang diluarkan bagi tahun 1980 ialah seramai 438 orang.Kesemuanya adalah dari keluarga Melayu yang berugama Islam.

Kawasan kediaman (rumah) di Kampong Ajai ini lebih bersifat "cluster" atau berkelompok.Cuma dibeberapa bahagian Kampong ini sahaja rumah-rumah didapati bersifat "lineal" iaitu rumah-rumah dibina di sepanjang jalanraya atau sungai.

lalu maju dan tidak terlalu mundur.Bekalan elektrik ke Kampong ini telah disalurkan sejak awal tahun 1980.Tetapi bekalan air tidak terdapat lagi di Kampong ini.Mereka masih lagi menggunakan air telaga dan air sungai.Hampir keseluruhan penduduk Kampong ini mendapat bekalan api letrik.Selain daripada itu, Kampong ini juga mempunyai sebuah masjid, sebuah madrasah, sebuah balairaya, sebuah jambatan gantung, sebuah traktor pembajak dua roda, sebuah engin pengepam air sungai dan kawasan padang permainan.

Masjid di Kampong ini telah dibina pada tahun 1965 oleh Kerajaan Negeri dengan modal sejumlah \$25,000.00.Masjid ini boleh menampung lebih kurang 300 orang jemaah.Madrasah di Kampong ini belum lagi siap sepenuhnya.Ianya dibina secara gotong-royong dengan modal \$3,000.00 hasil dari kutipan derma dari penduduk-penduduk Kampong ini sendiri.Madrasah ini dapat menampung kira-kira 50 orang jemaah.Madrasah ini juga merupakan tempat belajar membaca al-Quran dan belajar ugama bagi penduduk-penduduk Kampong ini.Kedudukan masjid dan madrasah ini adalah berhampiran diantara satu sama lain di atas sekeping tanah yang diwakafkan oleh bekas ketua kampong ini.

Sebuah jambatan gantung telah dibina oleh Kerajaan pada tahun 1963 dengan modal \$6,000.00 dan telah diresmikan pembukaannya oleh DYMM Sultan Pahang pada 1965 bersekali dengan perasmian masjid Kampong ini.Jambatan gantung ini dibina melintasi sungai Dong yang meliwati Kampong ini.Jambatan gantung yang sepanjang 50 elai ini disediakan jaring-jaring besi di kiri kanannya bagi menjamin keselamatan penggunanya.

Penduduk-penduduk Kampong ini juga mendapat bantuan sebuah traktor pembajak dua roda dari Kerajaan Negeri.Ianya diberi sebagai galakan kepada petani-petani Kampong ini untuk mengerjakan tanah-tanah mereka bagi bercucuk tanam tanpa perlu lagi menyewa traktor dari luar.

berhampiran dengan jalanraya adalah merupakan sebuah dewan serbaguna, iaitu ianya digunakan untuk segala jenis aktibiti kecuali bagi majlis-majlis yang bersifat keugamaan dan perkahwinan yang diadakan di masjid atau madrasah dan di rumah masing-masing. Balairaya ini menjadi tumpuan apabila ada pelawat-pelawat seperti Pegawai Daerah dan Pegawai-Pegawai dari Jabatan dan Agensi yang lain dan ianya digunakan juga sebagai tempat mesyuarat JKKK, khairat kematian, UMNO dan seumpamanya.

Untuk menambahkan keluasan tanah sawah bagi tujuan menanam padi, pihak Kerajaan telah menyediakan sebuah engin pengepam air sungai bagi mengairi kawasan sawah padi yang tidak dapat diairi melalui sistem parit yang lama. Engin ini mula memberi *khidmatnya* pada tahun 1978.

Bagi kegiatan sukan pemuda-pemudi di Kampong ini, pihak Kerajaan menyediakan sebuah padang bola dan sebuah gelanggang bagi permainan sepakraga.

Perkhidmatan talipon awam, pondok polis, sekolah kerajaan, klinik bidan, wakil pos dan pasar belum lagi terdapat di Kampong ini tetapi penduduk-penduduk Kampong ini boleh mendapatkan perkhidmatannya di Kampong-Kampong yang berhampiran atau terus dari pekan Dong yang berhampiran.

Pengangkutan utama bagi penduduk-penduduk Kampong ini ialah dengan menggunakan perkhidmatan bas yang melalui Kampong ini dari bandar Raub ke Kuala Lipis, sejauh 39 batu, sejam atau kadangkala setengah jam sekali. Penggunaan motosikal dan basikal juga meluas di sini seperti ke tempat kerja, ke sekolah (oleh murid-murid sekolah) dan ke kampong-kampong yang berdekatan.

Kampong Ajai ini mempunyai seorang ketua kampong atau dikenali oleh penduduk di sini sebagai "Tok Empat". Cara perlantikannya tidak berubah dari masa-masa

perluan seharian, terdapat dua buah kedai runcit di Kampong ini. Pekedai ini merupakan salah seorang daripada penduduk Kampong ini juga. Selain daripada itu, terdapat juga sebuah kedai kopi bagi menjamu selera sambil menjadi tempat berhimpun para penduduk Kampong ini di petang hari.

3.3. Sebelum Tahun 1950'an.

Adalah menjadi tujuan utama kajian ini untuk melihat perubahan-perubahan yang ujud di kalangan penduduk Kampong ini dari segi sosial dan ekonomi hasil dari penyertaan mereka di dalam program-program pembangunan yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan. Untuk melihat perubahan yang ujud ini maka pengkaji telah memilih dua masa yang berbeza, iaitu tahun-tahun 1950 'an dan tahun 1930.

Tahun 1950 'an ini pengkaji pilih berdasarkan beberapa sebab yang diantaranya :-

1. Pada tahun-tahun 1950 'an ini program-program pembangunan dari pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan belum lagi terdapat di Kampong ini. Dan jika ada pun, iaanya adalah terlalu terhad.
2. Responden-responden masih lagi dapat mengingati beberapa perkara yang akan disoal oleh pengkaji. Perkara-perkara itu misalnya seperti pendapatan, pekerjaan, saiz keluarga dan seumpamanya.
3. Masih ramai lagi ketua-ketua keluarga yang hidup pada tahun 1950 'an dahulu pada masa ini. Seramai 23 orang responden adalah di antara mereka ini. Jika tahun-tahun sebelum itu dipilih besar kemungkinan bilangannya akan berkurang.

Dengan alasan-alasan inilah maka pengkaji mengambil tahun sebelum 1950 'an ini sebagai titik bermula bagi melihat perubahannya dengan keadaan pada tahun 1980. Dalam bahagian ini pengkaji mempunyai 23 orang responden yang pada tahun 1950 dahulu mempunyai keluarga. Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan yang berhubung dengan jenis pekerjaan, paras pendapatan, taraf pendidikan, pemilikan dan saiz keluarga.

3.3.I. Jenis Pekerjaan.

Pada awal tahun 1950 'an, kegiatan ekonomi utama mereka ialah menoreh getah tidak dapat dijalankan kerana adanya ancaman komunis. Oleh itu pada masa ini mereka menjalankan kegiatan bercucuk tanam iaitu menanam padi dan berladang dengan tanaman utama mereka iaitu jagong, ubi kayu dan tebu. Menanam sayur-sayuran juga merupakan sebahagian daripada aktifiti utama mereka. Kesemua hasil tanaman mereka ini, mereka gunakan untuk kegunaan mereka sendiri sahaja.

Bagi kerja sambilan pula, mereka (lelaki) menyertai pasukan kawalan kampong (home guards). Seramai 30 orang ketua keluarga dan pemuda-pemuda yang menyertainya. Kesemua 23 orang responden menyertai pasukan ini. Setiap peserta akan dibayar elauan bagi malam-malam dimana mereka berjaga/berkawal. Lain-lain pekerjaan bagi penduduk Kampong ini ialah sebagai guru, mata-mata khas, drier, jaga dan kerani rendah.

Apabila ancaman komunis telah mula reda dan pengistiharan tamatnya darurat dibuat oleh pihak Kerajaan, maka mereka mula menjalankan kembali kegiatan menoreh getah. Oleh itu diakhir tahun 1950 'an ini, kegiatan utama mereka ialah menoreh getah di samping menjadikan berladang, bertukang, mengambil upah dan berjualan sebaik

3.3.2. Paras Pendapatan.

Disebabkan pekerjaan utama mereka sebagai penoreh getah tidak dapat dijalankan pada awal tahun 1950 'an ini maka pendapatan mereka adalah bergantung kepada pekerjaan sambilan iaitu sebagai anggota pasukan kawalan kampong. Setiap malam dimana seseorang itu bertugas ianya akan dibayar elau sejumlah \$3.00 semalam. Pendapatan bagi setiap keluarga pada masa ini adalah tidak melebihi \$100.00 sebulan. Kesemua responden mengakui bahawa mereka memperolehi diantara \$30.00 hingga \$100.00 sebulan pada masa itu.

Di akhir tahun 1950 'an pula, pendapatan mereka sudah agak baik sedikit. Bagi mereka yang mempunyai kebun getah yang agak luas, pendapatan bulanan mereka agak baik. Ini adalah kerana harga getah pada masa itu adalah agak baik iaitu diantara \$1.00 hingga \$2.50 sekati. Tetapi disebabkan hasil pengeluarannya rendah (kerana pokok getah dari benih yang tidak baik, tahanan yang tidak sempurna dan sebagainya), maka pendapatan mereka tidaklah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan harga getah pada masa itu. Cuma 7 orang responden sahaja yang mengakui pernah mendapat pendapatan diantara \$100.00 hingga \$200.00 sebulan. Lain-lain responden masih lagi menerima pendapatan di bawah \$100.00 sebulan.

3.3.3. Taraf Pendidikan.

Hanya penduduk lelaki sahaja yang mendapat pendidikan di sekolah-sekolah samaada sekolah Melayu, Inggeris, Ugama dan sekolah Pondok. Kesemua lelaki yang mendapat pendidikan dari sekolah Melayu dan sekolah Ugama tidak melebihi darjah 5. Tetapi 3 orang lelaki yang mendapat pendidikan sekolah Inggeris pula, mereka ini dapat melanjutkan pelajaran mereka sehingga ke maktab nezuruan dimana salah se-

sahaja penduduk perempuan yang mendapat pendidikan. Kesemuanya dari sekolah Melayu. Oleh itu, di kalangan penduduk lelaki Kampong ini, kadar buta huruf^I adalah kurang berbanding dengan penduduk perempuannya.

Dari 23 orang responden, 14 orang daripada mereka mendapat pendidikan dari sekolah Melayu, 2 orang dari sekolah Ugama dan seorang dari sekolah pondok. 6 orang responden yang lainnya tidak mendapat pendidikan dari mana-mana sekolah.

Daripada 14 orang responden yang mendapat pendidikan dari sekolah Melayu ini, 9 orang daripada mereka belajar setakat darjah 3, 2 orang sampai darjah 4 dan 3 orang sahaja yang sampai ke darjah 5. Kebanyakan daripada mereka ini hanya tahu membaca dan menulis dalam tulisan jawi sahaja.

3.3.4. Pemilikan.

Pada masa ini, hampir setiap keluarga memiliki tanah masing-masing, cuma keluasannya sahaja yang berbeza-beza. Keluasan tanah diantara mereka ini berbeza-beza kerana pemecahan tanah melalui pembahagian harta pusaka dan juga kerana urusan jualbeli tanah. Mereka yang tidak bertanah ini pula merupakan keluarga-keluarga yang datang dari luar. Tetapi bilangan mereka ini adalah kecil, cuma 7 orang dan selepas beberapa tahun mereka tinggal di sini, mereka telah mula dapat membuka beberapa keping tanah dan menanamnya dengan getah.

Tanah-tanah ini pula boleh dibahagikan kepada 3 jenis iaitu tanah getah, sawah padi dan dusun buah-buahan. Tanah kebun getah dan sawah padi merupakan sebahagian besar dari keseluruhan tanah yang dimiliki oleh penduduk-penduduk Kampong ini jika dibandingkan dengan keluasan tanah untuk dusun buah-buahan. Apabila ber-

Setiap keluarga di Kampong ini memiliki rumah masing-masing dan sebahagian besarnya dibina di atas tanah masing-masing atau tanah ibubapa mereka. Pada masa ini terdapat 27 buah rumah. Cuma 5 buah sahaja yang beratapkan zing dan berdinding pelupuh dan berlantaikan papan; atau beratapkan atap nipah dan berdinding serta berlantaikan papan. Manakala 9 buah rumah yang lainnya beratapkan nipah, berdinding dan berlantaikan pelupuh. Kebanyakan rumah-rumah pada masa itu tidak mempunyai bilik. Cuma rumah yang beratapkan zing dan berdinding serta berlantaikan papan sahaja yang mempunyai bilik dimana selebih-lebihnya terdapat dua buah bilik.

Mengenai pemilikan alat-alat rumah pula, pemilikan radio, jam dinding dan mesin jahit serta almari cermin adalah terlalu terhad. Cuma sebahagian kecil sahaja keluarga di Kampong ini memilikinya. Ini adalah disebabkan harga barang-barang ini pada masa itu adalah terlalu tinggi berbanding dengan pendapatan mereka. Tetapi pemilikan ke atas katil dan tilam adalah satu perkara yang menyeluruh. Ini disebabkan katil dan tilam ini lebih merupakan "barang mesti" bagi setiap keluarga Melayu. Lagipun, tilam-tilam ini boleh dibuat oleh mereka sendiri dengan menggunakan kapas-kapas dari buah kekabu.

Cuma terdapat 5 buah basikal sahaja dikalangan penduduk-penduduk Kampong ini. Pemilikan ke atas motosikal dan kereta lansung tiada.

Binatang-binatang ternakan terutama sekali ayam dan itek terdapat pada setiap keluarga. Hampir separuh daripada penduduk Kampong ini pula memiliki ternakan kerbau. Selain daripada boleh digunakan bagi membajak sawah-sawah mereka kerbau ini juga merupakan harta kepada mereka. Cuma sebahagian kecil sahaja yang menternak kambing biri-biri dan tiada lansung yang memiliki lembu.

3.3.5. Saiz Keluarga.

jika dilihat dengan keadaan pada masa itu dimana taraf kesihatan mereka adalah rendah.Purata bagi setiap keluarga di Kampong ini ialah 6 orang bagi satu keluarga.Lihat Jadual I.

JADUAL I : Saiz Keluarga.

Saiz kaluarga (orang)	Kekerapan	Peratus	% bertambah
I - 2	1	4.34	4.34
3 - 4	2	8.68	13.02
5 - 6	4	17.36	30.38
7 - 8	7	30.40	60.78
9 - 10	5	21.00	81.78
II - 12	2	8.68	90.46
13 - 14	2	8.68	99.14
N - 23			

Sumber : Soalselidik.

Sebahagian besar daripada penduduk Kampong ini iaitu 68.64 peratus adalah terdiri daripada keluarga yang dianggotai oleh 7 hingga 14 orang anggota.Jika dilihat dari Jadual I juga, didapati bahawa sebuah rumah tangga didiami oleh seorang penghuni sahaja.Sebanyak 6 buah keluarga atau 26.04 peratus mempunyai anggota keluarga diantara 2 hingga 6 orang.Mereka ini merupakan pasangan keluarga yang baru kahwin dan kemungkinan pertambahan anggota-anggota baru bagi tahun-tahun selepasnya adalah menyakinkan.

Satu perkara yang agak menarik minat pengkaji ialah kenyataan yang dibuat oleh responden-responden mengenai keguguran dan kematian bayi atau anak kecil serta pengambilan anak-anak angkat.Setiap responden mengakui isteri-isteri mereka mengalami keguguran atau kematian bayi atau anak-anak kecil.Begitu juga dengan pe-

jantina yang sama. 3 orang responden mengambil anak-anak angkat dari keluarga Cina (semuanya perempuan) dan 6 orang responden yang lain mengambil anak-anak angkat dari saudara mala mereka. Kesemua anak-anak angkat ini diambil sejak mereka masih kecil lagi (di bawah umur 3 bulan).

3.4. Tahun 1980 - Sekarang.

Disebabkan tujuan kajian ini adalah bagi melihat perubahan yang ujud dari segi sosio-ekonomi di kalangan masyarakat Kampong ini selepas menyertai program-program yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan. Di dalam masa lebih kurang 30 tahun (sejak 1950'an) sudah tentu terdapat beberapa perubahan dari segi sosio-ekonomi ini. Tetapi di dalam bahagian ini pengkaji hanya akan melihat beberapa perkara yang berhubung dengan jenis pekerjaan, paras pendapatan, taraf pendidikan, pemilikan dan saiz keluarga.

3.4.I. Jenis Pekerjaan.

JADUAL 2 : Jenis Pekerjaan Utama Responden.

Jenis pekerjaan utama	Kekerapan	Peratus
Penoreh getah	43	86
Buruh ladang	3	6
Peniaga	2	4
Jaga	1	2
Kakitangan kerajaan	1	2
	N= 50	100

Dari 50 orang responden yang ditemuduga, 43 orang daripada mereka adalah pekebun kecil yang menjadikan menoreh sebagai pekerjaan utama mereka. 3 orang menjadikan buruh ladang sebagai pekerjaan utama, 2 orang sebagai pekedai, seorang jaga dan seorang lagi sebagai buruh kerajaan. Lihat Jadual 2.

Pekerjaan sambilan pula meliputi kerja-kerja berjualan secara kecil-kecilan, bertukang, memanjat kelapa, menjadi dukun atau bomoh, mengambil upah (di kebun getah atau di sawah), menternak, berladang dan sebagai buruh kontrek.

Di samping itu pula, terdapat juga sebahagian besar dari kalangan responden yang menjalankan kerja musiman iaitu menanam padi dan menjual buah-buahan. Seramai 28 orang responden terlibat di dalam kerja menanam padi manakala 13 orang yang lain pula menjual buah-buahan pada musim buah-buahan. Terdapat juga di kalangan responden yang berhijrah sekali sekala ke bandar-bandar terutamanya dimusim hujan, masa dauh getah meluruh atau harga getah turun, untuk menyara keluarga masing-masing. Di sana mereka bekerja sebagai buruh kilang papan yang ber-gaji hari. Selepas dua atau tiga bulan, mereka kembali semula ke kampong untuk meneruskan kerja biasa mereka sebagai penoreh.

3.4.2. Paras Pendapatan.

Purata pendapatan bulanan bagi responden ialah \$210.00 sebulan. Pendapatan ini termasuklah dari hasil penjualan getah, jualan hasil tanaman, ternakan, upah, berjualan secara kecil-kecilan, bertukang, pemberian anak-anak dan sebagainya.

Dari Jadual 3, didapati 48 peratus dari keseluruhan responden berpendapatan kurang dari \$200.00 sebulan dan hanya 8 peratus sahaja yang berpendapatan

\$300.00 sebulan ini ialah mereka yang mempunyai kebun-kebun getah yang agak luas dan lain-lain punca pendapatan seperti bermiaga secara kecil-kecilan, menternak dan sumbangan dari anak-anak. 3 orang responden yang menerima pendapatan di bawah \$50.00 sebulan itu adalah mereka yang sudah agak berumur. 2 orang daripada mereka ialah janda dan duda, dan mereka ini menerima bantuan kewangan dari Jabatan Ke-bajikan Masyarakat pada tiap-tiap bulan. Seorang lagi itu ditanggung oleh anak-anaknya.

JADUAL 3 : Pendapatan Bulanan Responden.

Pendapatan (\$)	Kekerapan	Peratus	% bertambah
Di bawah 50	3	6	6
51 - 100	2	4	10
101 - 150	8	16	26
151 - 200	11	22	48
201 - 250	12	24	72
251 - 300	10	20	92
301 - 400	4	8	100
N - 50		100	

Sumber : Soalselidik.

3.4.3. Taraf Pendidikan.

Taraf pendidikan persekolahan pada keseluruhannya adalah sederhana baik di kalangan responden maupun di kalangan anak-anak mereka.

Dari keseluruhan responden, cuma 6 orang responden sahaja yang tidak berpelajaran lansung, tetapi dari jumlah ini cuma 2 orang responden sahaja yang tidak

huruf. Majoriti daripada selebihnya (Lihat Jadual 4), hanya setakat pernah belajar di sekolah rendah sahaja dan mereka ini rata-rata hanya lulus setakat darjah 4, 5 dan 6 sahaja. Tetapi kebolehan mereka membaca dan menulis terutamanya tulisan jawi adalah amat memuaskan.

JADUAL 4 : Taraf Pendidikan Responden.

Taraf pendidikan	Kekerapan	Peratus
Lulus/gagal SRP/LCE	7	14
Setakat sekolah rendah	20	40
Sekolah Arab rendah	2	4
Pendidikan Pondok	1	2
Sekolah Dewasa	13	26
Lain-lain pendidikan	1	2
Tiada pendidikan persekolahan	6	12
N - 50		100

Sumber : Soalselidik.

Berhubung dengan taraf pendidikan anak-anak responden pula, adalah jauh lebih baik daripada taraf pendidikan ibubapa mereka.

Dari jumlah 163 orang, terdapat 5 orang yang telah dan sedang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi samaada di luar atau di dalam negeri. Bilangan yang telah melalui proses pendidikan di sekolah menengah berjumlah 30 orang; 18 orang mendapat SPM, 7 orang gagal dalam SPM dan 5 orang gagal dalam SRP. Terdapat 12 orang sahaja yang hanya sempat belajar setakat sekolah rendah. Selebihnya, seramai 76 orang masih lagi di bangku sekolah dalam berbagai peringkat. Manakala terdapat 43 orang yang masih belum bersekolah disebabkan belum cukup umur. Hanya 2 orang sahaja yang lansung tidak pernah bersekolah. Kedua-dua

JADUAL 5 : Taraf Pendidikan Anak-Anak Responden.

Peringkat persekolahan	Kekerapan	Peratus
I. Tamat persekolahan:		
Tamat dengan SPM	18	11.04
Gagal dalam SPM	7	4.29
Gagal dalam SRP	5	3.08
Setakat sekolah rendah	12	7.36
2. Sedang bersekolah:		
Sekolah menengah atas	10	6.14
Sekolah menengah bawah	22	13.49
Sekolah rendah	39	23.92
3. Tidak bersekolah:		
Belum cukup umur	43	26.38
Tidak pernah bersekolah	2	1.22
4. Institiut pengajian tinggi:		
Sudah keluar	2	1.22
Masih belajar	3	1.86
N - 163	100.00	

Sumber : Soalselidik.

3.4.4. Pemilikan.

Kajian mengenai pemilikan ini adalah meliputi pemilikan tanah, rumah, alat-alat rumah, kenderaan, alat-alat pertanian dan binatang-binatang ternakan.

3.4.4.I. Tanah.

Kajian mengenai tanah ini akan dibuat mengikut jenisnya iaitu tanah kebun

3.4.4.I.I. Tanah Kebun Getah.JADUAL 6 : Pemilikan Kebun Getah Mengikut Saiz.

Saiz kebun (ekar)	Kekerapan	Peratus	% bertambah
Tiada tanah	6	12	12
0.I - 2	2	4	16
2.I - 4	18	36	52
4.I - 6	16	32	84
6.I - 8	4	8	92
8.I - 10	2	4	96
10 ekar ke atas	2	4	100
	N - 50	100	

Sumber : Soalselidik.

Purata pemilikan tanah kebun getah bagi responden di Kampong Ajai ini ialah 4 ekar bagi sekeluarga.

Dari Jadual 6, didapati 6 buah keluarga yang tidak memiliki kebun getah. Mereka ini menoreh di kebun-kebun getah tuan-tuan tanah secara pawah. Seramai 20 orang responden yang lain pula memiliki kebun getah yang kurang dari 4 ekar luasnya. Dari Jadual 6 ini juga menunjukkan kepada kita bahawa mereka yang memiliki tanah yang relatif luasnya adalah terdiri dari golongan yang kecil. Mereka ini kebanyakannya mengerjakan sebahagian sahaja daripada tanah mereka dimana selebihnya diberi pawah kepada mereka yang tidak memiliki tanah kebun getah. Di samping mereka yang tidak mempunyai tanah kebun getah ini, terdapat juga 15 orang pemilik tanah yang terpaksa menoreh di kebun-kebun tuan-tuan tanah ini kerana kebun-kehun

3.4.4.I.2. Tanah Sawah Padi.JADUAL 7 : Pemilikan Tanah Sawah.

Saiz sawah (ekar)	Kekerapan	Peratus	% bertambah
Tiada	8	16	16
0.1 - 1	17	34	50
1.1 - 2	11	22	72
2.1 - 3	7	14	86
3.1 - 4	3	6	92
4.1 - 5	3	6	98
Lebih daripada 5	1	2	100
	N = 50	100	

Sumber : Soalselidik.

Dari Jadual 7 didapati bahawa 8 orang responden tidak memiliki tanah sawah, manakala 28 orang responden pula hanya memiliki tanah sawah yang kurang dari 2 ekar. Hanya 4 orang responden yang memiliki tanah sawah melebihi 4 ekar.

Tetapi dari keseluruhan tanah-tanah sawah yang ada di Kampong ini, hanya sebahagian kecil sahaja yang diusahakan. Sebab-sebab utama sawah-sawah ini tidak diusahakan ialah ketidakcukupan bekalan air, tiadanya tenaga pengusaha, keadaan sawah yang dinaiki perupuk dan tanah sawah yang bergambut.

3.4.4.I.3. Tanah Dusun Buah-Buahan.

Hanya 7 orang responden yang memiliki tanah dusun buah-buahan. Tetapi pemilikan bersama-sama dengan lain-lain anggota keluarga adalah perkara biasa bagi penduduk-penduduk Kampong ini. Terdapat 13 orang responden yang berkongsi memiliki

Purata pemilikan bagi 20 keluarga tersebut ialah 1.6 ekar, tetapi jika dikira purata bagi keseluruhan responden, purata keluasannya ialah 0.64 ekar bagi setiap keluarga.

Pada awal tahun 1970 'an, kesemua penduduk Kampong ini bersetuju untuk membuka tanah padang lembu Kampong ini untuk dijadikan dusun buah-buahan dimana setiap keluarga diperuntukan tanah seluas setengah ekar setiap satu. Tetapi selepas tanah ini dibuka dan sebahagian kecil dari penduduk-penduduk Kampong ini telah menanam pokok buah-buahan di tanah tersebut, kelulusan bagi tanah tersebut oleh Kerajaan Negeri gagal diperolehi. Oleh itu hingga kini tanah-tanah tersebut tidak diusahakan.

3.4.4.2. Rumah.

JADUAL 8 : Jenis Rumah Didiami.

Jenis atap rumah ZING NIPAH	Bilangan bilik					TANDAS		
	Tiada	1	2	3	4	Tandas dalam rumah	Tandas curah luar rumah	Tiada tandas
48 2	I2	I2	I5	8	3			
						5	40	5

Sumber : Soalselidik.

Dari 50 buah rumah responden, didapati 48 buah beratapkan zing manakala 2 buah lagi beratapkan nipah. Kesemua rumah ini berdinding dan berlantaikan papan. Kebanyakannya daripada rumah-rumah ini mempunyai bilik. Terdapat 5 orang responden

getah dimana mereka menoreh.

Berkaitan dengan rumah kediaman ini, satu aspek yang amat ketara ialah 90 peratus dari rumah-rumah ini mempunyai tandas. Bagi 5 buah rumah yang tiada mempunyai tandas ini, mereka menjadikan sungai sebagai tandas mereka.

3.4.4.3. Alat-Alat Rumah.

JADUAL 9 : Pemilikan Alat-Alat Rumah.

Jenis alat yang dimiliki	Kekerapan
Telivisyen	18
Radio/transistor	57
Mesin jahit	21
Kerusi set	27
Meja makan	24
Almari pinggan mangkuk	48
Almari kain	74
Katil	83
Jam dinding	37
Set pinggan mangkuk	48
Seterika elektrik	17
Perick elektrik	23
Kipas angin	11
Peti sejok	3

Sumber : Soalselidik.

Pemilikan ke atas barang-barang elektrik adalah agak meluas di akhir-akhir ini kerana terdapatnya kemudahan api letrik. Sebelum kemasukan api letrik,

cuma terdapat 2 buah neti telivisyen di Kampong ini yang menggunakan baterai.

kereta dan generator.Tetapi pemilikan radio - transistor adalah di dalam keadaan yang sama seperti dimasa-masa sebelum kemasukan letrik.Dari Jadual 9 didapati bahawa jumlah radio adalah melebihi jumlah keluarga yang dikaji.Ini kerana terdapat juga di kalangan responden yang memiliki radio lebih dari sebuah.Dari 21 keluarga yang mempunyai mesin jahit, cuma 3 keluarga sahaja yang menggunakannya bagi menambah pendapatan keluarga melalui cara mengambil upah menjahit kain baju terutama sekali ketika menjelangnya musim-musim hari raya.Yang lainnya hanya menggunakannya bagi keperluan keluarga sahaja.

3.4.4.4. Kenderaan.

Kenderaan utama yang dimiliki oleh 90 peratus daripada responden ialah basikal.Terdapat 51 buah basikaldi kalangan 50 orang responden.Basikal ini kebanyakannya digunakan oleh anak-anak mereka untuk ke sekolah yang terletak di pekan Dong.Responden juga menggunakan basikal ini bagi kegiatan sehari-hari mereka atau untuk pergi ke tempat-tempat di sekitar Kampong ini.

Di kalangan responden juga terdapat 6 buah motosikal dan 2 buah kereta.Kedua-dua buah kereta ini adalah di dalam keadaan separuh umur.Salah sebuah daripadanya dimiliki oleh seorang responden yang menjalankan kerja sambilannya sebagai peniaga di pekan-pekan sahari.Kadangkala beliau menggunakan kereta tersebut sebagai teksi sapu.Manakala responden yang kedua pula menggunakan kereta tersebut sebagai teksi sapu sebagai kerja sambilannya.

3.4.4.5. Alat-Alat Pertanian.

Terdapat 2 orang responden yang memiliki gergaji mesin yang digunakannya

tersebut hendak ditanam semula.Cuma terdapat seorang responden sahaja yang memiliki kerbau untuk tujuan membajak sawah padinya.Selain daripada itu, terdapat juga 18 orang responden yang memiliki alat pengepam racun yang digunakan bagi meracun kebun getah (terutama kebun tanam semula), dusun, kawasan samah padi dan juga kawasan keliling rumah.

3.4.4.6. Binatang Ternakan.

Pemilikan terhadap binatang-binatang ternakan terutamanya ayam itik adalah meluas di kalangan responden.Kesemua responden memelihara ayam samaada untuk kegunaan sendiri maupun untuk menambah pendapatan mereka.Terdapat 41 orang responden yang memiliki lembu.Kesemuanya mendapat pemberian lembu pawah dari Jabatan Haiwan.²³ orang dari mereka ini telahpun lepas dari sistem pawah tersebut.² Purata bagi pemilikan lembu ini ialah 4 ekor bagi setiap keluarga.Cuma seorang responden yang memiliki 9 ekor kerbau yang digunakannya bagi membajak sawah.Tiada responden yang menternak kambing atau biri.

3.4.5. Saiz Keluarga.

Secara keseluruhannya, saiz keluarga bagi responden adalah pada tingkat kebiasaan bagi kebanyakan komuniti luar bandar di Malaysia iaitu 5.3 orang bagi satu keluarga.Angka ini adalah menyamai purata saiz keluarga petani padi di Kawasan Kemubu, Kelantan dimana mengikut kajian yang dibuat oleh Selvadurai³ dalam tahun 1968 iaitu 5.2 orang.Ia juga menyamai seperti lapuran yang dibuat oleh Saw Swee Hock dalam Seminar Kebangsaan Perancang Pertama.⁴

kepada keluarga yang mengandungi 5 hingga 8 anggota iaitu yang membentuk 52 peratus dari jumlah keluarga yang dikaji.Terdapat 12 buah keluarga yang terlalu besar saiznya iaitu mengandungi 9 hingga 14 orang anggota.

JADUAL 10 : Saiz Keluarga Responden.

Saiz keluarga (orang)	Kekerapan	Peratus	% bertambah
I - 2	3	6	6
3 - 4	9	18	24
5 - 6	16	32	56
7 - 8	10	20	76
9 - 10	6	12	88
II - 12	3	6	94
13 - 14	3	6	
	N - 50	100	

Sumber : Soalselidik.

Kebanyakan dari keluarga di Kampong ini adalah berbentuk keluarga asas atau famili nuclear dimana dalam sesebuah rumah tangga terdapat ibubapa dan anak-anak yang belum berumahtangga.Anak-anak yang sudah berkahwin biasanya tinggal berasingan dari keluarga asalnya dengan mendirikan rumah berhampiran dengan rumah orang tua mereka samaada di sebelah suami atau isteri.Hanya di dalam kes dimana siisteri tadi berpisah atau kematian suami, maka ia bersekali dengan anak-anaknya akan berpindah ke rumah ibubapanya kembali dan membentuk satu keluarga besar atau extended family sehinggalah sijanda tersebut berkahwin lagi.

3.5. Penglibatan Dalam Politik.

apabila mereka mendaftarkan diri sebagai pengundi di dalam pilihanraya umum yang pertama iaitu pada tahun 1955. Tetapi penglibatan mereka di dalam pilihanraya itu adalah tidak menyeluruh. Cuma di kalangan penduduk lelaki sahaja yang agak aktif di dalam pilihanraya itu; itupun tidak kesemua mereka yang mendaftar pergi mengundi. Di kalangan penduduk perempuan pula, hanya sebahagian kecil sahaja yang yang pergi mengundi. Oleh itu penglibatan mereka di dalam pilihanraya yang pertama ini adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana tidak ada kesedaran di kalangan mereka tentang kepentingan politik pada masa itu. Perkara utama yang menjadi tumpuan mereka pada masa ini ialah kegiatan ekonomi sehari-hari mereka.

Cawangan parti UMNO telah ditubuhkan di Kampong ini pada bulan Januari 1961. Selepas tertubuhnya cawangan UMNO ini, maka barulah penduduk-penduduk Kampong ini melibatkan diri secara aktif di bidang politik. Pada awal tahun 1971, Bahagian Pergerakan Pemuda UMNO pula ditubuhkan.

Di Kampong ini, cuma UMNO sahaja yang mempunyai cawangannya sedangkan parti-parti politik yang lain tiada menubuhkannya. Pengaruh parti-parti lain seperti PAS tidak mendapat tempat di kalangan penduduk-penduduk di Kampong ini walaupun terdapat diantara mereka yang tidak mendaftarkan diri sebagai ahli UMNO. Menurut ketua kampong ini, penglibatan penduduk Kampong ini di dalam UMNO adalah melebihi 90 peratus dari keseluruhan pengundi yang berdaftar, manakala penglibatan di kalangan wanita pula adalah terlalu menggalakan iaitu hampir mencapai seratus peratus dari keseluruhan mereka yang mendaftar sebagai pengundi.

Untuk melihat penglibatan responden di dalam politik, lihat Jadual II. Majoriti penduduk Kampong Ajai yang terlibat dalam politik ialah 43 orang dari keseluruhan responden. Paling tidak mereka turut mengundi di dalam

ahli jawatankuasa cawangan.

JADUAL II : Penglibatan Responden di Dalam Politik.

Peringkat penglibatan	Kekerapan	Peratus
Ahli J/K cawangan	6	12
Penyokong yang aktif	18	36
Ahli parti	11	22
Setakat mengundi	8	16
Tidak peduli lansung	7	14
N - 50	100	

Sumber : Soalselidik.

3.6. Peranan Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Pembentukan Agenzi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah bertujuan untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif yang tertentu menurut strategi yang telah ditetapkan melalui program-program yang disediakan. Kesemua matlamat ini adalah merupakan pembangunan dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Di dalam kajian ini, pengkaji hanya akan melihat pembangunan dari aspek sosial dan ekonomi sahaja.

Kebanyakannya malah hampir kesemua pembentukan Agenzi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan ini bermatlamatkan pembangunan sosial dan ekonomi terutamanya bagi masyarakat luar bandar. Melalui program-program yang disediakan oleh pihak Agenzi dan Jabatan Kerajaan maka masyarakat luar bandar akan dapat menikmati pembangunan sosio-ekonomi sebagaimana yang diharap-harapkan oleh pihak Kerajaan.

ini akan cuba menyediakan program-program yang boleh menambah pendapatan para penduduk luar bandar ini atau setidak-tidaknya akan cuba mengurangkan kos pengeluaran mereka. Begitu juga dengan pembangunan sosial, dimana pihak Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan akan cuba menambah atau meninggikan lagi taraf pendidikan, kesihatan, kemahiran, pemikiran, kesejahteraan dan seumpamanya. Untuk melihat usaha-usaha dan sumbangangan-sumbangan yang telah dibuat dan dihasilkan bagi mencapai matlamat tersebut, akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab-bab yang akan datang.

1. ~~Untuk peringkat pertama pada tahun 1970, pendapatan rata-rata per kapita bagi seluruh kaum Melayu yang berada di luar bandar adalah RM 1,250.00. Pendapatan rata-rata kaum Melayu yang ditarik oleh kerajaan dan teknologi yang diperlukan pada tarikh itu adalah RM 1,000.00 dan pada tarikh 1970 adalah RM 1,200.00.~~
2. ~~Minister, Dr. S. Raman, Ministry of Ind. Permaisuri Tanah Melayu, Kuala Lumpur, 1971.~~
3. ~~Sos. Socio-Economic Conditions Towards Industrialisation and Economic Development in Malaysia, Kuala Lumpur, 1971, pp. 11. It states further that during the period between 1960-1970, gross domestic product increased at an average annual rate of 5.2 percent but net foreign exchange fluctuating from balance to undershoulder gross national product and a balance of 4.7 percent had been maintained.~~

Nota Kaki :

- I. Menurut Bangsa-Bangsa Bersatu, buta huruf dikatakan sebagai ketidakbolehan membaca dan menulis. Seseorang itu dianggap kenal huruf sekiranya ia boleh memahami - membaca dan menulis - ayat-ayat pendek atau mudah berkaitan dengan kehidupan sehariannya. Menurut lapuran banci 1947 - boleh membaca atau menulis surat mudah samaada dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina, India dan sebagainya. Menurut Banci 1957 - kebolehan membaca kenyataan dan menulis surat. Manakala bagi banci 1970 pula, kenal huruf dirujuk kepada kebolehan membaca surat khabar atau surat dan menulis surat di dalam sebarang 4 bahasa, Melayu, Inggeris, Cina dan India dan lain-lain bahasa. (Lihat Lapuran Am, Banci Penduduk Malaysia 1970 Jilid I (Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1977). m.s. 83.
2. Sistem pawah di dalam rancangan lembu pawah yang disediakan oleh Jabatan Haiwan ini merupakan satu peraturan dimana peserta-peserta dikehendaki memulangkan kembali lembu-lembu yang diberikan kepada mereka itu dengan anak-anak lembu yang berumur 2 tahun 9 bulan dalam jumlah yang sama dengan lembu-lembu yang diterima oleh mereka. Selepas itu, lembu-lembu yang tinggal pada penternak, termasuk ibu-ibu lembu yang asal adalah menjadi milik penternak.
3. Selvadurai, S., Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan (Kuala Lumpur, 1969).
4. Saw Swee Hock, Urban-Rural Attitudes Towards Family Size and Family Limitation in West Malaysia, (Kuala Lumpur, 1968). m.s. 27. Di dalam lapuran ini beliau mengatakan bahawa saiz keluarga yang diharapkan oleh masyarakat kawasan luar bandar adalah 5.2 orang bagi satu keluarga berbanding dengan keluarga di bandar-bandar yang mahukan saiz keluarga 4.2 orang bagi satu keluarga.

BAB IV

AGENSI DAN JABATAN KERAJAAN

4.1. Pengenalan.

Penubuhan Agensi-Agenzi¹ dan Jabatan-Jabatan Kerajaan² adalah bertujuan bagi mencapai kesejahteraan seluruh rakyat samaada dari segi sosial, ekonomi ataupun politik. Ini dapat dilihat di dalam objektif penubuhannya dan strategi-strategi yang diatur adalah bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut. Untuk menguraikan kesemua Agensi dan Jabatan Kerajaan ini maka sudah tentu di luar kemampuan pengkaji samaada dari segi masa dan tenaga. Oleh itu bagi mendapatkan gambaran mengenai Agensi dan Jabatan Kerajaan ini maka pengkaji telah memilih dua buah agen pembangunan iaitu RISDA, sebuah Agensi Kerajaan dan Jabatan Haiwan, sebagai sebuah Jabatan Kerajaan.

4.2. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Sejak penubuhannya lagi, RISDA telah banyak membantu masyarakat luar bandar, terutamanya pekebun-pekebun kecil, di dalam pembangunan socio-ekonomi mereka. Di dalam bahagian ini nanti, kita akan cuba meninjau sejarah penubuhan RISDA, struktur dan organisasinya, serta strategi dan aktibiti pembangunannya.

4.2.1. Penubuhan RISDA.

RISDA telah ditubuhkan pada Ihb. Januari, 1973 di bawah Undang-Undang

pulan Wang B) (LPGTS)³ yang memberi bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil getah.Ianya ditubuhkan di bawah seksyen 'Rubber Industry (Replanting) Fund' Ordinan No. 8, tahun 1952.Kumpulan wang tanam semula di sini adalah kutipan dari cukai ses sebanyak $4\frac{1}{2}$ sen bagi tiap-tiap satu paun getah yang diekspot ke luar negeri.

Walaupun LPGTS sebelum ini dibantu oleh Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM)⁴ yang memberi tunjukajar dalam bidang agronomik dan lain-lain aspek yang berhubung dengan teknik berkebun; Jabatan Pertanian dan Rubber Industry Smallholders Planting Material Scheme (RISPMS)⁵ yang membekal benih-benih getah, telah berjaya menanam semula seluas 1,200,678½ ekar dan tanaman baru seluas 94,124 ekar se hingga akhir tahun 1972 (Lihat Laporan B) tetapi ketiadaan satu badan pelaksana untuk menghadapi masaalah-masaalah pekebun kecil secara menyeluruh telah mengakibatkan faedah yang diperolehi tidak begitu memuaskan.Menyedari keadaan inilah maka Kerajaan telah menukuhan RISDA pada awal tahun 1973 itu.

RISDA adalah sebuah Badan Berkanun yang diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.Ia ditadbir oleh 14 orang yang dilantik oleh Kabinet.Ahli-ahinya terdiri dari badan-badan yang terlibat dengan perusahaan getah.Pembuahan RISDA adalah bertujuan untuk memikul tanggungjawab di atas semua aspek kemajuan sektor pekebun kecil.Selain daripada itu RISDA juga bertanggungjawab bagi mengatasi semua masaalah yang dihadapi oleh pekebun kecil dalam menjalankan usaha-usaha pembangunan bagi meninggikan taraf hidup mereka.Masaalah-masaalah dahulu yang dikendalikan oleh 3 badan yang berasingan iaitu LPGTS, RRIM dan RISPMS, semuanya dirangkum dan disatukan di bawah pentadbiran sebuah organisasi baru iaitu Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau RISDA.

pekebun kecil berhubung dengan perusahaan getah adalah menjadi tugas dan tanggung-jawab RISDA sepenuhnya.

Di bawah Akta 85 itu juga satu peruntukan dibuat membenarkan RISDA, dengan kelulusan Menteri⁶ menubuhkan dari masa kesemasa suatu perbadanan dengan apa jua nama untuk melaksana dan menguruskan bagi pihak RISDA, sesuatu rancangan yang disedia dan diluluskan di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah Tanam Semula, 1952.⁷ RISDA juga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh dari masa kesemasa mengeluarkan arahan-arahan atas apa-apa aspek tugas RISDA dan RISDA adalah terikat dengan arahan Menteri itu.⁸

Objektif dan matlamat RISDA pada keseluruhanya ialah untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil getah dan perusahaan getah secara keseluruhannya. Secara ringkasnya, objektif dan polisi tersebut boleh dibahagikan kepada perkara-perkara berikut :-⁹

1. Melaksanakan segala tugas pembaharuan pertanian yang terdapat dari hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan-Jabatan yang ada hubungan dengan kegiatannya.
2. Bekerjasama dan berhubung rapat dengan semua agensi negara yang bertanggungjawab bagi penyelidikan, pengembangan, pekerjaan, mengadakan kredit pertanian, memproses dan pemasaran getah, dan mengujudkan dengan cepat proses pemodenan.
3. Menjalankan tugas mengatur dan merancang penanaman semula bagi sektor pekebun kecil dengan menggunakan benih-benih tertentu yang disediakan khas melalui penyelidikan yang teratur agar

perbaiki lagi mengikut cara penanaman yang kemas lagi teratur.

4. Mempastikan bahawa sektor pekebun kecil adalah dimodenkan dari segala segi termasuk memberi latihan-latihan kemahiran dan menanamkan asas pendidikan yang wajar.

5. Mendapatkan dan menyimpan perangkaan-perangkaan termasuk rekod-rekod yang perlu berhubung dengan sektor pekebun kecil dan mengarahkan supaya butir-butir maklumat itu diberi kepada Kerajaan supaya tindakan perancangan selanjutnya akan dapat dijalankan dengan lebih baik lagi.

6. Mengambil bahagian dalam apa jua aktibiti yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab dari masa kesemasa mengikut perubahan zaman dan keadaan alam sekitar. Dengan adanya kegiatan yang dinamis dari masa kesemasa, pembaikan dan kemajuan sektor pekebun kecil sentiasa sahaja berkembang mengikut aliran zaman.

4.2.2. Struktur dan Organisasi RISDA.

RISDA kini diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. Ia ditadbirkan oleh satu Lembaga Tadbir yang dikenali sebagai Ahli Pihak Berkuasa RISDA, terdiri dari pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dari berbagai-bagai profesyen serta wakil-wakil dari sektor pekebun kecil dan sektor estet. Kesemua mereka adalah dilantik oleh Kerajaan. Mereka bertanggungjawab dalam perumusan polisi dan mengkoordinasikan perjalanan RISDA.

Pengurusan RISDA diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang bertindak sebagai Ketua Eksekutif. Beliau dibantu oleh 10 orang Pengarah yang mengetuai baha-

masaran yang tidak dapat dijalankan oleh badan-badan pertanian yang lain seperti MARDEC misalnya.

5. Bahagian Tanam Semula - yang mempastikan semua rancangan penanaman semula dijalankan dengan sempurna dan menyediakan skim-skim penanaman yang tersusun lagi sistematik.
6. Bahagian Modernisasi - yang meliputi semua aspek untuk memperbaiki taraf hidup pekebun kecil dengan mengadakan orientasi yang menyeluruh. Ia juga menyediakan perkhidmatan mengenai "agronomy", "soil pshysiology", ekonomi pertanian dan pengajian kimia.
7. Bahagian Bekalan dan Pengangkutan - yang ditugaskan untuk menghantar atau membekalkan keperluan pertanian kepada pekebun kecil melalui sistem pengangkutan yang disediakan.
8. Bahagian Pembangunan Perladangan - yang bertanggungjawab untuk mengendalikan ladang-ladang sebagai bantuan khas kepada pekebun-pekebun kecil yang diberi secara tidak lansung iaitu melalui pemegang saham.
9. Bahagian Estet - yang mengelolakan dan mentadbirkan sesuatu penanaman semula estet-estet dan memberi bantuan kepada estet terutamanya di lapangan tanam semula dan masaalah yang timbul darinya; dan
10. Bahagian Latihan dan Pembangunan Masyarakat - yang bertanggungjawab dalam aspek latihan dan biasiswa baik latihan untuk pegawai dan kakitangan maupun latihan kepada pekebun serta anak-anak dan keluarga mereka.

pekebun kecil, RISDA telah menyusun beberapa strategi yang diantaranya :-¹⁰

- I. Menggalakkan penyertaan dalam projek tanam semula samaada bersendirian atau secara berkelompok.
2. Menggalakkan pekebun-pekebun kecil melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang lain untuk memperluaskan dan menambah pendapatan mereka.
3. Meninggikan hasil dan mutu pengeluaran melalui kemudahan-kemudahan memproses dan pemasaran yang disediakan; dan
4. Menggalakkan penggunaan teknologi baru dan input pertanian moden seperti penggunaan benih bermutu, bahan-nahan kimia dan lain-lain bahan yang berfaedah.

Untuk mendapatkan gambaran tentang aktifiti-aktifiti yang dijalankan oleh RISDA, di sini diuraikan secara ringkas antara beberapa projek yang telah dan dilaksanakan.¹¹ Untuk keterangan lanjut Lihat Lampiran D.

4.2.3.I. Rancangan Tanam Semula/Tanam Baru.

Projek ini adalah projek utama RISDA yang diberi peruntukan paling besar dimana bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$392.3 juta telah diperuntukan bagi membiayai projek ini.¹² Matlamat rancangan ini dalam tempoh tersebut ialah menanam seluas 450,000 ekar iaitu 90,000 ekar setahun.¹³ Setakat ini RISDA masih gagal mencapai matlamat tersebut dimana dalam tahun 1976 hanya seluas 48,976 ekar atau 54.4 peratus sahaja yang telah ditanam semula/baru. Bagi tahun 1977 pula peratusnya merosot menjadi 50.2 peratus atau seluas 45,195 ekar sahaja yang telah berjaya ditanam semula/baru.¹⁴

Mengikut perangkaan yang disimpan oleh Ibu Pejabat RISDA, sehingga akhir tahun 1977 seluas 619,403 ekar kebun getah masih lagi belum ditanam semula.¹⁵ Ianya belum lagi termasuk kebun-kebun yang pernah ditanam semula dan pada masa ini pokok-pokoknya sudah tua dan layak ditanam semula bagi kali yang kedua.

Semenjak RISDA ditubuhkan pada awal 1973, kadar bantuan tanam semula telah bertambah dari kadar \$750.00 seekar kepada \$1,200 seekar pada June 1978. Kadar sebenarnya ialah :-

1. Pekebun-pekebun kecil yang memiliki kebun getah tua seluas 10 ekar ke bawah layak menerima \$1,200 seekar.
2. Yang memiliki setakat 12 ekar layak menerima \$1,200 bagi 10 ekar yang pertama dan \$900 seekar bagi bakinya.
3. Yang memiliki lebih dari 12 ekar akan dikekalkan bantuan atas kadar lama iaitu \$900 seekar.

wang sagu hati juga akan diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang memiliki tanah getah tua 5 ekar ke bawah pada atau sebelum I.I.1957 atas kadar \$100 seekar..adi ini bermakna bahawa mereka yang memiliki 5 ekar ke bawah pada atau sebelum tarikh tersebut akan mendapat sejumlah \$1,300 bagi setiap ekar sebagai subsidi tanam semula.Pemberian bantuan ini walaupun tidak menampung sepenuhnya kos menanam semula tetapi bolehlah dikatakan sebagai satu tindakan yang wajar untuk meringankan beban pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun yang sempit dalam usaha mereka menyertai rancangan tanam semula.Sila Lihat Lampiran C.

Pada awal tahun 1981, kadar bantuan tanam semula/baru telah dinaikkan melalui Skim Penggalak Tanam Semula Getah (SEPENTAS).¹⁶ Kadar bantuan yang baru

A. I. Bantuan tanam semula getah bagi kawasan 10 ekar dan ke bawah dinaikkan dari \$1,200 kepada \$2,200 seekar.

2. Bagi kawasan yang melebihi 10 ekar, kadarnya akan dinaikkan dari \$900 kepada \$1,500 seekar.

B. Bagi lain-lain jenis tanaman, bantuan juga akan dinaikkan kepada :-

I. Bagi pekebun kecil yang memiliki 10 ekar ke bawah kadarnya akan dinaikkan bagi \$900 dan \$950 kepada satu kadar sahaja iaitu \$1,500 seekar.

2. Bagi kawasan yang melebihi 10 ekar, kadarnya dinaikkan dari \$900 kepada \$1,200 seekar.

Di bawah skim ini juga, pekebun-pekebun kecil yang menanam semula kebun-kebun mereka yang luasnya diantara 6 hingga 10 ekar akan diberikan bantuan bulanan antara \$60 sehingga \$100 sekeluarga, sementara 5 ekar ke bawah diberi bantuan \$100 sebulan selama 6 tahun.¹⁷

4.2.3.2. Rancangan Subsidi Input Pertanian.

Bantuan subsidi input pertanian ini bertujuan supaya dapat mengurangi beban perbelanjaan yang ditanggung oleh pekebun kecil di dalam menjalankan usaha menanam semula getah, tanaman kontan dan lain-lain usaha sampingan sebagai sumber pendapatan tambahan mereka. Ia juga akan menolong pekebun kecil menampatkan sepenuhnya sumber-sumber yang ada seperti tanah, tenaga kerja dan kemahiran.

Rancangan subsidi input pertanian ini berkuatkuasa mulai 1.I.1979. Ianya meliputi subsidi untuk Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK)¹⁸ (kerana perbelan-

depo pemasaran, rumah asap, mesin getah, alat penimbang, generator, alat penyembor, pam, gergaji berjentera, mesin jahit dan tenaga cahaya suria), subsidi baja, penggalak susu, tanaman kontan dan kacang penutup bumi.

Pekebun-pekebun yang layak menerima subsidi ini telah ditetapkan dengan beberapa syarat yang diantaranya ialah pekebun-pekebun ini memohon subsidi tersebut bagi tanah yang keluasannya tidak melebihi 10 ekar dan menanam tanam-tanaman kontan yang diiktiraf oleh RISDA. Mereka ini juga mestilah tidak mendapat lain-lain subsidi dari Agensi Kerajaan yang lain bagi tanah tersebut. Keutamaan adalah diberikan kepada pekebun-pekebun yang memiliki keluasan tanah yang kecil.

Jumlah luas kawasan yang boleh diluluskan untuk subsidi baja, penggalak susu dan kacang penutup bumi, luas minima ialah $\frac{1}{2}$ ekar dan luas yang maksima ialah 10 ekar. Bagi Subsidi tanaman kontan, luas yang minima ialah $\frac{1}{2}$ ekar dan luas maksimanya ialah 5 ekar.

Nilai subsidi yang diberi bagi baja, penggalak susu dan kacang penutup bumi meliputi harga bahan-bahan input yang dibekalkan. Bagi tanaman kontan pula, nilainya tidak melebihi \$350.00 seekar.

Bagi subsidi tanaman kontan, penggalak susu dan baja, pekebun-pekebun berhak menerimanya sekali sahaja. Tapi bagi subsidi kacang penutup bumi pula, pekebun-pekebun berhak mendapatkannya sekali dalam satu pusingan.

4.2.3.3. Rancangan Kredit.

Tujuan kredit diberikan kepada pekebun-pekebun kecil adalah untuk menambahkan modal pekerjaan dan pembangunan ladang, membiayai permulaan sesuatu projek

singan PPPK, baja, penggalak susu dan bahan kimia, tanaman kontan, ternakan dan ikan air tawar, projek pertanian khas, projek khas bukan pertanian, primum tanah dan kredit tukar syarat tanaman.

Pekebun-pekebun kecil serta keluarga mereka adalah layak untuk memohon kredit-kredit ini. Keistimewaan adalah diberikan kepada ahli-ahli PPPK atau permohonan secara berkelompok.

4.2.3.4. Program Pemasaran RISDA.

Program ini bertujuan bagi memasarkan hasil-hasil pekebun kecil samaada getah, tanaman kontan atau ternakan. Harga yang diberikan adalah menurut harga di pasaran, misalnya bagi harga getah, harga tersebut dikeluarkan oleh Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah (MRELB).

Pada masa ini terdapat 2 cara pembelian getah oleh bahagian ini iaitu melalui tender atau sebut harga, dan melalui depo pembelian. Melalui pembelian secara tender, pihak PPPK dengan kerjasama pegawai pemasaran negeri atau tempatan menentukan tarikh atau jadual bagi satu-satu kawasan. Harga atau tender RISDA akan ditentukan oleh bahagian pemasaran, Ibu Pejabat (buat masa ini berdasarkan kepada "quotation" atau sebutharga yang diterima dari peniaga tempatan). Pekebun kecil ahli PPPK akan diberi keutamaan menjual getah berkelompok secara tender. Menerusi cara depo pula, ianya dikhurasukan untuk membeli getah dari pekebun kecil yang bukan ahli PPPK ataupun dari kawasan yang tidak ditubuhkan PPPK. Harga getah depo adalah ditetapkan oleh bahagian pemasaran berdasarkan harga resmi yang dikeluarkan oleh MRELB.

peringkat untuk memberi harga yang "competative" bagi tiap-tiap bahan jualan pekebun-pekebun kecil. Bahagian ini juga akan menggiatkan aktifiti "commercial farm" dengan kerjasama bahagian modernisasi. Melalui ini pengguna-pengguna diberi jaminan bahawa pengeluaran atau bekalan sentiasa ada dan ini akan menjamin pasaran.

4.2.3.5. Program Bekalan dan Pengangkutan.

Rancangan ini membantu pekebun-pekebun kecil bagi mendapatkan benih, baja, racun serangga dan rumpai, alat perkakas memproses serta lain-lain kelengkapan pertanian. Bahagian ini juga akan memelihara dan menyediakan sistem pengangkutan yang kemas bagi menggandakan pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Bahan-bahan ini dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil dengan harga yang berpatutan.

Menerusi rancangan ini, bahan-bahan tersebut disimpan ditiap-tiap pejabat Negeri, pejabat Wilayah dan pejabat Daerah. Untuk menentukan bekalan benih-benih yang mencukupi, RISDA telah menubuhkan tapak-tapak semaihan di kawasan-kawasan yang sesuai di seluruh negara.

4.2.3.6. Rancangan Latihan dan Pembangunan Masyarakat.

Rancangan ini bertujuan bagi meninggikan kecekapan teknik dan pengurusan di kalangan pegawai dan kakitangan serta pekebun-pekebun. Ianya juga adalah untuk menyebarkan pengetahuan, kemahiran dan teknologi-teknologi baru di kalangan pegawai dan kakitangan serta pekebun-pekebun kecil.

4.3. Jabatan Haiwan.

Parit dan Talair, Jabatan Perikanan, Kemajuan Kerjasama,²⁰ Pembangunan Kemajuan Masyarakat (KEMAS),²¹ Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN), Bank Pertanian Malaysia (BPM), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Seperti lain-lain Jabatan dan Agensi dalam Kementerian Pertanian ini, Jabatan Haiwan juga memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar melalui program-program yang disediakan. Peninjauan ke atas Jabatan Haiwan ini akan dibuat berhubung dengan penubuhannya, objektif dan matlamat, struktur dan organisasinya serta strategi dan aktiviti pembangunannya.

4.3.1. Penubuhan Jabatan Haiwan.

Dasar atau polisi Kementerian Pertanian adalah didasarkan kepada polisi atau Dasar Ekonomi Baru (DEB)²² sekarang. Implementasi polisi atau dasar ini dipertanggungjawabkan kepada 6 bahagian teknikal iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Talair, Jabatan Perikanan, Jabatan Haiwan, Pembangunan Masyarakat (KEMAS) dan Syarikat Kerjasama.

Penubuhan Jabatan Haiwan adalah bersekali dengan penubuhan Jabatan Pertanian oleh pihak penjajah British. Sebuah Jabatan khas yang berhubung dengan ternakan difikirkan penting ditubuhkan berasingan dengan Jabatan Pertanian oleh pihak penjajah British. Jabatan ini mempunyai objektif ataupun matlamatnya yang tertentu. Objektif dan matlamat Jabatan Haiwan kini adalah diselaraskan dengan matlamat DEB dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Oleh itu Jabatan ini berusaha bagi :-

I. Menambah pengeluaran ternakan dan hasil dari ternakan untuk memenuhi keperluan negara dan ekspot.

2. Menggiatkan pemeliharaan ternakan dan dengan cara ini akan menambah kesempatan pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar.

3. Menentukan bekalan protein binatang yang secukupnya untuk kegunaan manusia.

4. Memodenkan pengeluaran ternakan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan kursus untuk pegawai-pegawai dan juga penternak.

5. Menarik penanam modal asing di dalam pengeluaran ternakan tempatan supaya lambat laun pengeluaran-pengeluaran ini akan dapat diekspot.

6. Bagi menambah pendapatan penternak-penternak.

Di dalam usaha Jabatan ini untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, segala tenaga dan usaha serta perhatian dipusatkan melalui strategi seperti berikut :-

I. Meningkatkan daya pengeluaran ternakan.

2. Membekal bantuan infrastruktur dalam kesihatan ternakan, pengembangan dan khidmat nasihat.

3. Mengatur dan menukuhan kemudahan-kemudahan pasaran untuk hasil-hasil ternakan penternak.

4. Menggalakkan petani-petani kecil ikut serta di dalam penge-

5. Melatih penternak-penternak dalam sistem penternakan moden.
6. Menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk mengeluarkan daging dan susu.
7. Mengujudkan keadaan-keadaan yang sesuai untuk pertumbuhan segala projek-projek industri penternakan.

Pada dasarnya, strategi pembangunan ini di arahkan kepada penternak-penternak kecil supaya mereka dapat ikut serta secara positif dalam pertumbuhan dunia ternakan di negara ini.

4.3.2. Struktur dan Organisasi Jabatan Haiwan.

Jabatan Haiwan diletakkan di bawah Kementerian Pertanian. Seperti lain-lain Kementerian, kuasa tertinggi yang menentukan polisi Kementerian ialah di bawah kuasa Menteri. Di bawahnya terdapat Pegawai-Pegawai Eksekutif yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian tersebut. Pegawai-Pegawai Eksekutif ini menjalankan tugas-tugas mereka mengikut undang-undang yang telah ditentukan. Ketua Setiausaha sesebuah Kementerian itu juga adalah merupakan ketua penasihat kepada Menteri mengenai dasar-dasar Kementerian. Dan jika sekiranya dasar tersebut merupakan sebuah dasar yang besar, maka dasar yang hendak dilaksanakan itu mestilah terlebih dahulu dikemukakan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan. Ketua Setiausaha Kementerian adalah bertanggungjawab menentukan dasar yang telah dibuat dan ditentukan samaada oleh Menteri atau Kabinet dilaksanakan di Kementerian tersebut. Keadaan seperti ini adalah menyerupai dengan mana-mana Kementerian Kerajaan. Oleh itu di dalam bahagian ini, struktur dan organisasi Jabatan Haiwan hanya akan ditumpukan keperingkat Daerah sahaja. Ini adalah kerana di peringkat inilah segala

perlaksanaan tugas-tugas dan program-program pembangunan dilakukan.

Jabatan Haiwan di peringkat Negeri diketuai oleh Pengarah Jabatan Haiwan Negeri. Bagi Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Pengarahnya, ini termasuklah Negeri Pahang, ianya diketuai oleh Penolong Pengarah Jabatan Haiwan. Perlaksanaan segala projek-projek Jabatan Haiwan ini terserah kepada tanggungjawab Pegawai Haiwan Daerah. Di peringkat inilah segala perlaksanaan pembangunan dilakukan.

Di peringkat Daerah ini, Jabatan Haiwan dipecahkan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pengeluaran Ternakan dan Bahagian Latihan dan Pengembangan. Di bawah Bahagian Pengeluaran Ternakan itu pula dibahagikan kepada 2 sub-bahagian lagi iaitu Bahagian Kesihatan dan Bahagian Pengeluaran Ternakan. Lihat Rajah 2.

1. Bahagian Pentadbiran - yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas bagi merangka dan menyarankan segala bentuk aktiviti yang harus dijalankan oleh setiap pegawai dan juga kakitangan Jabatan ini di peringkat Daerah.

2. Bahagian Latihan dan Pengembangan - yang ditugaskan bagi melatih dan memberi kursus-kursus kepada penternak-penternak dan juga kakitangan Jabatan ini. Bahagian ini juga diamanahkan bagi mengujudkan kesedaran dikalangan penternak atau petani tentang alternatif-alternatif, peluang-peluang dan pilihan yang terbuka kepada mereka dalam usaha Jabatan ini memperbaiki keadaan hidup mereka.

3. Bahagian Pengeluaran Ternakan - yang diamanahkan di dalam hal-

kemudahan padang ragut, bantuan ternakan dan projek permanian berhadas adalah merupakan tugas-tugas yang utama bagi bahagian ini.

4.3.3. Strategi dan Aktibiti Pembangunan Jabatan Haiwan.

Di dalam perlaksanaan DEB dan Rancangan Malaysia Keempat (RME), Jabatan ini telah mengatur strategi-strateginya bagi mencapai objektif-objektif asas Jabatan ini. Diantara strategi-strategi itu ialah :-

- I. Tumpuan khas kepada Daerah-Daerah yang mempunyai ternakan yang banyak. Bantuan infrastruktur dan khidmat nasihat dilipatgandakan. Begitu juga dengan kawasan padang ragut yang akan dibuka dengan banyak dan ditanam dengan rumput yang bermutu tinggi.
2. Kawasan yang mempunyai potensi yang baik akan diberi keutamaan dalam pembahagian bantuan ternakan. Kesesuaian tempat dan minat penternak jadi asas utama di dalam menimbangkan bantuan. Ini supaya pengawasan dan perkhidmatan yang lebih berkesan dan teratur dapat dilaksanakan.
3. Perkhidmatan permanian berhadas akan dikemaskinikan dan diperluaskan kesemua Daerah. Sebuah unit penyelaras akan dibentuk. Lebih banyak pasong (travis) akan dibina di kampong-kampong bagi memudahkan suntikan-suntikan dijalankan.
4. Penglibatan petani-petani kecil secara positif sangat penting bagi menjamin kejayaan projek-projek pembangunan.

Disebabkan Kementerian Pertanian merupakan perkhidmatan diperingkat Persekutuan dan peringkat Negeri,²³ maka program-program pembangunan dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.Untuk melihat program-program dari kedua-dua belah pihak, sila Lihat Lampiran E.Untuk melihat kegiatan-kegiatan Jabatan ini, beberapa program telah disediakan antaranya :-

4.3.3.1. Rancangan Pawah Kerbau/Lembu.

Rancangan ini membantu penternak-penternak melibatkan diri dalam usaha menambah pengeluaran daging dan susu negara.Di dalam rancangan ini, peserta-peserta diberi satu hingga tiga ekor ternakan sebagai bantuan dan terpaksa mengembalikan kepada Kerajaan jumlah ternakan yang sama.Pada masa ini lebih dari 90 peratus lembu-lembu di negara ini dipelihara oleh penternak-penternak kecil.²⁴ Di dalam rancangan ini, ternakan yang diberi ialah lembu dan kerbau betina untuk dijadikan ibunya dan lembu-lembu jantan (stud bulls) untuk dijadikan bapaknya.

Tujuan utama projek ini ialah supaya rakyat luar bandar menggunakan sumber tenaga dan tanah mereka sepenuhnya bagi menambah pengeluaran daging lembu dan kerbau.Pada tahun 1976, hanya 85 peratus keperluan daging lembu yang dihasilkan oleh negara, selebihnya terpaksa diimpot dari luar terutamanya dari Australia dan Thailand.²⁵ Di samping itu juga, rancangan ini bertujuan untuk menambah pendapatan penduduk luar bandar.

Lembu-lembu dan kerbau-kerbau dari baka tempatan dan luar negeri akan dibahagi-bahagikan.Dalam RME, 1,500 ekor lembu dan 500 ekor kerbau akan dipa-

Penyertaan penternak berdasarkan kepada kesesuaian tempat, adanya padang ragut dan minat penternak. Perhatian juga dipusatkan kepada pemilihan kawasan-kawasan tertentu dimana lembu atau kerbau dapat dipelihara secara berkelompok. Dengan cara ini, infratruktur dapat dibekalkan dan prestasi setiap ternakan dapat diawasi. Ini supaya penternak dapat mengembalikan hasil pawah kepada Kerajaan dalam masa yang sesingkat-singkatnya supaya rancangan ini dapat dilanjutkan kepada petani-petani yang lain.

4.3.3.2. Pusat Ternakan Kerbau.

Jumlah ternakan kerbau di seluruh Negara adalah berkurangan. Ini adalah kerana jumlah penyembelihan yang tinggi dan tiadanya rancangan secara besar-besaran menambah jumlah dan mutu ternakan kerbau. Melalui projek ini, kerbau-kerbau yang bermutu tinggi dari luar negeri akan dipelihara. Kerbau-kerbau yang dipelihara melalui projek ini akan diperuntukan bagi projek pawah dan membekalkan daging dan tenaga untuk petani.

Menurut RME, sebuah kawasan 750 hingga 1,000 ekar akan dibangunkan di Negeri Pahang dimana kawasan-kawasan yang dipilih akan dimajukan untuk penanaman rumput dan makanan ternakan. Pusat-pusat ini nanti akan disediakan kemudahan-kemudahan bengkel, perumahan, pejabat, asrama, bangsal ternakan, bekalan air dan api, jentera, kenderaan dan kemudahan rawatan ternakan.²⁷

4.3.3.3. Rancangan Ternakan Ayam.

Penglibatan petani-petani di dalam projek ini amat digalakkan. Untuk tujuan tersebut, kemudahan bekalan anak ayam dan makanan ayam disediakan oleh

memudahkan pemasaran dan pengawasan. Penternak diberi kemudahan infrastruktur dan digalakkan menggunakan kemudahan pinjaman untuk membiayai projek ternakan mereka.

Jabatan ini juga ada menyediakan rancangan subsidi. Misalnya bagi bantuan infrastruktur, setiap peserta diberi bantuan maksima sejumlah \$1,000 untuk membina reban dan membeli alat-alat untuk membesar dan memodenkan perusahaan ternakan ayam mereka. Untuk bantuan makanan dan anak-anak ayam pula, setiap peserta akan diberi bantuan maksima \$300.00. Penternak diberi pilihan untuk mendapatkan hanya satu sahaja dari jenis bantuan tersebut samaada bantuan anak-anak ayam atau bantuan makanan. Negara ini telah dapat mengeluarkan segala keperluan daging dan telor ayam.²⁸

4.3.3.4. Rancangan Ternakan Babi.

Babi baka dan betina diberi di bawah rancangan pawah ini. Setiap peserta akan dibekalkan dengan seekor penjantan dan 4 hingga 5 ekor betina. Penternak mestilah mengembalikan babi yang dara dalam jumlah yang sama. Di dalam rancangan ini juga, beberapa peraturan telah ditetapkan oleh Jabatan ini. Diantaranya ialah penternakan babi mestilah terletak tidak kurang daripada 1,000 meter dari perkampungan orang-orang Islam.

4.3.3.5. Memajukan Kawasan Ternakan.

Pemberian bantuan ternakan tidak berkesan jika tidak diselaraskan dengan pembangunan padang ragut atau padang rumput. Untuk mencapai prestasi yang

lain dapat dielakkan. Dengan bertambahnya jumlah ternakan, samaada melalui permanian berhadas atau diimpot, lebih luas kawasan padang ragut diperlukan. Setiap ternakan memerlukan satu ekar padang ragut bagi mencapai paras pengeluaran yang memuaskan.

Bagi peringkat keluarga, sistem "home plot" dilaksanakan. Setiap keluarga diberi bantuan membajak, membaja dan benih untuk menampung keperluan ternakan dalam jumlah yang kecil.

4.3.3.6. Perkhidmatan Pengembangan.

Bagi mencapai matlamat rancangan pembangunan, perkhidmatan pengembangan merupakan bahagian yang penting. Sebahagian besar dari rancangan yang telah dijalankan melibatkan petani-petani kecil yang telah dapat berhubung dengan pihak Jabatan. Matlamat Jabatan ini tidak akan tercapai tanpa penglibatan yang aktif dari penduduk luar bandar. Strategi Jabatan ini ialah untuk mendedahkan petani luar bandar kepada konsep dan kaedah berternak yang kemaskini dan juga berusaha untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Unit-unit pengembangan diadakan di seluruh Negara untuk memenuhi keperluan-keperluan ini. Tiap-tiap unit dilengkapkan dengan kenderaan dan alat pandang dengar yang cukup bagi mengadakan ceramah dan panduan di kawasan luar bandar. Tumpuan di kawasan-kawasan dimana projek baru dijalankan. Risalah-risalah mengenai projek-projek pembangunan dan faedah yang boleh dinikmati akan diterbitkan dari masa kesemasa. Kursus-kursus pendek untuk kakitangan dan penterna serta lawatan sambil belajar diadakan untuk meningkatkan pengetahuan mereka. Kawasan-kawasan yang menunjukkan kemajuan, segala galakan dan bantuan akan diberikan kepada penternak tertentu supaya mereka dapat dijadikan sebagai contoh.

Nota Kaki :

- I. Juga disebut sebagai Badan Berkanun dan Agensi Separa Kerajaan. Di dalam penulisan ini, Agensi Kerajaan adalah merujuk hanya kepada Agensi Kerajaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat.
2. Jabatan Kerajaan di sini termasuklah Kementerian-Kementerian. Ini misalnya pabila melihat Kementerian Kesihatan.
3. Selepas ini akan disebut LPGTS.
4. Selepas ini akan disebut RRIM.
5. Selepas ini akan disebut RISPMS.
6. Menteri ertinya Menteri yang bertanggungjawab ke atas organisasi RISDA.
7. Malaysia, Undang-Undang Malaysia Akta 85, Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 (cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972). m.s. 6.
8. Ibid., m.s. 7.
9. Ibid., m.s. 5.
10. Ibid., m.s. II.
- II. Projek-projek ini merupakan projek-projek yang disediakan oleh RISDA sehingga Mac, 1980.
12. RISDA, Laporan Kemajuan Setakat 31hb. Mac, 1978 (Ibu Pejabat RISDA, Kuala Lumpur, 1978). m.s. 55.
13. Malaysia, Rancangan Malaysia Ketiga (Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976). m.s. 202.
14. RISDA, 1978, Op. cit., m.s. 7I.
15. Ibid., m.s. 18.
16. Menurut teks ucapan Y.B. Dato' Seri Shariff Ahmad, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah di Upacara Perasmian Seminar Pekebun Kecil Negeri Pahang, anjuran RISDA / Persatuan Pekebun Kecil Malaysia Negeri Pahang di Maktab Rendah Sains Mara, Alor Akar, Kuantan pada 8hb. Disember, 1980.
17. Berita Minggu, Ahad, 14hb. June, 1981.

19. Dahulunya, semasa Tunku Abdul Rahman dan Tun Hj. Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama dan kedua, ianya dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.
20. Kini dikenali juga sebagai Kemajuan Koperasi.
21. Kini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
22. Selepas ini akan disebut DEB.
23. Abdul Aziz Zakaria, Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan di Malaysia (DBP, Kuala Lumpur, 1978). m.s. 52.
24. Malaysia 1977, Buku Resmi Tahunan, (Jabatan Pencetakan Negara, Kuala Lumpur, 1979). m.s. 329.
25. Ibid., m.s. 329.
26. RME 1981 - 1985 Lapuran Fasa II, (Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang, 1980). m.s. 37.
27. Ibid., m.s. 46.
28. Malaysia 1977, Op. cit., m.s. 331.

5.2.1. Projek Tapak Sumbu / Projek R&D

Dari pada salinan 27 satah tanah kubus getah yang dimiliki oleh responden, salinan 96 satah yang dimiliki oleh 23 keluarga telah ditambah dengan laporan 42 satah yang ditentu perlu untuk berbilanguk. Jadi satah sebenar bagi ditambah dengan

BAB V

PROJEK-PROJEK DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISALURKAN

OLEH RISDA DAN JABATAN HAIWAN

5.1. Pengenalan.

Pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar oleh Agensi dan Jabatan Kerajaan adalah menerusi program-program pembangunan yang disediakan oleh pihak RISDA dan Jabatan Haiwan benar-benar ditujukan khas kepada masyarakat luar bandar bagi tujuan tersebut. Di dalam bahagian ini, pengkaji akan cuba membuat penilaian secara ringkas dan kritis mengenai program-program yang disediakan dan dijalankan oleh kedua-dua buah agen ini berdasarkan kepada aspek penyertaan, pencapaian, keberkesanan dan implikasi yang timbul darinya.

5.2. RISDA.

Pihak Berkuasa RISDA telah menyediakan beberapa program pembangunan kepada pekebun-pekebun kecil bagi pembangunan taraf sosio-ekonomi mereka. Di antara program-program pembangunan yang disediakan oleh RISDA ialah projek tanam semula, kemudahan bantuan atau subsidi, kemudahan kredit, kemudahan latihan dan perkhidmatan pengembangan, lawatan sambil belajar, kemudahan pasaran dan biasiswa kecil RISDA.

5.2.1. Projek Tanam Semula / Tanam Baru.

Daripada seluas 217 ekar tanah kebun getah yang dimiliki oleh responden, seluas 96 ekar yang dimiliki oleh 28 keluarga telah ditanam semula termasuk 42 ekar

JADUAL I2 : Projek Tanam Semula/Tanam Baru.

Penyertaan	Luas (ekar)	Bilangan pemilik
Tanam semula	96	28
Tanam baru	14	3
Baki	107	31
Jumlah kawasan	217	

Sumber : Soalselidik.

Dari 28 keluarga yang menyertai projek tanam semula ini, 23 buah keluarga daripadanya adalah merupakan keluarga-keluarga yang memiliki tanah kebun getah yang agak luas atau sekurang-kurangnya memiliki 2 bidang kebun getah. 5 buah keluarga yang lainnya adalah merupakan keluarga-keluarga yang agak berada juga samaada mereka mempunyai punca pendapatan yang lain atau mereka ini melakukan pekerjaan yang lain ketika dalam masa penanaman semula hingga pengeluaran hasil. Baki kebun getah seluas 107 ekar adalah rata-rata dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil yang memiliki kebun-kebun ini mengandungi pokok-pokok getah tua yang sudah sepertinya ditanam semula, tetapi hingga kini masih belum ditanam semula disebabkan:-

I. Tuan tanah merasa akan kehilangan punca pendapatan bila pokok-pokok getahnya ditebang untuk ditanam semula. Ini kerana kebanyakannya daripada mereka ini tidak mempunyai lain-lain sumber pendapatan bagi manampong keluarga mereka.

2. Masaalah mendapatkan persetujuan di antara pemilik-pemilik tanah yang berkongsi. Ini kerana terdapat di antara mereka yang masih lagi berkongsi di atas sebidang tanah samaada kerana urusan

pembahagian harta pusaka atau urusan jual beli belum diselesaikan. Apabila ini berlaku, maka kelulusan bagi menanam semula kebun mereka dari pihak RISDA tidak akan diperolehi.

3. Kurangnya tenaga kerja bagi mengusahakan penanaman semula. Ini adalah kerana penghijrahan anak-anak muda ke bandar-bandar bagi mendapatkan kerja dan yang tinggal di kampong hanya orang-orang tua yang tenaga mereka tidak seberapa lagi. Oleh itu mereka ini sudah tidak berkeupayaan untuk mengerjakan penanaman semula ini.

4. Masaalah ketiadaan geran tanah atau surat akuan hak milik yang sah bagi kelayakan mendapatkan bantuan tanam semula.

Dengan halangan-halangan tersebut menyebabkan pokok-pokok getah tua itu terus ditoreh walaupun hasilnya amat rendah. Oleh itu pihak RISDA menyediakan peruntukan yang besar bagi program tanam semula ini berbanding dengan lain-lain program. Semenjak penubuhan RISDA hingga Ihb. April, 1977, pihak RISDA telah menanam semula/baru kawasan bergetah tua sejumlah 13,493 ekar dengan jumlah bantuan yang dikeluarkan sebanyak 12.1 juta.¹ Bagi tahun 1980, sejumlah 3,760 ekar telah ditanam semula/baru bagi Daerah Pahang Barat (Raub, Bentong dan Kuala Lipis) dengan peruntukan sebanyak \$5,948,966.00.² Ini tidak meliputi perbelanjaan-perbelanjaan ke atas kebun-kebun tanam semula yang masih menerima bantuan, rancangan tanam semula berkelompok dan rancangan mini estet. Bagi penerangan lanjut, lihat Lampiran F. Dari sejumlah 154,325 ekar kebun getah pekebun-pekebun kecil di seluruh Negeri Pahang yang dimiliki oleh 36,036 buah keluarga pekebun kecil yang berdaftar, se luas 126,239 ekar atau 82 peratus daripadanya telah ditanam semula sehingga akhir tahun 1979.³

pekebun kecil agar mereka ini turut sama menyertai rancangan tanam semula ini. Pihak Berkuasa RISDA telah mengadakan Skim Jaminan Pendapatan,⁴ Skim Pinjaman Bayaran Premium,⁵ Skim Penggalak Tanam Semula (SESENTAS) dan Rancangan Mini Estet. Tetapi hingga kini, tidak terdapat seorang pun responden yang menggunakan kemudahan Skim Jaminan Pendapatan dan Skim Pinjaman Bayaran Premium bagi mengatasi masaalah mereka. Alasan mereka, mereka tidak mengetahui adanya skim-skim tersebut.

Rancangan mini estet merupakan satu rancangan dimana kebun-kebun getah yang bersempadan atau yang bersebelahan antara satu sama lain disatukan dimana penanaman semula diuruskan oleh pihak RISDA bagi pihak pekebun-pekebun kecil. Sesama kerja-kerja penanaman semula ini dijalankan, pekebun-pekebun yang menyertai program ini diberi jaminan pendapatan tiap-tiap bulan atas kadar \$15.00 bagi setiap tar kebun yang disertai. Menerusi skim yang dilancarkan semenjak tahun 1979 yang lalu sebanyak 100 rancangan telah dapat dibuka. Dengan ini seramai 5,769 buah keluarga pekebun kecil telah secara lansung dapat menikmati segala faedah yang disediakan oleh RISDA menerusi rancangan mini estet ini. Bagi Negeri Pahang terdapat 24 buah rancangan mini estet ini termasuk 2 buah di Pahang Barat.

Menerusi skim mini estet ini pekebun-pekebun tidak perlu bekerja di tanah-tanah mereka kerana kerja-kerja akan dijalankan oleh buruh yang diupah oleh pemborong. Bagaimanapun, mereka boleh menjadi buruh jika mereka tidak dapat mencari atau membuat pekerjaan lain.

Melalui skim mini estet ini, penyeliaan yang rapi terhadap program tanam semula akan dapat dibuat. Bantuan-bantuan yang diberikan akan benar-benar berfungsi dan akan berjalan dengan lancar dan sempurna serta akan dapat mencapai matlamat negara. Melalui skim ini juga masaalah tenaga buruh yang kurang akan dapat diatasi dan kos pembangunan yang begitu tinggi akan dapat dikurangi serta input-

Di Kampong Ajai ini rancangan mini estet telah mula mahu diperkenalkan pada pertengahan tahun 1981 meliputi tanah seluas 117 ekar dengan 37 orang peserta. Seramai 25 orang responden telah mendaftarkan kebun-kebun mereka bagi menyertai rancangan mini estet ini.

Di dalam aspek penjagaan kebun-kebun yang telah ditanam semula di Kampong ini, mengikut pemerhatian pengkaji, pada amnya agak memuaskan. Ini kerana di dalam kebun-kebun ini ditanam dengan tanam-tanaman kontan seperti nenas, pisang dan juga kacang penutup bumi. Terdapat juga yang menanam pokok-pokok buah-buahan seperti rambutan, manggis, durian, langsat, mangga dan juga kelapa. Ini menyebabkan kebun-kebun mereka kurang ditumbuhinya lalang dan juga semak samun dan ini menyebabkan pertumbuhan anak-anak getah agak baik dan pengeluaran hasil dapat dilakukan dalam jangkawaktu yang telah ditentukan. Di dalam hal ini, pihak pekebun kecil mendapat kerjasama dari pihak RISDA di dalam mendapatkan benih-benih tanaman kontan ini.

Pembajaan pokok-pokok getah juga telah dilakukan dengan baik walaupun terdapat di beberapa buah rumah responden kampit-kampit baja yang sudah reput kerana terlalu lama terbiar. Ini diakui oleh Pegawai Luar RISDA yang bertugas di kawasan ini. Pembajaan ini dilakukan oleh mereka dengan mendapat arahan dan kawalan pihak RISDA. Terdapat juga di kalangan pekebun-pekebun yang menggunakan baja-baja yang dibekalkan ini untuk membaja pokok-pokok lain. Dan menurut perbualan dengan penduduk-penduduk Kampong ini, ada juga di kalangan pekebun yang menjualkan baja-baja yang dibekalkan oleh pihak RISDA kepada sesama pekebun di dalam Kampong ini dan dengan peniaga-peniaga dari luar. Tetapi perbuatan-perbuatan seperti ini tidaklah berlaku secara berluas-luasa di Kampong ini.

jadi satu kemestian bagi memastikan bantuan-bantuan tidak ditahan oleh pihak RISDA. Tiada seorang pun responden yang mengakui bahawa bantuan ke atas kebun-kebun mereka pernah ditahan walaupun Pegawai RISDA yang bertugas di kawasan ini mengakui bahawa terdapat juga kebun-kebun yang ditahan bantuannya kerana penjagaan kebun yang tidak sempurna.

5.2.2. Kemudahan Bantuan / Subsidi.

JADUAL I3 : Kemudahan Bantuan/Subsidi.

Bantuan/Subsidi	Peserta Peratus	
Penggalak susu	31	62
Tanaman kontan	28	58
Baja	9	18
Kimia/racun rumput rampai	5	10

Sumber : Soalselidik.

Bantuan penggalak susu ini telah diperkenalkan oleh pihak RISDA di Kampong ini buat pertama kalinya pada tahun 1972. Pada ketika itu hanya sebahagian kecil sahaja pekebun yang mengambil bahagian iaitu mereka yang memiliki kebun-kebun yang agak luas. Mereka ini juga tidak menggunakan penggalak susu ini bagi seluruh kebun mereka tetapi cuma disebahagian dari kebun mereka sahaja. Pekebun-pekebun yang mempunyai kebun yang tidak luas tidak mengambil bahagian. Menurut Pegawai RISDA, pekebun-pekebun ini tidak menyertainya kerana takut pokok-pokok getah mereka akan mati akibat penggunaannya meskipun pihak RISDA telah mengadakan ceramah dan penerangan tentangnya terlebih dahulu di dalam kursus teknik yang diadakan oleh

pekebun di Kampong ini yang mengambil bahagian di dalam program ini pada masa itu.

Pada tahun 1979 sekali lagi ianya diperkenalkan di Kampong ini. Ianya adalah bagi tujuan untuk mengeluarkan susu getah seberapa banyak yang boleh bagi pekebun-pekebun yang mana pokok-pokok getah tua mereka akan ditebang bagi mengikuti rancangan mini estet. Seramai 29 orang responden menerimanya.

Kemudahan subsidi tanaman kontan pula disertai oleh 28 orang responden atau 100 peratus bagi pekebun-pekebun yang menyertai rancangan tanam semula. Tanaman kontan yang diperolehi oleh mereka ialah nenas, pisang dan kacang penutup bumi. Kesemua responden yang menerima kemudahan ini menyatakan bahawa mereka meminta kemudahan ini atas nasihat dan penerangan oleh Pegawai RISDA. Pekebun-pekebun yang lain, yang tidak menyertai rancangan tanam semula, tidak meminta subsidi ini kerana mereka menganggap bahawa ianya hanya diberikan kepada kebun-kebun yang ditanam semula sahaja. Mereka juga tidak berminat untuk memohon subsidi ini kerana kebun-kebun mereka yang semak dan tidak sesuai untuk ditanam dengan tanam-tanaman kontan tersebut.

Bagi subsidi baja pula, hanya 9 orang responden yang mendapatkannya. Ini adalah kerana sudah menjadi amalan pekebun-pekebun tradisional yang tidak membaja pokok-pokok getah mereka terutamanya ketika pokok-pokok getah mereka sudah ditoreh. Alasan mereka ialah kerana kebun-kebun getah mereka adalah semak dan susah untuk melakukan pembajaan. Jika mereka mahu menjalankan pembajaan, mereka terpaksa menebas kebun mereka terlebih dahulu dan ini sudah tentu memerlukan wang perbelanjaan. Lain-lain alasan yang diberikan oleh mereka ialah kerana tiada masa untuk melakukan pembajaan tersebut walaupun mereka mendapat subsidi tersebut. Tetapi kesemua responden mengakui bahawa penggunaan baja itu adalah cara yang baik

pendapatan mereka.

Subsidi racun rumput rampai merupakan subsidi yang paling kurang mendapat perhatian dan sambutan di kalangan responden. Hanya 5 orang responden sahaja yang memohonnya. Para pekebun tidak memohon subsidi ini kerana kebanyakan dari mereka tidak mengetahui adanya subsidi tersebut dari RISDA. Ada juga di kalangan pekebun-pekebun yang memberi alasan bahawa kebun-kebun mereka bukannya dipenuhi oleh rumput atau lalang tetapi oleh anak-anak kayu dan oleh itu mereka menganggap bahawa subsidi itu tidak sesuai dengan kebun mereka.

Jika dilihat daripada Jadual I3, didapati bahawa kemudahan bantuan dan subsidi yang disediakan oleh pihak RISDA amat kurang mendapat sambutan di kalangan pekebun-pekebun terutamanya subsidi baja dan racun rumput rampai. Salah satu dari sebab utamanya ialah kerana pemahaman mereka yang kurang tentang subsidi-subsidi tersebut dan ditambah pula oleh sikap "tradisi" mereka. Mereka menganggap bahawa subsidi-subsidi yang disediakan ini adalah sama dengan kredit yang mana mereka terpaksa membayar harga bahan-bahan tersebut dengan harga pemuh. Kekurangan penjelasan tentang hal ini oleh pihak RISDA samaada menerusi ceramah-ceramah mereka atau melalui risalah-risalah sudah tentu akan menggagalkan segala matlamat RISDA di dalam rancangan ini. Ini adalah kerana kesemua pekebun-pekebun yang ditanya mengenai penggunaan barang-barang ini (penggalak susu, baja dan racun) adalah satu amalan yang baik, yang boleh menambah pendapatan mereka.

5.2.3. Penubuhan Pusat Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil (PPPK).

PPPK telah ditubuhkan di Kampong ini sejak awal 1967 lagi. Kemudahan-an-kemudahan jalan, jambatan, pembetongan dan pemaritan banyak disediakan di Kampong ini.

alat-alat yang disediakan termasuklah mesin getah (pelicin dan bunga), tempat menakong, tempat melecik getah, takong getah, baldi penampong susu getah, tapis, perigi dan sebuah pam air. Di samping itu, melalui PPPK juga, pihak RISDA telah menyediakan sebuah rumah asap dan sebuah setor. Rumah asap ini telah digunakan bagi mengasap getah-getah keping ahli-ahli PPPK. Seramai 17 orang responden pernah mendapat kemudahan rumah asap ini. Tetapi perkhidmatan rumah asap ini hanya dapat dinikmati oleh ahli-ahli PPPK selama kira-kira 2 tahun sahaja kerana rumah asap ini terpaksa ditutup pada awal tahun 1969 dan sehingga hari ini masih lagi tidak digunakan. Sebab-sebab penutupannya menurut ketua kampong ini dan Pegawai RISDA adalah kerana :-

I. Kos penyelenggaraannya yang tinggi dan iaanya terpaksa ditanggung oleh pihak pekebun tanpa bantuan dari pihak RISDA.

2. Ahli-ahli PPPK tidak berminat untuk mengasap getah-getah mereka kerana mereka terpaksa menunggu 3 minggu sekali baharu getah-getah mereka dijual sedangkan ramai diantara mereka ini yang tidak mempunyai punca pendapatan yang lain. Dalam hal ini, sungguh-pun terdapat peruntukan wang pusingan PPPK dari RISDA sejumlah \$1,400.00 tetapi sambutan ahli-ahli PPPK terlalu kurang.

3. Tempat letaknya rumah asap ini adalah terlalu jauh dari tempat tinggal pekebun (kawasan kampong) dan juga dari jalanraya. Ianya terletak di dalam kawasan kebun getah yang berhampiran dengan salah sebuah dari tempat memproses getah iaitu kira-kira $\frac{3}{4}$ batu dari tempat tinggal pekebun-pekebun. Pekebun-pekebun mengalami masaalah untuk menghantar getah-getah mereka untuk diasapkan

oleh keadaan jalan, pembetongan dan pemaritan yang kurang baik disekitar jalan ke kawasan tersebut.

Seramai 25 orang responden menganggotai PPPK ini. Bagi pekebun-pekebu yang bukan ahli PPPK, mereka ini dikenakan bayaran bila menggunakan pusat memproses getah dengan kadar bayarannya seringgit bagi tiap-tiap sepikul jualan getah keping mereka. Ataupun mereka terpaksa menyediakan tempat memproses getah sendiri. Dari 50 orang responden yang disoal selidik, seramai 38 orang dari mereka ini memproses getah mereka di pusat memproses getah PPPK.

5.2.4. Kemudahan Kredit.

Sungguhpun pihak RISDA telah menyediakan banyak jenis kredit tetapi pekebun-pekebun kecil di Kampong ini masih belum mendapat manfaat dari kemudahan-kemudahan ini. Mereka cuma mendapatkan kemudahan-kemudahan kredit yang ada hubungan dengan getah sahaja dan mengenepikan kredit-kredit lain yang boleh mereka perolehi. Mereka cuma mendapatkan kredit baja, penggalak susu dan racun rumput rampai dan tidak pernah memohon kredit ternakan, ikan air tawar, premium tanah, kedai runcit dan sebagainya lagi. Untuk melihat jenis-jenis kredit yang disediakan, lihat Lampiran D.

JADUAL I4 : Kemudahan Kredit yang diterima oleh Responden.

Kemudahan	Peserta	Peratus
Kredit baja	5	10
Kredit penggalak susu	4	8
Kredit racun	2	4

Hanya 5 orang responden yang mendapatkan kredit baja, 4 orang bagi kredit penggalak susu dan 2 orang bagi kredit racun. Lihat Jadual I4.

Pekebun-pekebun menyatakan bahawa mereka kurang mendapat penerangan mengenai kredit-kredit yang disediakan oleh pihak RISDA. Dari 50 orang responden, hanya 9 orang responden sahaja yang mengetahui kemudahan kredit ini. 21 orang responden yang lain mengetahui sedikit-sedikit sahaja manakala 20 orang responden lagi tidak mengetahui adanya kredit-kredit ini. Bagi pekebun-pekebun yang mengetahui tentang adanya kemudahan kredit-kredit ini, kebanyakan dari mereka agak keberatan untuk mendapatkannya kerana bagi mereka ianya sama sahaja dengan cara membeli terus di kedai-kedai kerana melelui kemudahan kredit ini mereka terpaksa membayar harganya juga. Keseluruhan pekebun-pekebun bersetuju dan menyambut baik segala kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak RISDA sekiranya mereka memahami segala kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak tersebut. Mereka juga akan lebih gembira kiranya kemudahan-kemudahan kredit ke atas bahan-bahan seperti baja, racun dan penggalak susu ini digantikan sahaja dengan subsidi atau bantuan.

Kesemua responden mengakui bahawa kemudahan-kemudahan kredit seperti ini adalah sangat berfaedah kepada pekebun-pekebun kecil. Dan tidak seorang pun daripada responden yang mengadu tentang kesukaran untuk mendapatkan kredit-kredit tersebut.

Maka pengkaji rasa sudah sampailah masanya bagi pihak RISDA memberi perhatian yang serius berhubung dengan perkara ini. Bahagian pengembangannya mestilah bergerak ke arah tersebut dengan memberi segala penerangan dan tunjukajar kepada pekebun-pekebun kecil agar mereka benar-benar memahami segala kemudahan yang disediakan oleh RISDA terutamanya kemudahan-kemudahan kredit, adalah bertujuan bagi memberi manfaat kepada mereka terutamanya dari segi ekonomi.

5.2.5. Kemudahan Pemasaran.

Pada awal tahun 1967 hingga 1969 penjualan getah asap ahli-ahli PPPK adalah dilakukan secara berkelompok tiap-tiap 3 minggu sekali. Pada tahun 1978, pihak RISDA mengadakan kembali penjualan secara berkelompok ini bagi tiap-tiap 2 minggu sekali bagi getah-getah keping seluruh pekebun di Kampong ini dengan tiada pengecualian samaada mereka ahli PPPK ataupun tidak. Sistem pemasaran yang diadakan adalah merupakan sistem tender atau sebutharga yang diawasi oleh RISDA. Ianya mendapat tawaran harga yang lebih baik dari penjualan secara bersendirian seperti dimasa-masa yang lalu.

Tetapi walaupun sistem ini adalah baik namun tawaran harga oleh pembeli-pembeli adalah tertakluk kepada mutu getah pekebun-pekebun itu sendiri. Oleh itu jika mutu getah pekebun-pekebun adalah rendah maka pembeli-pembeli akan mempunyai alasan menawarkan harga yang rendah. Oleh itu pihak RISDA mestilah berhati-hati dan memerhatikan beberapa keadaan untuk menjamin harga getah ini seperti penyertaan Unit Pemasaran RISDA dalam tender pembelian bagi tiap-tiap jualan. Dengan itu ujud persainagn yang akan menyelamatkan pekebun-pekebun dari eksloitasi para pembeli. Pihak RISDA juga mestilah mengadakan sejumlah wang pusingan yang berpatutan kepada pekebun-pekebun agar mereka tidak menjualkan getah-getah mereka secara bersendirian kepada orang-orang tengah lantaran desakan kewangan. Dalam hal ini, penjualan getah secara perseorangan kepada orang-orang tengah masih lagi berlaku secara meluas di Kampong ini.

Pihak RISDA juga perlu turut sama mengawasi mutu getah pekebun-pekebun agar harganya dapat dipertahankan. Ini adalah kerana terdapat getah-getah keping pekebun-pekebun yang beratnya kadangkala melebihi 5 kati sekeping sedangkan mutu getah yang disyurkan oleh RISDA ialah di antara 2 hingga $2\frac{1}{2}$ kati sekeping. Pekebun-

pekebun juga mengharapkan rumah asap di Kampong ini dibuka kembali, sekurang-kurangnya dapat meninggikan lagi mutu getah keping pekebun-pekebun di Kampong ini.

5.2.6. Kemudahan Latihan.

Kursus teknik yang dijalankan oleh Pegawai Luar telah dijalankan sebanyak 3 kali di Kampong ini sejak 1967 (menurut lapuran ketua kampong ini). Kali pertama diadakan pada tahun 1967 dengan penerangan mengenai cara-cara membuat getah keping. Kali kedua pada tahun 1972 mengenai penggunaan penggalak susu (etheral) dan kali ketiganya pula ialah pada tahun 1979 mengenai tanam semula dan mini estet. Menurut lapuran ketua kampong, kehadiran pekebun-pekebun adalah agak kurang memuaskan kerana kursus teknik ini dijalankan sehari suntuk dan pekebun-pekebun lebih mementingkan pekerjaan mereka dari menyertai kursus-kursus ini. Dan mereka juga ada yang beranggapan bahawa kursus-kursus seperti ini adalah kurang perlu bagi mereka kerana mereka beranggapan bahawa mereka lebih tahu mengenai getah ini dari Pegawai Pegawai RISDA itu yang hanya mengetahui teori-teorinya sahaja tanpa praktikalnya. Dan sekiranya pihak RISDA mahu mengadakan satu-satu projek pekebun-pekebun ini akan mengikut sahaja jiran atau saudara mara mereka. Ini misalnya berlaku di dalam penyertaan pekebun-pekebun di dalam rancangan mini estet di Kampong ini.

Daripada 50 orang responden yang disoalselidik, 46 orang daripada mereka mengakui pernah mengikuti kursus-kursus tersebut, sekurang-kurangnya sekali.

5.2.7. Biasiswa RISDA.

Sehingga tahun 1980, hanya seramai 3 orang anak responden yang menerima

sebulan. Ramai lagi anak-anak pekebun yang belum lagi menerima sebarang bantuan kewangan atau biasiswa samaada dari pihak Kerajaan Negeri atau dari Kerajaan Persekutuan. Kebanyakan dari mereka ini mengharapkan bantuan kewangan melalui rancangan biasiswa kecil RISDA pada tahun-tahun yang akan datang bagi membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.

Latihan dan pertemuan dan lawatan sambil belajar.

Pekebun-pekebun juga meminta pihak RISDA mengkaji kembali tentang pemberian biasiswa ini iaitu dengan cara memperkenalkannya kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah dan tidak hanya kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah. Mereka juga berharap agar anak-anak mereka yang berlajar di sekolah-sekolah persendirian atau di sekolah vokasional diberi bantuan yang sama kerana mereka juga terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak dan ianya sudah tentu membebankan ibubapa mereka yang hanya bekerja sebagai penoreh getah.

5.2.8. Lawatan Sambil Belajar.

Pada awal tahun 1977, seramai 15 orang ahli PPPK di Kampong ini beserta lain-lain ahli PPPK di Daerah ini telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Negeri Johor selama 4 hari di atas perbelanjaan RISDA. Di sana mereka melawat dan melihat projek-projek RISDA yang berjaya di samping penerangan diberikan ke atas satu-satu projek tersebut. Tetapi selepas itu tidak ada lagi lawatan sambil belajar dibuat oleh pihak RISDA.

Menurut pendapat responden yang menyertai rancangan lawatan tersebut, banyak faedah yang boleh mereka perolehi semasa lawatan tersebut dan mereka berharap bahawa lawatan-lawatan seperti ini dibuat dari masa kesmasa bagi pekebun-pekebun kecil samaada mereka itu ahli PPPK ataupun tidak.

5.3. Jabatan Haiwan.

Seperti RISDA juga, Jabatan Haiwan tidak mengadakan kesemua programnya di Kampong ini tetapi hanya memperkenalkan beberapa program seperti rancangan lembu pawah, padang ragut, perkhidmatan permanian berhadas, kawalan penyakit, latihan bagi penternak dan lawatan sambil belajar.

5.3.I. Rancangan Lembu Pawah.

Rancangan lembu pawah yang diperkenalkan pada pertamakalinya pada tahun 1966 telah gagal mencapai matlamatnya akibat wabak penyakit yang melanda kawasan ini pada awal tahun 1968 yang mengakibatkan hampir semua lembu-lembu di Kampong ini telah mati. Pada tahun 1973, sekali lagi penduduk-penduduk Kampong ini diberi ibu-ibu lembu untuk diternak oleh Jabatan Haiwan. Sebagai syaratnya, setiap peserta terpaksa memulangkan sejumlah anak-anak lembu yang berumur 2 tahun 9 bulan mengikut jumlah lembu yang diterimanya. Lembu-lembu ini akan diberikan kepada penduduk-penduduk kampong yang lain, yang tidak berkesempatan mengikuti rancangan lembu pawah kali yang pertama. Pemberian lembu pawah kali yang kedua ini dikenali sebagai rancangan lembu pawah semula atau kedua.

Melalui rancangan lembu pawah ini, samaada rancangan lembu pawah pertama atau rancangan lembu pawah semula, seramai 44 orang responden telah menyertainya. Tetapi hari ini, hanya 41 orang responden sahaja yang mempunyai lembu-lembu ternakan. 18 orang responden masih lagi belum memulangkan ternakan mereka kepada pihak Kerajaan manakala 23 orang responden telah memulangkan ternakan-ternakan mereka dan sekarang ini telah menjadi hak mereka sendiri. Lihat Jadual I5 dan I6.

JADUAL I5 : Penyertaan Responden di dalam Rancangan Lembu Pawah.

Rancangan	Kekerapan	Peratus
Lembu pawah pertama	17	34
Lembu pawah semula	27	54
Masih belum menerima	6	12
Jumlah	50	100

Sumber : Soalselidik.

JADUAL I6 : Pemilikan Ternakan Lembu Oleh Responden.

Hak milik	Kekerapan	Peratus
Hak sendiri	23	46
Hak kerajaan	18	36
Hilang hak milik	3	6
Tiada pemilikan	6	12
Jumlah	50	100

Sumber : Soalselidik.

Ini adalah kerana di Kampong ini sudah tidak terdapat satu kawasan yang dikhaskan bagi ternakan lembu selepas kawasan padang lembu di Kampong ini dibuka oleh penduduk Kampong ini untuk dijadikan dusun buah-buahan (tetapi gagal).

Disebabkan penjagaan lembu-lembu ini adalah secara bersendirian dan ketiadaan satu tempat yang dikhaskan, maka ujud beberapa masaalah. Masaalah yang paling utama ialah pemusnahan tanam-tanaman oleh ternakan lembu ini. Apabila ujud keadaan yang seperti ini maka akan berlakulah sedikit sebanyak pergeseran di antara pen-

kawasan kampong (rumah), jalanraya dan di kawasan-kawasan kebun getah.Terdapat juga di kalangan penternak-penternak yang enggan mengandangkan lembu-lembu mereka pada waktu malam.Oleh itu seringkali lembu-lembu di Kampong ini disimbah dengan air panas atau cuka getah atau ditakek dengan parang kerana berkeliaran di kawasan rumah mereka atau dikebun tanam semula mereka.Seringkali juga penternak-penternak terpaksa membayar ganti rugi akibat kerosakan sawah padi atau kebun tanam semula oleh lembu-lembu penternak.Lembu-lembu yang berkeliaran di jalanraya juga telah mengakibatkan beberapa kemalangan jalanraya terutama kepada penonggang motosikal.

Oleh itu sekiranya kejadian-kejadian seperti ini hendak dihentikan maka sudah sepatutnya Jabatan Haiwan melalui peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat menyediakan satu kawasan khas bagi penternakan lembu di Kampong ini.Jika sudah terdapat satu kawasan khas bagi ternakan lembu maka segala perkhidmatan dari Jabatan Haiwan samaada perkhidmatan kerantine, permanian berhadas dan sebagainya akan dapat diperluaskan lagi kepada semua ternakan-ternakan lembu ini.(Ini kerana terdapat kegagalan pihak Jabatan ini untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatannya kepada kesemua lembu-lembu di Kampong ini kerana ketika Pegawai Haiwan datang ke Kampong ini, terdapat lembu-lembu yang tidak ditangkap ataupun lembu-lembu tersebut tidak dijumpai).

Pada awal tahun 1980, 6 orang responden telah diberikan seekor seorang lembu susu bagi percubaan ternakan lembu-lembu susu di Kampong ini.Untuk menilai samaada ternakan lembu-lembu susu ini berjaya ataupun tidak, ianya masih terlalu awal untuk diperkatakan.Tetapi dari pemerhatian pengkaji, penternakan lembu-lembu susu ini tidak akan berjaya sekiranya rumput-rumput khas bagi lembu-lembu tersebut

Oleh itu, jikalau pihak Jabatan ini mahu rancangan ternakan lembu susu di Kampong ini berjaya maka penyediaan padang ragut terlebih dahulu haruslah dititikberatkan.

5.3.2. Padang Ragut.

Pada tahun 1966, di Kampong ini memang telah disediakan sebuah padang ragut atau dikenali juga dengan nama padang lembu yang seluas kira-kira 60 ekar. Di kawasan ini, seluas satu ekar disediakan bagi kawasan bangsal lembu dan rumah penjagaannya. Tetapi selepas berlakunya wabak penyakit pada tahun 1968, kawasan padang ragut ini terbiar begitu sahaja sehingga pada 1972 penduduk-penduduk Kampong ini membuka kawasan tersebut untuk dijadikan dusun buah-buahan dan dibahagikan kepada semua keluarga di kampong ini. Tetapi permintaan untuk meluluskan tanah tersebut gagal diperolehi maka rancangan tersebut gagal. Apabila rancangan lembu pawah pada tahun 1973 dijalankan maka lembu-lembu ini dipelihara secara bersendirian dan tiada mempunyai padang ragut lagi. Oleh itu lembu-lembu ini hanya mendapat bekalan makanan dari kebun-kebun getah, di kawasan hutan yang berhampiran, sawah-sawah padi yang tinggal, kawasan kampong dan juga di tepi-tepi jalanraya.

Pada akhir tahun 1979, pihak Jabatan Haiwan telah mula menggalakkan penternak-penternak menanam rumput makanan lembu di tanah-tanah kosong mereka. Ini dipanggil sebagai "home plot". 30 orang responden telah mengambil bahagian dengan melibatkan kawasan tanah yang seluas kira-kira 20 ekar. Kemudahan-kemudahan trektor baja, benih dan kawat berduri telah dibekalkan kepada mereka.

Sungguhpun sambutan dari penduduk Kampong ini agak menggalakkan tetapi tidak keseluruhan penternak mengambil bahagian walaupun mereka ini mempunyai tanah-tanah kosong dan terbiar. Ini adalah kerana terdapat di antara mereka yang beranggapan

seperti jagong dan ubi kayu dari menanam rumput makanan lembu-lembu mereka kerana menurut mereka tanpa rumput-rumput yang ditanam itupun lembu-lembu mereka masih lagi boleh mencari dan memakan rumput-rumput yang terdapat di sekitar kampong.

Ada juga di kalangan penternak-penternak yang pada mulanya mahu menanam rumput makanan lembu ini tetapi selepas tanah-tanah mereka dibajak dan mereka telah menerima lain-lain bantuan seperti kawat berduri dan baja, mereka telah menanam dengan tanam-tanaman lain terutamanya jagong, ubi kayu, pisang dan sayur-sayuran. Dan terdapat juga penternak-penternak yang tidak menabur lansung benih-benih rumput yang telah diberikan walaupun tanah-tanah mereka telah dibajak dan hanya membiarkan kawasan tersebut tinggal terbiar sahaja.

Pada pandangan penternak-penternak di Kampong ini, satu cara yang paling baik untuk menyediakan bekalan makanan yang bermutu bagi ternakan-ternakan mereka ialah dengan menyediakan sebuah kawasan padang ragut bagi keperluan makanan lembu-lembu ternakan mereka. Oleh itu pihak Jabatan Haiwan terpaksa lah menyediakan sebuah kawasan yang boleh ditanam dengan rumput-rumput tersebut dengan pengawasan yang baik. Keluasan tanah untuk padang ragut itu mestilah bersesuaian dengan jumlah ternakan yang terdapat di Kampong ini agar bekalan makanan tersebut mencukupi bagi keperluan ternakan-ternakan lembu di Kampong ini.

5.3.3. Kawalan Penyakit.

Kawalan penyakit ini bukan sahaja terhad kepada ternakan lembu tetapi meliputi binatang-binatang ternakan yang lain samaada ianya binatang yang boleh dimakan seperti ayam itik ataupun binatang-binatang peliharaan yang lain seperti

terhad kepada ternakan lembu sahaja maka penyakit-penyakit yang menyerang ternakan-ternakan mereka yang lain terutamanya ayam, dibiarkan sahaja tanpa melaporkannya kepada Jabatan Haiwan. Misalnya, pada masa pengkaji membuat kajian ini, terdapat kejadian penyakit ayam (hawar) yang menyerang ternakan-ternakan ayam di beberapa buah rumah responden tetapi mereka ini tidak mengambil apa-apa tindakan untuk melaporkannya ke Jabatan Haiwan.

Tetapi kebanyakan penternak-penternak di Kampong ini akan menghubungi Pegawai Jabatan Haiwan sekiranya lembu-lembu mereka diserang penyakit. Kebanyakan penternak mengaku bahawa mereka akan melaporkan kepada Jabatan Haiwan sekiranya mereka mendapati bahawa lembu-lembu mereka diserang oleh penyakit-penyakit, termakan racun, luka, pusat berulat (bagi anak-anak lembu yang baru lahir), cacing, sakit mata dan sebagainya.

Oleh itu sekiranya pihak Jabatan Haiwan mahukan perkhidmatan kawalan penyakit ini benar-benar berfungsi dan memberi manfaat yang lebih luas kepada semua ternakan, termasuk binatang-binatang peliharaan, maka sepatutnya pihak Jabatan ini memberi penerangan yang secukupnya kepada penternak-penternak mengenai fungsi bahagian perkhidmatan kawalan penyakit ini.

5.3.4. Perkhidmatan Permanian Berhadas.

Sebelum perkhidmatan permanian berhadas dilancarkan di Kampong ini pada awal tahun 1979, pihak Jabatan Haiwan telah menyediakan 5 ekor lembu jantan bagi mengatasi masalah pembiakan. Lembu-lembu jantan ini adalah dari baka luar negeri. Perkhidmatan permanian berhadas ini yang dilancarkan pada mulanya hanya sebagai percubaan peringkat awal sahaja. Hampir kesemua penternak-penternak lembu di Kam-

Disebabkan perkhidmatan permanian berhadas ini baharu diperkenalkan di Kampong ini maka hasil dari perkhidmatan ini belum lagi dapat dilihat pada masa kajian ini dibuat.Tetapi disebabkan kejayaan perkhidmatan ini dilain-lain kawasan adalah agak memuaskan maka pengkaji percaya bahawa perkhidmatan ini juga akan menghasilkan satu kejayaan yang memuaskan di Kampong ini nanti.

5.3.5. Latihan Bagi Penternak.

Pada tahun 1979, 6 orang penternak di Kampong ini telah diberi peluang mengikuti latihan sambil belajar di Pusat Ternakan di Ulu Lepar, Kuantan selama 2 minggu.Mereka ini diberi latihan mengenai ternakan ayam dan lembu susu.Peserta-peserta yang mengikuti latihan ini mengakui latihan ini banyak memberikan pengetahuan kepada mereka terutama mengenai ternakan ayam.

Disebabkan latihan-latihan seperti ini terlalu jarang diadakan bagi penternak di Kampong ini maka sudah tentu mereka tidak berkesempatan untuk menambah pengetahuan mereka mengenai ternakan.Oleh itu jika Pihak Jabatan ini tidak mengambil inisiatif untuk mengadakan latihan-latihan seperti ini dengan lebih kerap lagi maka pengkaji rasa matlamat Kerajaan mahukan penternak-penternak yang lebih berjaya tidak akan tercapai.Oleh itu Jabatan ini perlulah mengadakan latihan-latihan atau ceramah-ceramah di kampong-kampong agar lebih ramai lagi penternak-penternak dapat mengambil bahagian.Atau jika boleh, pihak Jabatan ini juga boleh menggunakan bahan-bahan cetakan seperti risalah, majallah atau buku untuk disembarkan kepada penternak-penternak mengenai cara atau kaedah-kaedah penternakan yang baik bagi mencapai matlamat negara.

mengadakan lawatan sambil belajar kepada penternak-penternak Kampong ini. Ianya adalah lawatan ke kawasan-kawasan ternakan yang berjaya di Negeri Sembilan dan Melaka selama 3 hari pada tahun 1978. Seramai 12 orang responden menyertai lawatan tersebut. Di sana, mereka ini dibawa melawat ke kawasan-kawasan ternakan ayam, lembu daging, lembu susu dan kawasan ternakan kerbau. Di sana mereka diberi taklimat mengenai perjalanan projek-projek tersebut dan cara-cara pengurusannya.

Menurut responden yang menyertai lawatan ini, rancangan ini adalah amat baik bagi penternak-penternak agar dapat memberikan pengetahuan kepada mereka untuk menceburkan diri di dalam perusahaan ternakan secara besar-besaran terutamanya di dalam ternakan ayam dan lembu.

Oleh itu jika pihak Jabatan ini mahu mencapai matlamat yang telah ditentukan terutamanya bagi menggalakkan penternak-penternak luar bandar menceburkan diri di dalam perusahaan penternakan secara besar-besaran, maka sepatutnya lah pihak Jabatan Haiwan memperbanyak lagi lawatan-lawatan yang berfaedah ini kepada penternak-penternak luar bandar.

5.4. Kesimpulan.

Berbagai-bagai jenis program telah disediakan oleh kedua-dua agen ini bagi memajukan masyarakat Kampong ini terutama sekali dari segi sosio-ekonomi. Program-program ini termasuklah projek tanam semula/tanam baru, kemudahan bantuan atau subsidi penggalak susu, tanaman kontan, baja dan kimia/racun rumput rampai, penubuhan Pusat PPPK, kemudahan kredit baja, penggalak susu dan racun, kemudahan pasaran, kemudahan latihan, biasiswa, latihan sambil belajar (dari pihak Berkuasa RISDA), rancangan lembu pawah, padang ragut, kawalan penyakit,

Jika dilihat secara menyeluruh di dalam aspek penyertaan di kalangan responden di dalam program-program tersebut, beberapa kesimpulan boleh dibuat :-

- I. Penyertaan amat menggalakkan di dalam beberapa program seperti di dalam projek tanam semula/tanam baru dan rancangan lembu pawah. Di dalam projek tanam semula/tanam baru, seramai 31 orang responden telah menyertainya. Ini tidak termasuk penyertaan responden di dalam rancangan mini estet yang akan dilancarkan di Kampong ini. Di dalam rancangan lembu pawah pula, seramai 44 orang responden telah menyertainya. Penyertaan yang amat menggalakkan di kalangan responden di dalam kedua-dua projek ini adalah kerana responden amat memahami akan tujuan diadakan projek-projek tersebut. Lagipun mereka dapat melihat "keuntungan-keuntungan" yang boleh mereka perolehi, terutamanya dari segi ekonomi. Misalnya apabila getah tua mereka ditebang dan ditanam semula, mereka memperolehi hasil tahan yang jauh lebih baik dari hasil yang mereka perolehi sebelum itu. Begitu juga dengan rancangan lembu pawah dimana dalam jangkamasa antara 2 hingga 4 tahun, mereka akan memperolehi binatang (lembu) ternakan sendiri yang merupakan sebahagian dari harta mereka.

2. Penyertaan responden agak sederhana. Ini misalnya dapat dilihat di dalam program subsidi penggalak susu dan tanaman kontan, kemudahan pasaran, padang ragut dan kawalan penyakit. Penyertaan responden di dalam program ini adalah agak sederhana kerana inisiatif di kalangan responden adalah kurang menggalakkan. Ini

dari mereka tidak boleh didapati dengan sepenuhnya.

3. Penyertaan di kalangan responden tidak menggalakkan. Ini misalnya dapat dilihat di dalam program kredit baja, penggalak susu dan racun, subsidi baja dan racun, dan latihan. Penyertaan mereka di dalam program-program ini kurang memuaskan kerana tiadanya inisiatif dan kurangnya pengetahuan di kalangan responden berhubung dengan program-program tersebut. Kedua-dua faktor ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain.

Jika dilihat dari aspek pencapaian pula, ianya agak seimbang. Terdapat pencapaian yang menggalakkan disatu-satu program manakala disatu program yang lain pencapaiannya amat mendukacitakan. Ini diakui oleh Pegawai RISDA dan Pegawai Jabatan Haiwan yang bertanggungjawab ke atas program-program pembangunan di Kampong ini serta pengakuan yang dibuat sendiri oleh ketua kampong Ajai ini sendiri.

Menurut Pegawai RISDA, pencapaian yang didapati di dalam projek tanam semula adalah membanggakan. Pada masa ini hampir $\frac{2}{3}$ dari kebun-kebun getah tua yang terdapat di Kampong ini telah dapat ditanam semula. Ini ditambah pula dengan kejayaan kebun-kebun yang ditanam semula seperti kadar penahanan bantuan-bantuan kepada kebun-kebun tersebut adalah terlalu kurang, keadaan kebun yang bersih terutamanya dari semaksamun serta lalang, penjagaan pokok-pokok yang memuaskan seperti penggunaan racun anai-anai, baja dan membuang dahan-dahan yang tidak diperlukan, dan sebagainya menyebabkan pokok-pokok getah yang ditanam semula ini dapat ditoreh mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu diantara 6 hingga ke 7 tahun.

Begitu juga dengan program-program di dalam Jabatan Haiwan dimana pencapaian adalah memuaskan di dalam projek lembu pawah dimana dalam masa kira-kira 10 tahun

lembu. Ini semuanya adalah menerusi rancangan lembu pawah tersebut.

Tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa terdapat program-program yang pencapaiannya setakat ala kadar sahaja. Ini misalnya di dalam program-program latihan dan lawatan sambil belajar dimana hasil dari program tersebut adalah tidak mendatangkan apa-apa perubahan. Melalui latihan dan lawatan ini (dari RISDA dan Jabatan Haiwan) sepatutnya mendatangkan kesedaran kepada peserta-pesertanya untuk mengubah corak kegiatan mereka kepada satu corak yang lebih baik hasil dari pengetahuan yang mereka perolehi hasil dari mengikuti latihan dan lawatan-lawatan tersebut. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah pengamalan mereka masih lagi seperti masa-masa yang lalu juga. Ini misalnya dapat dilihat di dalam penggunaan baja bagi pokok-pokok getah mereka, membuat keping-keping getah yang lebih tebal dari yang disarankan oleh pihak RISDA, keengganan mereka menanam rumput-rumput makanan lembu yang lebih bermutu di kawasan-kawasan tanah kosong mereka dan seumpamanya. Jika keadaan seperti ini berlanjutan maka sudah tentu hasrat Kerajaan mahu memajukan mereka terutama dari segi sosial dan ekonomi tidak akan tercapai.

Oleh itu apa yang penting ialah perlunya satu badan pengembangan yang betul-betul berfungsi ke arah menyedarkan rakyat bagi menerima dan mengikuti program-program yang disediakan oleh pihak agen agar matlamat-matlamat Kerajaan mahu memajukan masyarakat luar bandar terutamanya dari segi sosio-ekonomi benar-benar tercapai.

Nota Kaki :

- I. Lapuran Kemajuan RISDA bagi Kawasan Pahang Barat sejak 1952 hingga 1977,
Pejabat RISDA Wilayah Pahang Barat.
2. Garis Panduan dan Maklumat Mengenai Projek dan Perkhidmatan RISDA Negeri
Pahang.
3. Petikan dari ucapan Y.B.Dato' Seri Shariff Ahmad, Menteri Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah di upacara Perasmian Seminar Pekebun Kecil Negeri Pahang,
Anjuran RISDA/Persatuan Pekebun Kecil Malaysia Negeri Pahang di Maktab Rendah
Sains Mara, Alor Akar, Kuantan pada 8hb. Disember, 1980.
4. Skim ini telah diadakan oleh RISDA untuk memberi pinjaman wang kepada pekebun-
pekebun kecil yang benar-benar miskin sementara menunggu kebun getah mereka
yang ditanam semula mengeluarkan hasil.
5. RISDA mempunyai peruntukan untuk memberi pinjaman kepada pemilik-pemilik
kebun getah yang tidak mempunyai geran atau surat milik kerana tidak mampu
menjelaskan bayaran premium. Pinjaman seperti ini diberi kepada mereka yang
ingin menanam semula kebun getahnya.
6. Di bawah skim ini, pekebun-pekebun kecil yang menanam kebun-kebun mereka yang
luasnya di antara 6 hingga 10 ekar akan diberikan bantuan bulanan antara
\$60.00 sehingga \$100.00 sekeluarga, sementara 5 ekar ke bawah diberi bantuan
\$100.00 sebulan selama enam tahun.

6.2. Jumlah Bantuan Anugerah

Dua dua-dua ribu pengeluaran dilaksanakan setiap minggu dalam
Bentuk bentuk dan jumlah pengeluaran dilaksanakan setiap minggu dalam
mengalih-alih dari kewujudan spesifikasi perkhidmatan teknikal maklumat yang
diperlukan.

BAB VI

PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI OLEH LAIN-LAIN AGENSI DAN JABATAN KERAJAAN

6.I. Pengenalan.

Dalam bab ini, pengkaji akan cuba melihat sepantas lalu mengenai struktur dan organisasi Jabatan dan Agensi Kerajaan. Pengkaji juga akan meninjau secara sepantas lalu segala kemudahan-kemudahan juga infrastruktur yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan di dalam usaha pembangunan masyarakat luar bandar.

Dalam bab ini juga, pengkaji akan meninjau penyertaan responden di dalam program-program yang disediakan oleh Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan. Penilaian secara lengkas dan kritis akan dibuat terhadap program-program yang disediakan berdasarkan kepada aspek penyertaan, pencapaian, keberkesanan dan implikasi yang timbul dari penyertaan dalam program-program ini.

6.2. Jabatan/Kementerian Kerajaan.

Semua dasar-dasar Kerajaan persekutuan dilaksanakan melalui berbagai-bagai Kementerian dan Jabatan. Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan inilah yang menjalankan dasar Kerajaan apabila Parlimen telah meluluskan undang-undang yang diperlukan.

Pada amnya ada dua jenis Kementerian iaitu, pertama Kementerian yang menjalankan kerja-kerja Agensi Pusat seperti Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan.

seperti Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan dan Kementerian Pertanian.

Di dalam sesuatu Kementerian Mengurus biasanya ada satu Ibu Pejabat Kementerian dan Jabatan serta Bahagian-Bahagian di Bawah Kementerian itu. Ibu Pejabat Kementerian "mengarah dan menyelaraskan rancangan-rancangan serta aktibiti Kementerian supaya matlamat dan dasar Kementerian dan Kerajaan dapat dijalankan mengikut jadual dengan perbelanjaan yang minimum".^I Ketua Setiausaha dikehendaki berunding dengan Ketua Jabatan apabila membuat dasar rancangan, program dan anggaran perbelanjaan. Mereka hendaklah juga memberi panduan mengenai dasar kepada Ketua-Ketua Jabatan dan keputusan-keputusan berhubung dengan perkara-perkara yang hendak diutamakan dan memperuntukan sumber dan tenaga antara rancangan dan aktibiti-aktibiti Kementerian.

Ketua eksekutif disesuatu Kementerian ialah Ketua Setiausaha Kementerian itu, manakala ketua eksekutif bagi seluruh perkhidmatan awam ialah Ketua Setiausaha Negara. Ketua Setiausaha sesuatu Kementerian itu adalah ketua penasihat kepada Menteri mengenai dasar dan beliau bertanggungjawab menentukan dasar yang dibuat dilaksanakan di Kementerian itu.

Bagi Kementerian Mengurus, kerja membuat rancangan adalah satu kerja yang sangat penting. Ketua Setiausaha Kementerian hendaklah berunding dengan Ketua-Ketua Jabatan dalam Kementerian tersebut apabila mereka menyediakan plan program bagi Kementerian itu untuk disampaikan kepada Menteri yang bertanggungjawab kepada Kementerian tersebut.

Dalam menjalankan kerjanya, Ketua Setiausaha Kementerian dibantu oleh satu Jemaah Perancang yang terdiri dari Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai lain

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam³ bertanggungjawab bagi pengambilan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam. Sungguhpun demikian, kuasa mengenai kenaikan pangkat dan tatatertib telah diwakilkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian. Dalam perkara kenaikan pangkat ke jawatan kanan bagi mana-mana Kementerian, Ketua Setiausaha Kementerian itulah yang menjadi Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat. Lembaga Kenaikan Pangkat dan Tatatertib yang tertinggi dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dengan lain-lain ahli lembaga yang terdiri dari Ketua Setiausaha Perbendaharaan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam dan seorang Pegawai Iktisas.⁴

Penyelarasaran dasar antara berbagai Kementerian dan Jabatan adalah dijalankan oleh Sekretariat Kabinet dan oleh lain-lain Jawatankuasa dan juga dalam mesyuarat Ketua Setiausaha yang diadakan 2 kali sebulan. Mesyuarat Ketua Setiausaha itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dalam mesyuarat ini, perkara-perkara dasar dibincangkan supaya semua Ketua Setiausaha mengetahui apa yang berlaku di Kementerian lain. Setiausaha Kabinet juga memaklumkan kepada semua Ketua Setiausaha itu apa-apa keputusan yang dibuat oleh Kabinet.

Ditiap-tiap satu Kementerian ada bahagian pentadbiran iaitu bahagian yang bertanggungjawab mengenai perkara-perkara perkhidmatan, perjawatan dan kewangan.

6.3. Agensi-Agenzi Kerajaan.

Pada masa ini, Agensi-Agenzi Kerajaan Persekutuan ada sebanyak 64 buah.⁵ Lihat Lampiran A. Agensi-Agenzi ini boleh dikumpulkan di dalam kegiatan-kegiatan pelajaran, perkhidmatan dan ekonomi.⁶ Agensi-Agenzi yang dimasukkan ke dalam kumpulan pelajaran termasuklah Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka; di

buhan Kelang; dan di dalam kumpulan ekonomi pula termasuklah pertubuhan-pertubuhan seperti Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Agensi-Agenzi Kerajaan Pusat ini terletak di bawah berbagai-bagai Kementerian yang berkait dengan perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Menteri.Kementerian Perusahaan Utama misalnya bertanggungjawab terhadap getah, maka ia adalah bertanggungjawab terhadap Agensi-Agenzi yang ada kaitannya dengan getah seperti RISDA, RRIM dan sebagainya.Begitu juga Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab terhadap pelajaran.Oleh itu, Agensi-Agenzi yang ada kaitannya dengan pelajaran seperti Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan seumpamanya adalah terletak di bawah tanggungjawabnya.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa Agensi Kerajaan Pusat seperti Lembaga Letrik Negara yang diletakkan di bawah jagaan satu-satu Kementerian.

Sebab utama ditubuhkan Agensi-Agenzi Kerajaan ini ialah untuk mencantumkan faedah-faedah yang terdapat daripada Kerajaan dengan faedah-faedah yang terdapat dari syarikat-syarikat swasta seperti inisiatif dan keadaan fleksibel.

Agensi-Agenzi Kerajaan ini mempunyai sebuah badan Lembaga masing-masing, iaitu berlainan dari Jabatan Kerajaan yang menjalankan kerja mereka terus di bawah Menteri.Ahli-ahli Lembaga ini dilantik oleh Menteri sesebuah Kementerian dimana Agensi tersebut terletak.Kerja-kerja pentadbiran sehari-hari Agensi ini adalah di bawah kawalan Pengurus Besar Agensi tersebut.Perlantikan kakitangan Agensi tersebut adalah dibuat oleh Agensi itu sendiri.

Kawalan seseorang Menteri terhadap Agensi-Agenzi Kerajaan ini mestilah disertai dengan

menggunakan belanjawan tersebut untuk menentukan corak dan cara yang dikehendaki-nya mengenai perjalanan Agensi tersebut. Selain dari itu beliau boleh memberi arahan dasar kepada Lembaga-Lembaga yang di bawahnya untuk dilaksanakan. Satu lagi cara yang tidak nyata bagi Menteri yang berkenaan mengawal Agensi-Agenzi ini ialah melalui perlantikan ahli-ahli Lembaga. Oleh kerana lantikan itu dibuat oleh Menteri, maka ahli-ahli Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang berkenaan.

6.4. Infrastruktur-Infrastruktur dan Kemudahan-Kemudahan dari Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Bagi pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Kampong ini, pihak Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain yang memberi khidmat keseluruh penduduk Kampong ini.

Misalnya, Jabatan Parit dan Taliair telah menyediakan satu batu taliair dan 70 rantai taliair tambahan. Sebuah engin pam air telah disediakan bagi kegunaan mengepam air sungai bagi kegunaan pengairan sawah-sawah padi. Sebahagian daripada kawasan-kawasan sawah padi di Kampong ini mendapat faedah dari pembinaan taliair-taliair ini. Dengan adanya engin pengepam air ini juga, bekalan air dapat dibekalkan bagi sawah-sawah padi pada musim kemarau dan ini membolehkan penanaman padi dua kali setahun ditanam.

Pejabat Daerah juga melalui rancangan pembangunan luar bandarnya telah menyediakan kemudahan perigi pam, jambatan kayu dan jalan di dalam kampong. Terdapat 6 buah perigi pam yang memberi kemudahan kepada kira-kira 30 buah keluarga bagi keperluan air mereka. Pembinaan perigi-perigi pam ini adalah diuruskan oleh kontrektor-kontrektor yang telah dipilih di mana alat-alat pembinaannya seperti palong simin, simin dan pam air disediakan oleh pihak Pejabat Daerah.

Kira-kira 30 rantai jambatan kayu telah dibina di Kampong ini oleh Pejabat Daerah.Jambatan-jambatan kayu ini disediakan di tempat-tempat yang difikirkan sesuai dan perlu bagi memudahkan perhubungan dan perjalanan seperti di kawasan-kawasan sawah padi, menyeberang talair, anak-anak sungai, kawasan lembah dan lain-lain kawasan berair.Hampir kesemua jambatan-jambatan kayu ini dibina secara bergotong royong dimana pihak Pejabat Daerah hanya menyediakan alat-alat yang diperlukan.

Jalan-jalan dalam kampong juga mempunyai peruntukan yang khas dari Pejabat Daerah ini.Di Kampong ini, jalan-jalan ini dibina secara bergotong royong dimana tiap-tiap peserta dibayar sejumlah \$3.50 sehari bagi tiap-tiap hari mereka bekerja. Jalan-jalan yang dibina ini sepanjang kira-kira sebatu setengah dan selebar 6 kaki yang menghubungkan kawasan-kawasan tertentu dalam Kampong ini seperti kawasan masjid, kedai, tanah perkuburan, pusat memproses getah berkelompok dan kawasan-kawasan rumah.Maka dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, penduduk-penduduk Kampong ini dapat menikmati beberapa kemudahan yang tidak dapat mereka sediakan sendiri.

Pihak FELDA juga menawarkan perkhidmatan mereka kepada penduduk-penduduk Kampong ini yang berminat untuk menyertai rancangan-rancangan tanah yang dibuka oleh FELDA di seluruh negeri Pahang.Menurut lapuran ketua kampong Ajai, seramai 13 buah keluarga dari Kampong ini telah menyertai rancangan-rancangan tanah FELDA ini dan ada beberapa keluarga lain yang turut berminat untuk menyertainya.Mereka yang menyertai rancangan tanah FELDA ini adalah terdiri dari keluarga-keluarga yang tidak mempunyai tanah atau lain-lain harta di Kampong ini.Lain-lain peserta ialah pasangan-pasangan yang baharu kahwin dan cuba mengubah hidup mereka dengan menyertai rancangan-rancangan tanah ini.

yang menghantar surat-surat mereka pada tiap-tiap hari. Di samping itu terdapat juga sebuah van Pejabat pos bergerak yang memberi perkhidmatannya dua kali seminggu. Penduduk-penduduk Kampong ini boleh membuka simpanan mereka menerusi perkhidmatan Pejabat Pos bergerak ini dan di kalangan kanak-kanak dan pemuda-pemuda di Kampong ini, pemilikan buku kira-kira simpanan adalah agak meluas.

Bagi mendapatkan kemudahan talipon, penduduk-penduduk Kampong ini akan mendapatkannya dari kampong jirang. Penggunaan talipon ini adalah pada ketika ketika tertentu sahaja seperti masa keputusan bekalan api letrik, masa-masa kecemasan (seperti kemalangan dan bersalin) dan sebagainya.

Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyumbangkan perkhidmatannya di Kampong ini melalui bantuan-bantuan yang diberikan melalui bantuan 'am atau bantuan-bantuan semasa banjir seperti bantuan makanan, kain baju, selimut dan seumpamanya. Ini dapat dilihat terutamanya pada penghujung tahun 1960an dan awal tahun 1970an.

Pihak KEMAS juga menyediakan seorang guru ugama (dengan membayar gajinya) bagi mengajar penduduk-penduduk Kampong ini perkara-perkara yang berhubung dengan ugama Islam. Sebelum ini, kelas-kelas ugama ada juga terdapat di Kampong ini tetapi ianya dijalankan oleh guru-guru ugama dari Kampong ini sendiri yang mengajar secara sukarela sahaja.

Jabatan Ugama Islam Negeri Pahang pula turut menyalurkan bantuan kewangan kepada masjid di Kampong ini. menurut ketua kampong, setiap tahun pada bulan puasa Jabatan ini memberi sumbangan sebanyak \$50.00 bagi perbelanjaan sepanjang bulan puasa. Di samping itu Jabatan ini juga memberi sejumlah wang saguhati kepada ahli jawatankuasa masjid ini pada tiap-tiap tahun. Jumlah saguhati ini adalah bergantung kepada jawatan yang dipegang, tetapi ianya adalah di dalam kadar di antara \$100.00

Oleh itu jika dilihat dari infrastruktur-infrastruktur serta perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di Kampong ini, setakat ini bolehlah dikatakan agak berkurangan juga. Infrastruktur-infrastruktur yang lain seperti sekolah, klinik bidan, balai polis, pasar, perkhidmatan teksi, telefon, bekalan air dan pejabat pos belum lagi disediakan oleh Kerajaan di Kampong ini. Tetapi ini bukanlah bermakna bahawa mereka tidak mendapat kemudahan-kemudahan ini kerana kemudahan-kemudahan ini terdapat di kampong-kampong jiran yang bersebelahan atau dari pekan DONG yang terletak kira-kira 3 batu sahaja dari Kampong ini. Tetapi disebabkan kemudahan-kemudahan ini merupakan kemudahan-kemudahan asas yang sangat penting bagi pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Kampong ini maka sepatutnya lah disediakan di Kampong ini dengan seberapa segera.

6.5. Penyertaan Responden di dalam Program-Program yang disediakan oleh Pihak Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Di dalam bahagian ini pengkaji akan melihat penyertaan responden-respon den di dalam program-program pembangunan yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan. Bagi program-program yang disediakan oleh pihak Jabatan Pelajaran seperti bantuan buku teks, bantuan makanan, kemudahan asrama dan biasiswa, ianya akan dilihat dari segi kekerapan penyertaan olah ahli-ahli keluarga responden.

6.5.I. Jabatan Pertanian?

Jabatan Pertanian menyediakan beberapa program pembangunan seperti subsidi baja, kredit kimia/racun rumput rampai, kursus pertanian, lawatan sambil belajar, bantuan pemulihan dusun, bantuan tanaman pokok-pokok buah-buahan di sekeliling

JADUAL I7 : Penyertaan Responden/Keluarga di dalam Program-Program oleh Lain-Lain Agensi dan Jabatan/Kementerian Kerajaan.

Agensi/Jabatan dan Program-program	Kekerapan/keluarga	Peratus
I. Jabatan Pertanian :		
Bantuan baja.	28	56
Kredit kimia/racun rumput rampai.	15	30
Kursus-kursus pertanian.	47	94
Lawatan sambil belajar.	21	42
Bantuan pemulihan dusun.	31	62
Bantuan tanaman pokok buah-buahan keliling rumah.	37	74
Kredit alat-alat pertanian.	II	22
2. Kementerian Kesihatan :		
Tandas curah.	44	88
Semburhan anti malaria.	50	100
Perancang keluarga.	13	26
Perkhidmatan pergigian.	17	34
3. Jabatan Pelajaran :		
Bantuan buku-buku teks.	43	86
Biasiswa.	13	26
Asrama.	3	6
Bantuan makanan.	18	36
4. Lembaga Letrik Negara :		
Bekalan api letrik.	45	90
5. Pejabat Daerah :		
Rancangan Pemulihan Kampong (RPK).	II	22
6. Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) :		
Kelas pelajaran dewasa.	13	26
7. Jabatan Kebajikan Masyarakat :		
Bantuan 'am.	2	4
8. Jabatan Ugama Islam :		
Bantuan Wang.	2	4
9. Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) :		
Urusan haji.	5	10
Tabungan/penyimpanan.	12	24

di dalam program-program yang disediakan oleh Jabatan ini, lihat Jadual I7.

Bantuan baja yang mula diperkenalkan pada tahun 1974 telah disertai oleh 28 orang responden atau kesemua responden yang mengerjakan sawah padi mereka. Baja-baja yang diterima ialah baja semaihan, baja pokok dan baja buah. Penerimaan ke atas jumlah kampit baja yang diberi adalah bergantung kepada keluasan tanah sawah yang diusahakan. Pesawah-pesawah hanya dikenakan bayaran sejumlah 20 sen bagi setiap kampit baja yang diterima oleh mereka bagi pembayaran pengangkutan. Sebelum adanya subsidi baja ini, hanya 10 orang responden sahaja yang menggunakan baja di sawah padi mereka.

Tetapi di dalam pemerhatian pengkaji, terdapat juga di kalangan penduduk kampung ini yang tidak mengerjakan sawah mereka mendapat baja-baja ini sedangkan di kalangan pesawah-pesawah yang mengerjakan sawah-sawah mereka tidak mendapat bekalan baja yang mencukupi. Menurut Pegawai Pertanian yang bertanggungjawab mengenai subsidi baja ini dan juga dari penerangan ketua kampong ini, perkara seperti ini berlaku kerana Jabatan Pertanian memberi bantuan baja-baja ini berdasarkan kepada data pesawah-pesawah pada tahun 1974 sedangkan pada masa ini terdapat di kalangan pesawah-pesawah tersebut yang sudah tidak mengerjakan sawah-sawah mereka. Manakala pesawah-pesawah yang tidak mendapat bekalan baja yang mencukupi itu pula adalah mereka yang telah meluaskan kawasan penanaman padi mereka melalui pembukaan sawah-sawah padi yang tidak dikerjakan.

Terdapat juga di kalangan pesawah-pesawah yang tidak menggunakan baja-baja yang diberikan kepada mereka. Ini kerana pengkaji banyak melihat kampit-kampit baja yang terbiar di bawah-bawah rumah pesawah tanpa digunakan. Mengikut penerangan mereka, kadangkala baja-baja tersebut lambat diambil oleh mereka dari Pusat Pertanian.

baja-baja semaian dan baja buah. Ada juga pesawah yang masih enggan menggunakan baja-baja pokok dengan alasan bahawa penggunaan baja-baja tersebut akan menyebabkan batang-batang padi mereka akan mengeluarkan daun-daun yang banyak dan ini menyebabkan buah-buah padinya kurang. Tetapi tanggapan pesawah-pesawah ini adalah tidak benar. Menurut seorang Pegawai Pertanian, jika pesawah-pesawah ini menggunakan sukatana yang betul di dalam menabur baja-baja yang disediakan itu maka kejadian-kejadian seperti ini tidak akan berlaku.

Oleh itu jika sekiranya pihak Jabatan ini mahukan bantuan baja ini memberikan manfaat kepada pesawah-pesawah maka pemberian baja ini sepatutnya dilakukan dengan sebaik-baiknya. Misalnya, pihak Jabatan ini dengan kerjasama ketua-ketua kampong haruslah menentukan bahawa pesawah-pesawah yang mengerjakan sawah-sawah mereka sahaja yang menerima bantuan baja ini. Pesawah-pesawah juga seharusnya diberi penerangan yang secukupnya mengenai kaedah-kaedah pembajaan yang betul. Jabatan ini juga seharusnya memeriksa pesawah-pesawah yang menerima bantuan baja ini samaada mereka benar-benar menggunakan baja-baja tersebut atau tidak. Sekiranya mereka ini tidak menggunakan baja-baja tersebut maka satu tindakan yang wajar seharusnya diambil terhadap pesawah-pesawah tersebut seperti menghentikan bantuan baja pada tahun-tahun yang akan datang kepada pesawah-pesawah tersebut.

Bagi program kredit kimia/racun rumput rampai, hanya 15 orang responden sahaja yang mendapatkannya, terutama pesawah-pesawah padi. Lain-lain responden menggunakan untuk kebun-kebun sayur dan dusun buah-buahan mereka. Penggunaan bahan kimia ini pula adalah penting di sawah-sawah padi kerana ianya dapat mengawal serangan bena perang. Manakala racun rumput rampai ini pula digunakan di sawah padi dan dusun buah-buahan. Penggunaan bahan kimia dan racun ini dapat menolong pertumbuhan anak-anak padi dengan baik.

Seramai 47 orang responden telah menyertai berbagai-bagai kursus yang diadakan oleh pihak Jabatan Pertanian. Di antara kursus-kursus yang disertai oleh mereka ialah kursus pertanian selama seminggu, kursus pertanian selama 3 bulan, kursus intensif sehari dan kursus khas kebun sayur. Hampir kesemua responden yang menyertai kursus-kursus ini menganggap bahawa kursus-kursus yang diberikan kepada mereka ini adalah sangat baik dan memberi faedah yang besar kepada mereka.

Berhubung dengan rancangan lawatan sambil belajar pula, seramai 21 orang responden telah menyertainya. Lawatan-lawatan ini diadakan pada tahun 1975 dan 1978 ke projek-projek yang berjaya di Negeri Kedah dan Selangor. Di sana mereka ini dapat menyaksikan sendiri kejayaan-kejayaan yang diperolehi oleh petani-petani tempatan dan mereka juga sedikit sebanyak telah dapat mempelajari beberapa perkara mengenai pertanian.

Bagi bantuan pemulihan dusun pula, 31 orang responden telah menerimanya. Mereka ini menerima kawat, jaring dan anak-anak pokok. Tetapi kejayaannya adalah kurang dari 10 peratus. Ini terutamanya adalah disebabkan kegagalan Kerajaan Negeri Pahang meluluskan tanah-tanah yang dibuka oleh mereka (asalnya tanah padang lembu). Tetapi terdapat juga di kalangan mereka yang terus mengusahakan dusun-dusun tersebut walaupun mereka tidak mendapat pemilikan ke atas tanah-tanah tersebut.

Di dalam rancangan bantuan tanaman pokok-pokok buah-buahan di sekeliling rumah pula, seramai 37 orang responden telah menerimanya. Mereka ini menerima anak-anak pokok rambutan, durian, nangka, cempedak, mangga, belimbing besi dan limau manis. Syarat-syarat yang dikenakan bagi penyertaan rancangan bantuan ini ialah pemilikan tanah kawasan rumah yang didiami dan tanah-tanah itu mestilah mempunyai gerannya yang sah. Setiap peserta hanya diberikan sejumlah 5 batang pokok dari

dilihat sebab rancangan ini baru saja diperkenalkan di Kampong ini pada awal 1978.

Kredit alat-alat pertanian pula disertai oleh II orang responden. Di antara alat-alat yang diterima oleh mereka ialah pam racun, pam air dan gergaji mesin. Sambutan dari mereka terhadap rancangan kredit ini adalah kurang menggalakkan kerana alat-alat tersebut agak mahal harganya. Ini menyebabkan kebanyakan responden kurang mampu walaupun ianya disediakan secara kredit. Lagi pun, responden amat kurang menggunakan alat-alat tersebut bagi tujuan pertanian dan jika mereka memerlukannya sekali sekala, mereka akan meminjamnya dari saudara mara mereka yang memilikiya.

6.5.2. Kementerian Kesihatan.

8

Kementerian ini antara lain menyediakan bantuan tandas curah, semburan anti malaria, perkhidmatan pergigian dan perkhidmatan perancang keluarga.⁹

Dari Jadual I7, didapati seramai 44 orang responden menerima bantuan tandas curah. Responden hanya diminta menyediakan lubang dan alat-alat untuk membina rumah tersebut. Alat-alat membuat tandas tersebut disediakan oleh Kementerian ini. Jika terdapat di kalangan responden yang tidak tahu memasang tandas-tandas ini, kakitangannya dari Bahagian Kebersihan Luar Bandar akan menunjukajar cara-caranya.

Satu perkara yang paling ketara menurut penduduk-penduduk Kampong ini, sebelum adanya bantuan tandas curah ini, bilangan rumah-rumah yang mempunyai tandas adalah terlalu kecil. Jikalau adapun tandas-tandas tersebut tidak begitu sempurna dari segi kedudukannya (kadangkala terletak berhampiran dengan kawasan rumah, punca air atau kadangkala terlalu jauh dari rumah atau di dalam semak), atau tandas-tandas ini dibina dengan cara hanya menyediakan sebuah lubang yang besar tanpa

penutupnya dan seumpamanya. Ini boleh menyebabkan penyakit-penyakit berjangkit boleh merebak di kalangan mereka.

Semburan dari rumah ke rumah oleh Bahagian Anti Malaria dilakukan keseluruh rumah responden kerana ianya lebih merupakan satu kemistian. Pertengahan 1980 Kampong ini telah diisiharkan bebas dari nyamuk-nyamuk yang menyebarkan demam malaria. Menurut lapuran ketua kampong ini, diawal tahun 1970an, terdapat 3 orang penduduk Kampong ini yang disahkan oleh doktor mengidap demam malaria. Tetapi kini kes-kes seperti ini tidak pernah dilapurkan.

Mengenai perkhidmatan pergigian pula, seramai 17 orang responden mengakui pernah menerimanya. Ini termasuk 4 orang responden yang menerima subsidi pemasangan gigi palsu dari Bahagian Pergigian.

Mengenai program perancang keluarga yang terletak di Bahagian Kanak-Kanak dan Ibu-Ibu Mengandung pula mendapat sambutan dikalangan isteri-isteri responden. Di kalangan isteri-isteri responden, amalan merancang keluarga ini agak meluas samaada menggunakan kaedah tradisi maupun menggunakan pil-pil perancang. Seramai 13 orang responden mengakui bahawa isteri-isteri mereka menggunakan pil-pil perancang ini. Kebanyakan dari mereka adalah ibu-ibu muda yang berumur di bawah 35 tahun. Bagi ibu-ibu yang berumur lebih dari 35 tahun ini, lebih suka menggunakan cara-cara tradisi bagi merancang keluarga. Dengan adanya kaedah-kaedah merancang keluarga yang moden ini maka kaum ibu lebih mudah mengamalkannya dan kadar kelahiran bayi bagi Kampong ini adalah agak rendah jika dibandingkan dengan kadar kelahiran bayi-bayi pada tahun 1950an dan 1960an. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat Bab III berhubung dengan saiz keluarga.

6.5.3. Jabatan Pelajaran.

Menerusi Jabatan Pelajaran, program-program bantuan buku teks, biasiswa,¹⁰ perkhidmatan asrama dan bantuan makanan di sekolah-sekolah.^{II} Di kalangan 50 orang responden, 43 orang daripada mereka mempunyai anak-anak yang bersekolah iaitu seramai 76 orang murid, dari darjah I hingga ke tingkatan 6.Untuk melihat dengan lebih lanjut lagi peringkat persekolahan anak-anak responden yang sedang bersekolah, lihat Jadual 5 Bab III.

Dari jumlah 76 orang murid ini, hanya seorang sahaja yang bersekolah Inggeris.2 orang bersekolah Ugama dan selebihnya bersekolah Melayu.Secara kasar, 76 orang murid-murid ini bersekolah di dalam 7 buah sekolah yang terdapat di dalam dan luar Daerah Raub tetapi masih lagi di dalam Negeri Pahang.Tetapi sebilangan besarnya, iaitu 58 orang murid, bersekolah di sekolah-sekolah (sekolah rendah dan sekolah menengah) yang terdapat di pekan Dong sahaja.

Kesemua penuntut-penuntut dari anak-anak responden yang bersekolah, samaada yang bersekolah rendah, sekolah menengah rendah atau sekolah menengah atas, menerima kemudahan bantuan buku teks ini.Ini meliputi 43 orang responden.Kemudahan ini mereka terima kerana keseluruhan responden ini layak menerimanya kerana berpendapatan kurang dari \$500.00 sebulan.Murid-murid ini menerima buku-buku teks wajib. Pada masa ini, masaalah tiada buku-buku bacaan tidak ujud lagi di kalangan mereka.

Bagi kemudahan biasiswa atau sebarang kemudahan kewangan bagi tujuan menampung perbelanjaan pesekolah anak-anak responden, seramai 19 orang pelajar dari 13 buah keluarga responden menerimanya.Kesemua mereka ini belajar di sekolah menengah dan menerima sejumlah di antara \$10.00 hingga \$45.00 sebulan.Terdapat juga di kalangan responden yang kurang berpuashati berhubung dengan cara pemberian

biasiswa ini kerana terdapat di kalangan anak-anak mereka yang berkelayakan gagal mendapatkaninya. Pada pandangan mereka sudah sampai masanya pemberian biasiswa dilakukan kepada semua pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah-sekolah menengah. Ada pula yang mencadangkan kesemua murid-murid sekolah rendah yang di dalam darjah 4 hingga 6 diberikan sama biasiswa ini dengan alasan bahawa perbelanjaan bagi menyekolahkan murid-murid tersebut lebih kurang sama sahaja dengan perbelanjaan yang dikeluarkan bagi pelajar-pelajar sekolah menengah rendah. Pengkaji rasa terdapat kebenaran dari pendapat-pendapat mereka ini dan pihak yang mengeluarkan biasiswa seharusnya mengikuti jejak langkah yang telah dimulakan oleh pihak RISDA dimana murid-murid yang bersekolah rendah (dari darjah 4 hingga darjah 6) dipertimbangkan pemberian biasiswa.

Hanya 3 orang pelajar dari 3 buah keluarga responden yang menerima kemudahan asrama. Mereka ini terdiri dari pelajar-pelajar yang bersekolah di luar dari daerah Raub (ketiga-tiganya bersekolah di Kuantan). Tiada pelajar-pelajar yang bersekolah di Daerah Raub ini yang menerima kemudahan asrama kerana kedudukan Kampong ini tidak terlalu jauh dengan sekolah-sekolah yang mereka masuki dan terdapat pula perkhidmatan bas bagi murid-murid ini pergi dan balik ke sekolah.

Bantuan makanan di sekolah-sekolah pula diberikan kepada murid-murid sekolah rendah yang belajar dari darjah satu hingga darjah tiga. Ini meliputi anak-anak dari 18 buah keluarga responden. Mereka disediakan makanan dan minuman pagi dan tengahari pada tiap-tiap hari persekolahan. Murid-murid ini tidak lagi perlu menyediakan bekalan atau duit belanja untuk ke sekolah. Ini sedikit sebanyak dapat meringankan perbelanjaan penjaga-penjaga mereka.

disemua peringkat.Pada masa ini mereka hanya mengeluarkan perbelanjaan bagi yuran sekolah, bayaran peperiksaan, alat-alat persekolahan dan tambang bas ke sekolah. Disebabkan beberapa kemudahan yang penting ini (bantuan buku, wang dan makanan) telah dinikmati oleh sebahagian besar oleh pelajar-pelajar maka tidak ujud lagi masaalah keciciran di kalangan murid-murid di Kampong ini.

6.5.4. Lembaga Letrik Negara (L.L.N).

Perkhidmatan yang disalurkan sejak awal 1980 ini telah dinikmati oleh 45 orang responden.Masih terdapat lagi 5 orang responden yang belum menerima bekalan api letrik lagi.4 orang responden masih belum lagi menerima bekalan api letrik ini kerana terpaksa menunggu rumah-rumah mereka siap diperbaiki di bawah Rancangan Pemulihan Kampong (RPK) manakala seorang responden yang lain ini pula tidak mampu untuk mendapatkan kerana beberapa bayaran yang terpaksa dibayar seperti bayaran "wiring", wang pendahuluan serta pembayaran bulanan.

6.5.5. Pejabat Daerah.

Pejabat Daerah menerusi Bahagian Pembangunan Luar Bandarnya telah melancarkan Rancangan Pemulihan Kampong (RPK) di Kampong ini.Rancangan ini adalah bertujuan bagi memberi bantuan kepada penduduk-penduduk luar bandar memperbaiki rumah-rumah mereka melalui bantuan-bantuan pihak Kerajaan.Bantuan-bantuan yang diberi ialah bantuan atap, papan, tiang dan lain-lain kayu yang perlu.Kadar bantuan yang diperuntukan bagi tiap-tiap rumah yang mendapat bantuan ini ialah tidak melebihi \$3,000.00.Bagi membina rumah-rumah ini pula, ianya terpulang kepada tuanpunya rumah-rumah tersebut samaada mereka membenanya sendiri atau mengupah kepada orang lain dengan perbelanjaan mereka sendiri.Bantuan-bantuan ini adalah bagi tujuan

membaiki rumah-rumah yang tidak siap, rumah-rumah yang sudah uzur dan rumah-rumah yang kecil keluasannya berbanding dengan penghuninya yang ramai.

Seramai 11 orang responden menerima bantuan di bawah rancangan RPK ini. Dengan adanya bantuan di bawah RPK ini maka beberapa buah rumah kediaman responden yang dapat diperbaiki dan dijadui dengan lebih selesa. Jika sekiranya bantuan-bantuan ini tidak disediakan oleh pihak Kerajaan maka sudah tentu mereka ini tidak berkemampuan untuk memperbaiki rumah-rumah mereka memandangkan harga bahan-bahan untuk membaiki rumah pada masa ini adalah terlalu mahal.

6.5.6. Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Melalui rancangan kelas dewasa pada pertengahan 1960an, seramai 13 orang responden pernah mengikutinya. Tetapi kebanyakannya dari mereka hanya menyertai di peringkat awal perlaksanaannya sahaja. Apabila pengkaji bertanya mengenai faedah yang mereka perolehi dari penyertaan kelas dewasa tersebut, 9 orang responden mengatakan tidak mendapat apa-apa faedah. Ini kerana pada pendapat mereka, mereka telah tahu membaca dan menulis sebelum memasuki kelas tersebut terutamanya dalam tulisan jawi. Bagi mereka, menyertai kelas tersebut hanya membuang masa sahaja. Tetapi bagi 4 orang responden yang lain pula, mereka sedikit sebanyak telah menerima faedahnya terutamanya dalam mempelajari tulisan rumi.

6.5.7. Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Terdapat 2 orang responden yang menerima bantuan 'am dari Jabatan ini. Mereka ini ialah seorang duda dan seorang janda yang telah berumur lebih dari 50

nampong perbelanjaan sehari-hari mereka. Mereka ini juga tidak mempunyai anak-anak yang dapat memilihara mereka. Mereka ini mendapat bantuan sejumlah \$35.00 sebulan. Selain daripada mendapat bantuan kewangan ini, mereka juga kadang-kadang diberi lain-lain bantuan seperti kain baju, barang-barang makanan, kasut serta lain-lain keperluan sehari-hari. Dengan adanya bantuan dari Jabatan ini maka sedikit sebanyak dapat menampung kehidupan sehari-hari mereka.

6.5.8. Jabatan Ugama Islam.

2 orang responden menerima bantuan wang pungutan zakat dan Fitrah dari Jabatan ini tiap-tiap tahun. Walaupun bantuan yang diterima oleh mereka ini tidaklah sebegitu banyak jumlahnya bagi tiap-tiap tahun dan seringkali berbeza-beza jumlahnya dari tahun kesetahun tetapi sedikit sebanyak ianya dapat meringankan beban perbelanjaan mereka. Kedua-dua responden yang menerima bantuan ini adalah orang yang sama dengan penerima bantuan 'am dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

6.5.9. Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH).

Terdapat 5 orang responden yang telah mengerjakan haji ke Mekah melalui LUTH dan 12 orang responden yang lain telah pun mendaftar di dalam LUTH bagi urusan haji. Dengan adanya perkhidmatan LUTH ini maka ramai lagi penduduk-penduduk Kampong ini akan berkesempatan menunaikan fardhu haji kerana mereka pada masa ini boleh menyimpan secara beransur-ansur di dalam LUTH sehingga mencukupi jumlah bagi perbelanjaan mengerjakan haji. Ini tidak seperti dimasa-masa yang lalu, ketika belum ujudnya LUTH, dimana mereka agak susah mahu mengumpulkan wang yang besar jumlahnya di dalam simpanan mereka sendiri kerana wang tersebut akan mereka guna-

kan jika keputusan wang walaupun pada masa itu keperluan wang tersebut tidaklah begitu perlu atau terpaksa. Dengan keadaan ini maka sudah tentu bagi mengumpulkan sejumlah wang yang agak banyak memakan waktu yang agak panjang.

6.6. Kesimpulan.

Penyertaan atau penerimaan responden atau ahli-ahli keluarganya di dalam atau dari program-program yang telah disediakan oleh Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan agak menggalakkan terutamanya di dalam program-program yang disediakan oleh Jabatan-Jabatan penting di dalam pembangunan taraf sosio-ekonomi mereka seperti Jabatan Pertanian, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pelajaran. Dengan ini menunjukkan kepada kita bahawa mereka sedikit sebanyak telah faham tentang matlamat program-program itu disediakan atau sekurang-kurangnya mereka dapat menerima kehadiran program-program tersebut di kalangan masyarakat mereka. Tinggal lagi di dalam program-program yang belum atau kurang mendapat sambutan itu, adalah menjadi tugas utama pihak-pihak yang berkenaan terutamanya Jabatan Penerangan, melalui apa cara sekalipun samaada melalui media massa, ceramah-ceramah, kursus-kursus, seminar, risalah-risalah dan seumpamanya bagi menyedarkan masyarakat luar bandar menyertai atau menerimanya. Jika ini dapat dilakukan maka pengkaji tidak nampak matlamat pihak Kerajaan melalui program-program pembangunan yang dilancarkan melalui Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan atau Kementerian Kerajaan bagi membangunkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar terutamanya, akan terbengkalai ataupun gagal.

Nota Kaki :

- I. Panduan Bagi Kawalan Tatatertib Dalam Perkhidmatan Awam (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kuala Lumpur, 1973). m.s. 7.
2. Surat Pekeliling Jabatan Perdana Menteri mengenai Organisasi Kementerian.
3. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditubuhkan di bawah Fasal 139 (c), Perlembagaan Malaysia bertanggungjawab untuk latihan, perlantikan secara sementara, perlantikan secara kontrak, perlantikan ke dalam jawatan tetap dan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan tapisan keselamatan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan. Ia juga menjalankan tindakan tatatertib, menguruskan pengambilan pegawai-pegawai baru dan penyerapan pegawai-pegawai sementara ke jawatan tetap.
4. Surat Pekeliling Jabatan Perdana Menteri, Op. cit.
5. Agensi-Agenzi ini adalah merupakan Agensi-Agenzi yang ditubuhkan sehingga bulan April, 1978.
6. Abdul Aziz Zakaria, Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan di Malaysia, (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978). m.s. 54.
7. Jabatan Pertanian di sini merupakan salah satu dari Bahagian atau Cawangan Kementerian Pertanian dan ianya hendaklah diberikan daripada Kementerian Pertanian.
8. Kementerian Kesihatan mempunyai II Bahagian iaitu Bahagian Diagnostic dan Perkhidmatan Rawatan, Bahagian Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak, Unit Farmasi, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Rancangan Membasmi Malaria, Bahagian Kebersihan Luar Bandar, Unit Bergerak, Bahagian Kesihatan Umum, Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Bahagian Perkhidmatan Lanjutan, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.
9. Perkhidmatan perancang keluarga adalah di bawah kawalan atau kuasa Lembaga Perancang Keluarga di Jabatan Perdana Menteri tetapi ianya diberikan oleh Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak kerana Bahagian tersebut adalah bersesuaian kerana Bahagian ini berhubung secara langsung dengan ibu-ibu dan adalah lebih ekonomik jika dibandingkan dengan penubuhan satu pejabat khas bagi program perancang keluarga.
10. Biasiswa ini bukanlah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pelajaran tetapi dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pahang atau Kerajaan Persekutuan tetapi disalurkan menerusi Jabatan Pelajaran di sekolah-sekolah.
- II. Bantuan Makanan ke sekolah-sekolah ini adalah dibiayai oleh Kerajaan dan disalurkan menerusi Jabatan Pelajaran ke sekolah-sekolah rendah terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar. Ianya hendaklah diberikan dari Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP).

BAB VII

PENILAIAN DAN PENUTUP

Sungguhpun terdapat beberapa faktor lain seperti daya usaha penduduk-penduduk Kampong ini sendiri, peningkatan taraf pendidikan, pengalaman-pengalaman masa lampau, pendedahan maklumat-maklumat dan keterangan-keterangan yang lebih banyak, kesedaran di kalangan mereka dan sebagainya lagi, tetapi peranan Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan melalui program-program yang disediakan, adalah merupakan satu faktor yang paling utama di dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Kampong ini bagi dua jangkamasa yang berbeza iaitu dari tahun sebelum 1950 sehingga ke tahun 1980.

Bagi melihat pembangunan-pembangunan yang telah dihasilkan oleh Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan melalui program-program yang disediakan kepada penduduk-penduduk Kampong ini, maka ianya akan dilihat dari 2 sudut iaitu pembangunan dari segi ekonomi dan keduanya dari sudut sosial.

Jika dilihat pembangunan dari sudut ekonomi ini, maka ianya akan dibincangkan bagaimana program-program yang disediakan oleh pihak agen itu dapat meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk Kampong ini dan/atau mengurangkan perbelanjaan penduduk-penduduk Kampong ini dalam menyediakan beberapa keperluan bagi kegiatan ekonomi mereka.

Dari sudut pembangunan sosial pula, pengkaji akan cuba meninjaunya dari sumbangan program-program yang disediakan kepada penduduk-penduduk Kampong ini samaada dalam aspek pengetahuan, kemahiran, kesedaran dan seumpamanya.

Melalui program tanam semula, tanaman kontan, kemudahan pasaran (dari RISDA), rancangan lembu pawah (Jabatan Haiwan), bantuan 'am (Kebajikan Masyarakat), dan bantuan kewangan oleh Jabatan Ugama misalnya, penduduk-penduduk Kampong ini telah dapat meningkatkan pendapatan mereka jika dibandingkan dengan pendapatan-pendapatan mereka dimasa-masa lampau. Sebagai contohnya, melalui rancangan tanam semula para pekebun mendapat lebih banyak hasil torehan jika dibandingkan dengan hasil torehan getah-getah tua mereka kerana getah-getah yang ditanam semula ini adalah dari benih baka baik yang dapat mengeluarkan susu-susu getah yang lebih banyak. Pekebun-pekebun yang ditanam semula ini juga tidak boleh ditoreh tiap-tiap hari dan dengan ini memberi peluang kepada pekebun-pekebun tersebut menoreh dilain-lain kebun getah atau mereka boleh membuat lain-lain pekerjaan bagi menambah pendapatan mereka.

Melalui rancangan lembu pawah juga penduduk-penduduk Kampong ini dapat meningkatkan pendapatan mereka. Penambahan pendapatan mereka ini adalah melalui penjualan lembu-lembu mereka apabila lembu-lembu tersebut telah besar (sekurang-kurangnya berumur dua tahun) iaitu setelah lembu-lembu ini menjadi hak milik mereka sendiri. Lagipun mereka tidak perlu mengeluarkan sebarang modal bagi memelihara lembu-lembu tersebut (kecuali sekali sekala terpaksa membayar ganti rugi di atas kerosakan tanam-tanaman penduduk-penduduk lain disebabkan oleh lembu-lembu ternakan mereka). Mereka juga tidak perlu menjaga lembu-lembu mereka kerana lembu-lembu tersebut dibiarkan lepas bebas sahaja tanpa memerlukan sebarang pengagaan yang rapi.

Bagi melihat peningkatan pendapatan para responden ini, sila lihat Bab III berhubung dengan paras pendapatan para responden. Jika ditahun-tahun 1950an pendapatan mereka tidak melebihi \$200.00 sebulan, sekarang ada di antara mereka yang memperolehi

pendapatan bulanan sehingga \$400.00 sebulan. Pendapatan yang melebihi \$200.00 sebulan pula diperolehi oleh 26 orang atau 52 peratus dari keseluruhan responden. Lihat Jadual 3. Ini merupakan satu peningkatan yang agak baik dari segi pendapatan.

Melalui program subsidi penggalak susu, baja, tanaman kontan dan racun, kemudahan tempat memproses getah, kemudahan-kemudahan kredit baja, penggalak susu dan racun, dan biasiswa kecil RISDA (dari RISDA), bantuan pemulihan dusun, bantuan pokok buah-buahan keliling rumah, bantuan pemulihan dusun, bantuan alat-alat pertanian (dari Jabatan Pertanian), bantuan buku teks, biasiswa, bantuan makanan (dari Jabatan Pelajaran), perancang keluarga, tandas curah (Kementerian Kesihatan) dan rancangan pemulihan kampong (dari Pejabat Daerah) misalnya dapat membantu penduduk-penduduk Kampong ini mengurangkan perbelanjaan di dalam menyediakan beberapa keperluan mereka samaada dari segi pengeluaran pertanian mereka atau di dalam perbelanjaan lain yang seharusnya ditanggung oleh mereka seperti perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka misalnya.

Melalui subsidi subsidi baja, penggalak susu, tanaman kontan dan racun oleh RISDA dan juga subsidi atau bantuan baja, kimia/racun oleh Jabatan Pertanian telah dapat mengurangkan perbelanjaan mereka di dalam aktibiti pertanian mereka kerana mereka tidak perlu lagi mengeluarkan wang mereka atau jika mereka menge luarkannya sekalipun, ianya cuma di dalam kadar yang jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan harga yang terpaksa mereka bayar jika mereka mendapatkannya di kedai-kedai. Begitu juga dengan lain-lain program yang disediakan oleh pihak agen yang lain di dalam menampung perbelanjaan petani-petani di dalam aktibiti pertanian mereka.

kemudahan-kemudahan biasiswa, bantuan buku teks dan juga bantuan makanan kepada murid-murid sekolah rendah. Ibubapa atau penjaga murid-murid ini tidak lagi terpaksa menyediakan buku-buku teks bagi anak-anak mereka kerana anak-anak mereka telah diberikan bantuan buku teks. Ibubapa atau penjaga murid-murid ini hanya diperlukan menyediakan buku-buku tulis atau latehan sahaja. Bagi pelajar-pelajar di sekolah menengah pula, mereka ini disediakan biasiswa oleh pihak Kerajaan bergantung kepada pencapaian pelajaran mereka. Bagi murid-murid sekolah rendah pula, mereka ini disediakan bekalan makanan.

Dilihat dari aspek pembangunan sosial pula, melalui program-program latihan dan lawatan sambil belajar (disediakan oleh RISDA, Jabatan Haiwan dan Jabatan Pertanian), semburan anti malaria, bantuan tandas curah (dari Kementerian Kesihatan), projek-projek pemaritan, pembetongan, jambatan dan jalan (dari Pejabat Daerah) misalnya, telah dapat menyumbangkan hasilnya kepada penduduk-penduduk Kampong ini samaada dari segi pengetahuan, kesihatan, kesedaran, kemahiran dan seumpamanya. Sungguhpun pembangunan sosial di kalangan penduduk-penduduk Kampong ini telah ujud sejak awal merdeka melalui kemudahan-kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak Kerajaan, tetapi dengan adanya program-program pembangunan yang disediakan oleh pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan ini, ianya lebih mempercepatkan lagi proses pembangunan sosial tersebut.

Melalui kemudahan-kemudahan latihan dan lawatan sambil belajar yang disediakan oleh pihak RISDA, Jabatan Haiwan maupun Jabatan Pertanian, telah membolehkan penduduk-penduduk Kampong ini mendapat pengetahuan, pengalaman serta kemahiran yang tertentu bagi membolehkan mereka mempelbagaikan kegiatan ekonomi mereka. Mereka juga dapat memahami satu-satu projek itu melalui lawatan-lawatan sambil belajar ini kerana mereka ini telah dibawa melawat ke projek-projek yang

berjaya di sana dan di sana mereka telah diberi penerangan-penerangan yang berguna bagi mereka untuk bergiat di lapangan yang sama di tempat mereka. Sungguhpun buat pada masa ini belum lagi terdapat sebarang projek-projek yang dianggap berjaya di Kampong ini samaada dari segi tanaman, ternakan atau perniagaan, tetapi beberapa orang penduduk Kampong ini ada yang berura-ura mahu menjalankan beberapa projek yang di antaranya ialah projek ternakan ayam daging, ternakan itik dan ternakan ikan air tawar. Bagi projek ternakan ikan air tawar tersebut, tiga orang penduduk Kampong ini telahpun menyediakan tapak kolam ikannya yang meliputi kawasan seluas satu ekar serta bantuan-bantuan yang diperlukan telahpun diminta kepada Jabatan Perikanan dan RISDA. Mereka yang berminat mahu mengadakan projek-projek ini mengakui bahawa mereka tertarik untuk menyertai rancangan ternakan ini adalah akibat dari penerangan-penerangan serta latihan dan lawatan yang telah mereka sertai sebelumnya.

Melalui perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian Kesihatan pula samaada melalui perkhidmatan semburan anti malaria, kawalan penyakit, perkhidmatan kepada kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung atau melalui pemberian alat-alat tandas curah yang percuma kepada penduduk-penduduk Kampong ini, telah dapat meningkatkan lagi taraf kesihatan penduduk-penduduk Kampong ini. Misalnya dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, taraf kesihatan kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung adalah di dalam keadaan yang amat baik kerana di dalam jangkamasa tersebut tidak terdapat kes kematian ibu-ibu ketika bersalin manakala kematian di kalangan kanak-kanak samaada ketika berumur dua tahun ke bawah atau kerana keguguran adalah terlalu kecil (ini menurut keterangan yang diberikan oleh seorang jururawat yang terdapat di Klinik Besar Dong, dimana penduduk-penduduk Kampong ini mendapatkan

kawalan penyakit oleh pihak Kementerian Kesihatan, ianya telah mencegah penduduk-penduduk Kampong ini dari serangan penyakit-penyakit berjangkit seperti taun, malaria atau kepialu. Keadaan ini bertambah baik apabila pihak Anti Malaria telah menghentikan semburan dari rumah ke rumah di Kampong ini pada pertengahan 1980 kerana Kampong ini adalah terkawal dari penyakit demam malaria.

Kemajuan sosial yang paling nyata sekali ialah di dalam bidang pelajaran anak-anak mereka. Kadar keciciran di kalangan murid-murid sekolah di Kampong ini adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan jumlah anak-anak yang bersekolah. Kadar keciciran yang amat rendah ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang di antaranya ialah terdapatnya kemudahan-kemudahan perhubungan di antara Kampong ini dengan sekolah, adanya kesedaran di kalangan ibubapa dan penjaga terhadap kepentingan pelajaran bagi anak-anak mereka serta adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi meringankan beban perbelanjaan ibubapa dan penjaga murid-murid ini.

Melalui kemudahan-kemudahan jalan, pemaritan, pembetongan, jambatan dan perigi-perigi pam, kebajikan penduduk-penduduk Kampong ini telah bertambah baik. Kemudahan-kemudahan ini benar-benar memberi kebajikan kepada mereka dimana sebelum kemudahan-kemudahan ini disediakan, kemudahan jalan, pemaritan, lambatan dan pembetongan adalah tidak memuaskan. Ini kerana mereka tidak mempunyai banyak modal dalam menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Sebagai contohnya, bagi membina sebuah jambatan, ianya memerlukan kayu-kayu keras yang baik untuk menjamin jambatan tersebut panjang usianya. Ketika mereka tidak menerima bantuan-bantuan kayu dari pihak Pejabat Daerah, mereka hanya menggunakan kayu-kayu yang terdapat di kawasan-kawasan hutan Kampong ini, tetapi kayu-kayu tersebut tidak begitu tahan bagi jangkamasa yang panjang. Tetapi selepas adanya bantuan-bantuan kayu dari

Pejabat Daerah ini, kayu-kayu yang disediakan adalah kayu-kayu yang baik dan sudah tentu jambatan-jambatan ini lebih panjang usianya.

Sungguhpun di dalam kajian di Kampong Ajai ini terdapat banyak perubahan dari segi sosio-ekonomi di kalangan penduduk-penduduknya, namun ianya tidaklah bererti bahawa tidak terdapat kelemahan-kelemahan di kalangan Agensi-Agenzi dan Jabatan-Jabatan di dalam aktifiti pembangunan mereka. Terdapat beberapa kelemahan dari segi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pihak Agensi dan Jabatan Kerajaan di dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Di bawah ini dinyatakan antara beberapa kelemahan itu dan pengesuran untuk mengatasinya juga dikemukakan :-

- I. Usaha-usaha pengembangan tidak mencukupi. Usaha-usaha de ikian perlu ditingkatkan lagi kerana usaha-usaha pengembangan adalah penting bagi mengujudkan kesedaran dan pemahaman di pihak yang dirancangkan tentang alternatif-alternatif dan peluang-peluang yang terbuka kepada mereka dalam usaha memperbaiki keadaan hidup mereka yang mana mempunyai hubungan dengan penerimaan dan penggunaan pengetahuan serta amalan-amalan baru yang disyurkan kepada mereka oleh pihak agen. Teknik-teknik pengembangan yang dijalankan oleh pihak agen samaada melalui kaedah media massa (siaran bertulis, radio/telivisyen dan tayangan gambar) atau melalui ceramah dan penerangan secara kumpulan, bagi masyarakat Kampong Ajai masih belum cukup untuk mengubah sikap mereka. Kaedah individu kepada individu perlu digunakan sebagai 'follow-up' kepada kedua kaedah pertama itu. Sudah pasti kaedah ini akan melibatkan banyak tenaga dan masa, tetapi memandangkan ianya perlu dilakukan untuk beberapa

kalangan mereka, maka pihak agen hendaklah bersedia untuk itu.

2. Tidak mengajak penduduk-penduduk Kampong ini berbincang semasa menyusun program-program pembangunan dan juga dalam menyampaikan maklumat kepada mereka. Penyampaian maklumat melalui perhubungan 'satu hala' sebagaimana yang diamalkan sekarang adalah kurang berkesan kerana penerima merasai bahawa pihak agen beranggapan bahawa mereka adalah penerima yang pasif, yang hanya mendengar dan menerima apa sahaja penerangan dari pihak agen. Oleh itu perhubungan 'dua hala' adalah perlu di dalam penyampaian maklumat mengenai sesuatu 'inovasi' maupun di dalam menyusun sesuatu program. Dengan cara ini mereka tahu menilai sesuatu 'inovasi' yang dibawa kepada mereka dan akan merasa bahawa sesuatu program itu lahir dari kehendak mereka sendiri. Dengan itu mereka akan menunjukkan penglibatan yang lebih terhadap sesuatu program.

3. Tiadanya proses penilaian atau jika ada pun masih tidak mencukupi. Satu contoh keburukan akibat tiada atau kurangnya penilaian ialah amalan adanya menyimpan baja (getah ataupun padi) di bawah rumah. Keadaan yang seperti ini memberi gambaran seolah-olah tugas agen berakhir setakat membekalkannya sahaja. Oleh itu adalah perlu bagi pihak agen menilai setiap program setiap masa. Pengurusan yang baik memerlukan satu proses penilaian dan pembaikan yang berterusan. Melalui proses penilaian, kerugian masa dan perbelanjaan dapat dielakkan kerana sesuatu penilaian itu dibuat bukan sahaja untuk menentukan samaada matlamat sesuatu program itu sudah tercapai tetapi juga untuk menentuka strategi bagi mencapai

sesuatu objektif itu sesuai dan berkesan, dimana kelemahan-kelemahan yang diperlihatkan dapat di atasi dan diperbaiki dengan segera.

4. Perlunya satu badan perancang yang benar-benar dapat menentukan kejayaan sesuatu projek yang disediakan oleh pihak agen agar tidak berlaku pembaziran di dalam perlaksanaan sesuatu program dan iaanya dapat mencapai objektif sesuatu program yang dirancangkan. Pembaziran di dalam projek-projek ini dapat dilihat misalnya di dalam projek taliair dan bantuan lembu susu di Kampong ini. Di dalam projek taliair ini, perbelanjaan bagi menyediakannya menelan belanja berpuluhan-puluhan ribu ringgit sedangkan sumbangannya kepada petani-petani adalah tidak memuaskan kerana hanya sebahagian sahaja dari sawah-sawah padi di Kampong ini yang menerima manfaatnya sedangkan sebahagian lagi tidak menerima apa-apa faedah darinya. Begitu juga di dalam projek ternakan lembu susu dimana lembu-lembu susu diberikan kepada penternak-penternak sedangkan padang ragut atau rumput-rumput yang perlu bagi lembu-lembu tersebut tidak disediakan terlebih dahulu. Akibatnya, kesemua lembu-lembu ini kurus-kurus belaka dan terdapat juga yang telah mati kerana kurang makanan. Oleh itu, sekiranya pihak agen benar-benar mahu membangunkan masyarakat luar bandar samaada dalam bidang sosial maupun bidang ekonomi, maka satu badan perancang yang benar-benar berfungsi perlulah diadakan segera.

program pembangunan sosial kepada generasi muda dan generasi tua sahaja sedangkan generasi kanak-kanak yang belum bersekolah tidak mendapat apa-apa program. Pada peringkat umur mereka di antara 4 hingga 6 tahun ini, mereka memerlukan aktifiti-aktifiti yang dapat mengembangkan pemikiran mereka. Dalam masaalah ini, pihak agen, RISDA terutamanya terpaksa mengambil daya inisiatif seperti menyediakan kelas-kelas TADIKA seperti yang diadakan di Kampong-Kampong lain. Pendedahan mereka kepada aktifiti-aktifiti TADIKA ini sudah tentu membolehkan kanak-kanak tersebut menerima pendidikan awal mereka dengan lebih baik lagi dan mengembangkan pembelajaran mereka ketika bersekolah di sekolah rendah.

6. Pihak agen boleh merancang penggunaan sumber-sumber pengeluaran yang ada pada pihak penduduk-penduduk Kampong ini, terutamanya tanah, bagi meningkatkan taraf pendapatan mereka. Pengkaji lihat banyak tanah-tanah sawah yang kosong tanpa dikerjakan. Oleh itu pihak agen terutamanya RISDA, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan boleh menggunakan tanah-tanah tersebut untuk dimajukan samaada bagi kegiatan pertanian atau ternakan. Projek-projek ini boleh dijalankan oleh pihak penduduk-penduduk Kampong ini atas pembiayaan dari pihak-pihak agen ini. Pengkaji rasa jika tanah-tanah sawah yang tinggal itu dapat dimajukan sebagai kawasan pertanian atau ternakan ikan, maka sudah tentu penduduk-penduduk Kampong ini boleh mendapat pendapatan yang lebih tinggi lagi.

kampong di dalam memajukan Kampong ini. Kampong Ajai ini agak beruntung kerana mempunyai seorang ketua kampong yang aktif di dalam menjalankan tugas-tugasnya memimpin dan membangunkan Kampong ini. Peranan yang dimainkan oleh ketua kampong, di antaranya ialah menjadi wakil bagi kedua-dua belah pihak; iaitu antara Kerajaan dan anak-anak buahnya. Peranan paling penting yang dimainkan oleh ketua kampong ialah menolong melaksanakan projek-projek pembangunan Kerajaan. Ketua kampong menjalankan tugas-tugasnya melalui JKKK dimana beliau adalah pengurus jawatankuasa ini bersama-sama dengan lain-lain ahli yang dilantik. Melalui pembentukan JKKK ini, penduduk-penduduk Kampong diberi peluang mengambil bahagian di dalam proses perancangan dan perlaksanaan program pembangunan di Kampong ini. Ianya juga bertujuan bagi menyatukan Kampong dengan pentadbiran Mukim, Daerah dan Negeri untuk mempercepatkan proses pembangunan dan penyelesaian masaalah. Dengan adanya seorang pemimpin JKKK yang aktif di Kampong ini, maka segala matlamat penubuhan JKKK ini dapat berjalan dengan baik berbanding dengan beberapa buah Kampong yang berdekatan dengan Kampong ini. Disebabkan ketua kampong ini merupakan "penghubung" di antara anak-anak buahnya dengan pihak Kerajaan, maka segala masaalah dan penerangan yang perlukan penyelesaian bagi penduduk-penduduk Kampong ini, dirujukan kepada beliau. Sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan yang agak luas juga mempunyai pengalaman-pengalaman sebagai seorang pemimpin, beliau dapat menyelesaikan sebarang masaalah yang dikemukakan kepadanya. Jika beliau tidak dapat menyelesaikan masaalah tersebut, beliau akan cuba merujuk kepada pihak-pihak yang lebih mengetahui. Di sinilah letaknya kejayaan-kejayaan di dalam proses pembangunan di Kampong ini.

Akhir sekali, pihak-pihak agen seharusnya tidak berputus asa sekiranya sesuatu program mereka menemui kegagalan atau kurang mendapat sambutan dari kala-

dalam perlaksanaan yang lepas. Pihak agen juga harus sedar tentang sikap dan perrimaan masyarakat Kampong yang banyak dipengaruhi oleh latar belakan struktur sosial dimana mereka dilahirkan serta proses sosialisasi dan alam persekitaran yang dialami oleh mereka sejak beberapa lama.

Pengkaji kira, sesuatu rancangan pembangunan yang baik adalah terletak di tangan perancang pembangunan yang menyeimbangkan pembangunan-pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Sekiranya pembangunan ekonomi menggugat pembangunan sosial dan pembangunan politik atau sebaliknya, maka pembangunan yang seperti ini tidak mencapai 'pembangunan' di dalam ertiannya yang sebenar.

BIBLIOGRAFI

- I. Abdul Aziz Zakaria. Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan di Malaysia, DBP, Kuala Lumpur, 1978.
2. Ahmad Hussein S. Panduan Pentadbiran Awam, DBP, Kuala Lumpur, 1976.
3. Chee S. Goverment Policy and Rural Development in Malaysia, DBP, Kuala Lumpur, 1960.
4. Du Sautoy P. The Organization of a Community Development Programme, Oxford University Press, 1962.
5. Battern T.R. Communities and Their Development, Oxford University Press, 1957.
6. Goulet D. The Cruel Choice : A New Concept in Theory of Development, Atheneum, New York, 1973.
7. Griffin K.B. dan Enos J.L. Planning Development, A Wesley Publishing Co. London, 1970.
8. Haven A.E. Methodological Issues in the Study of Development, dalam Sociologie Ruralis, Vol. I2, 1972.
9. Latheef N. Ahmad. New Thinking for Malaysian Public Administration, DBP, Kuala Lumpur, 1975.
10. Meier G.M. Leading Issues in Economic Development, OUP, 1970.
- II. Nelson H.B. (ed.). Rural Sociology, McGraw-Hill Book Co., Inc., New York, Toronto, Londen, 1958.
12. Laporan Am, Banci Penduduk Malaysia 1970 Jilid I, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1977.
- I3. Malaysia, Buku Resmi Tahunan 1977, Jabatan Pencetak Negara, Kuala Lumpur, 1979.
- I4. Malaysia. Rancangan Malaysia Ketiga, Cetakan Kerajaan, Kuala

15. Malaysia. Undang-Undang Malaysia Akta 85, Akta RISDA, 1972,
Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972.
16. Malaysia. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga
1976 - 1980, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1979.
17. Malaysia. Laporan Ekonomi 1978 - 1979, Kementerian Kewangan
Malaysia, 1978.
18. Malaysia. Laporan Ekonomi 1980 - 1981, Kementerian Kewangan
Malaysia, 1980.
19. Panduan Bagi Kawalan Tatatertib Dalam Perkhidmatan
Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kuala
Lumpur, 1973.
20. Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985 Lapuran Fasa II,
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang, 1980.
21. RISDA. Laporan Kemajuan Setakat 31hb. Mac, 1978, Ibu Pejabat
RISDA, Kuala Lumpur, 1978.
22. Sanders I.T. The Community, The Ronald Press Co., New York, 1958.
23. Sadono Sukirno. Ekonomi Pembangunan, Berta Gorat, Medan, 1978.
24. Saw Swee Hock, Urban-Rural Attitudes Towards Family Size and Family
Limitation in West Malaysia, Kuala Lumpur, 1968.
25. Selvadurai S. Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area
of Kelantan, Kuala Lumpur, 1968.
26. The United Nations. Community Development and Related Services, New York,
1960.
27. Thangaraj, Thangadurai. Community Development, University of Malaya,
Co-operative Bookshop Limited, 1969.
28. Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1960,
Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Jabatan
Perdana Menteri, 1975.

29. Shamsul Amri Baharuddin. RMK ; Tinjauan dan Perlaksanaannya, DBP, Kuala Lumpur, 1979.
30. Wheare K.C. Kerajaan Persekutuan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
31. Yeo Beng Pah (ed.). Proceeding of Seminar on Malaysian Socio-Economic Question, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.
32. Uphoff N.T., Ilchman W.F. (ed.). The Political Economy of Development, University of California Press, 1973.
33. Berita Minggu, 14hb. June, 1981.
34. Surat Pekeliling Jabatan Perdana Menteri.

Latihan Ilmiah dan Thesis :

1. Che Alias Che Musa. Pembangunan "in situ" Melalui Projek-Projek RISDA. Satu Kajian Kes di Batu Karang. Latihan Ilmiah B.A, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980.
2. Rokiah Talib. Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan. Satu Kes Kajian Ke Atas Rancangan-Rancangan Tanah Negeri Kelantan. Thesis Ph.D, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.
3. Yaacob Harun. Pembangunan Komuniti di Rancangan FELDA. Satu Kajian Kes Di Rancangan Felda Sungai Tiang, Kedah. Thesis M.A, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.